


Jilid I
Bil. 46



Hari Isnin
14hb Julai, 1975

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5249]

USUL:

Rang Undang-undang Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama)—Menangguhkan Rang Undang-undang Bacaan Kali Yang Kedua [Ruangan 5343]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah [Ruangan 5301]

Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [Ruangan 5343]

UCAPAN TANGGUHAN:

Rancangan Buku Hijau [Ruangan 5359]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 14hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan
Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S.
(Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN
BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N.,
P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K.
(Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN
YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI
ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J.,
S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN
YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).

Yang Berhormat TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG ROSEMARY CHONG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

Yang Berhormat, TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- ” DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- ” TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jera).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- ” TUAN SU LIANG YU (Beras).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- ” TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- ” TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KELAB UMNO LONDON

1. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada beliau telah bertemu dengan anggota Kelab UMNO London pada bulan April 1975;
- (b) samada anggota tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar Malaysia dan samada mereka hadir di perjumpaan itu.

Jika ya, mengapakah pelajar-pelajar Malaysia boleh mengambil bahagian dalam politik di London tetapi pelajar-pelajar di Malaysia tidak dibenarkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan tersebut ialah:

- (a) Ya.
- (b) Ya.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, sekatan yang dikenakan bagi pelajar-pelajar Malaysia mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975, hanya boleh dikuatkuasakan di negara kita sahaja.

Adalah diketahui bahawa pelajar-pelajar Malaysia di London ada juga menyertai dalam Kelab Sosialis dan saya tidak nampak apa-apa sebab kenapa pelajar-pelajar Malaysia tidak boleh menubuhkan Kelab UMNO di London.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa pelajar-pelajar dari Malaysia yang mempunyai kerakyatan Malaysia, kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mereka ada mengambil bahagian dalam politik, tetapi pelajar-pelajar yang ada di universiti kita tidak dibenarkan. Ini menunjukkan ada dua standard untuk pelajar-pelajar warga-negara kita iaitu di luar negeri mereka boleh mengambil bahagian di dalam politik, tetapi

di tanahair kita mereka tidak dibenarkan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bahawa ada berlaku double standard?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tidak dengar jawapan tadi! Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah menjawab penuh—undang-undang kita tidak boleh kita kuatkuasakan di negeri orang lain. Itu soalan lain.

PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI-NEGERI

2. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri bahawa memandang kepada hakikat bahawa tidak semua negeri dapat mencapai kadar pembangunan ekonomi yang sama, menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan jurang pembangunan ekonomi di antara berbagai negeri di Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perbadanan ekonomi yang luas yang terdapat di antara negeri-negeri dan juga di dalam satu-satu negeri seperti Sabah dan Sarawak adalah disebabkan oleh latar belakang corak pembangunannya. Bagi membetulkan perbezaan ini, Kerajaan telah melancarkan berbagai projek yang bertujuan untuk membawa pembangunan ke kawasan-kawasan yang kurang membangun di negara ini. Sungguhpun kebanyakan projek-projek ini adalah merupakan projek-projek pertanian, jalanraya dan pembangunan tanah, kejayaan-kejayaan adalah juga dicapai dari segi menggalakkan pertumbuhan pusat-pusat bandar di negeri-negeri yang kurang membangun dan di samping itu Kerajaan juga telah menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran luar bandar, kesihatan, kuasa elektrik, bekalan air dan perkhidmatan-perkhidmatan lain di seluruh negara. Kemajuan juga dicapai dalam penyebaran industri-industri di luar dari Selangor dan Kawasan Wilayah Kuala Lumpur, ke negeri-negeri lain di Semenanjung, termasuklah Sabah dan juga Sarawak. Aliran ini menunjukkan, pada satu masa kelak kesemua pembangunan-pembangunan ini bersama dengan yang sedang dilaksanakan sekarang, akan menjadikan keadaan ekonomi di negeri-negeri itu bertambah maju daripada sekarang tanpa memberi kesan yang berlawanan dengan pembangunan negara keseluruhannya.

Kerajaan juga sedar iaitu untuk memperbaiki taraf kedudukan ekonomi setengah-setengah negeri seperti Kedah, Kelantan, Perlis, Trengganu dan juga bahagian-bahagian di Sabah dan Sarawak, usaha-usaha yang lebih kuat adalah diperlukan. Negeri-negeri dan kawasan inilah yang paling rendah pendapatan per kapita di negara ini yang termasuk golongan keluarga berbilang kaum yang mengalami beban kemiskinan yang paling tinggi. Strategi bagi meninggikan pendapatan dan kebajikan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan ini, akan melibatkan bukan sahaja mempercepatkan proses pembangunannya, tetapi juga akan menentukan supaya projek-projek yang dilaksanakan di negeri-negeri yang lebih maju akan dapat membantu mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang paling miskin itu. Hanya melalui kerjasama dari semua pihak, kita berharap dapat mengatasi masaalah perbezaan ekonomi antara negeri-negeri di negara kita.

Kerajaan akan menyatakan dengan lanjut strateginya bagi mengurangkan perbezaan ini, dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibentangkan di Parlimen pada awal tahun 1976.

PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK—KETURUNAN SARAWAK

3. Tuan Edwin anak Tangkun minta Perdana Menteri menyatakan bilangan rakyat Malaysia keturunan Sarawak dalam perkhidmatan luar negeri serta langkah-langkah yang diambil untuk mengambil lebih banyak daripada mereka untuk memasuki perkhidmatan tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini, terdapat 2 orang warganegara dari Sarawak yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik khususnya di Kementerian Luar Negeri. Kerajaan adalah sentiasa menggalakkan dan memberi pertimbangan terhadap permohonan-permohonan dari warganegara-warganegara Malaysia di Sarawak dan Sabah untuk memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Dan pada tahun 1972 Kerajaan telah melonggarkan sedikit kelulusan iaitu Kerajaan menerima calon-calon yang mempunyai Ijazah Am (General Degree) untuk memasuki dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dengan diberi

tanggagaji permulaan sebanyak \$650 sebulan. Jadi, apa juga yang boleh dibuat telah dibuat untuk hendak menggalakkan mereka masuk dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Pada masa ini hanya ada 2 orang sahaja pegawai dari Sarawak dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan kita berharap banyak lagi calon-calon dari Sarawak meminta masuk dalam perkhidmatan ini pada masa akan datang.

RANCANGAN BUKU HIJAU—PEKERJA LADANG

4. Tuan Farn Seong Than minta Perdana Menteri menyatakan samada pekerja-pekerja ladang akan diberi tanah untuk membolehkan mereka melaksanakan Rancangan Buku Hijau dan jika tidak, nyatakan samada terdapat rancangan-rancangan yang lain untuk membantu pekerja-pekerja ladang yang berminat menanam makanan sebagai menambahkan pendapatan mereka yang kecil itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Buku Hijau ialah untuk semua rakyat dan adalah diharapkan semua pihak termasuk pekerja-pekerja ladang getah dan kelapa sawit menyahut seruan ini dengan tidak perlu mendapatkan galakan daripada Kerajaan.

Kerajaan sudahpun mengadakan perundingan-perundingan dengan wakil Sektor Estate tentang perkara ini dan persetujuan telah dibuat di mana pekerja-pekerja yang ingin melibatkan diri dalam Rancangan Buku Hijau hendaklah menekankan kepada matlamat pertama Rancangan Buku Hijau, iaitu menanam untuk kegunaannya sendiri. Di bawah Akta (Piawaian Manisa Perumahan Pekerja-pekerja) 1966, pihak majikan diwajibkan menyediakan sebanyak 1/16 ekar tanah kepada satu keluarga pekerja untuk membolehkan mereka bercucuk tanam dan berternak untuk kegunaan sendiri. Kerajaan sudah diberitahu oleh wakil Sektor Estate bahawa perkara ini sedang dilaksanakan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa kebanyakan pengurus-pengurus ladang yang tidak bekerjasama untuk memajukan Rancangan Buku Hijau. Umpamanya, adakah

beliau sedar Pengurus Ladang di Pulau Carey apabila pekerja-pekerjanya menanam sayur-sayuran di sekeliling rumahnya tanaman itu dirampas oleh Pengurus di situ. Kalau beliau sedar apakah tindakan Kerajaan akan mengambil terhadap perbuatan itu kalau tidak sedar, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyiasat perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, estet yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu termasuk dalam kawasan Parlimen rakan saya Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan beliau telah memberitahu saya bahawa pihak estet itu telah mula melaksanakan dasar ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada masa sekarang Pengurus Ladang di Carey Island barangkali telah mulakan, tetapi apa yang disebutkan oleh saya adalah benar. Kalau sekiranya Yang Amat Berhormat sedar, apakah tindakan Kerajaan akan mengambil terhadap perbuatan itu, kalau tidak sedar bolehkah beliau menyiasat perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sedia hendak menyiasat perkara ini kalau ada maklumat yang benar, tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak memberi maklumat yang benar kepada saya, susahlah saya hendak menyiasat perkara ini.

Dr Tan Chee Khoon: Saya akan beri.

RASUAH—TINDAKAN BIRO SIASATAN NEGARA

5. Tuan Farn Seong Than minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diketahui oleh Biro Siasatan Negara (N.B.I.) sejak bulan Januari tahun ini dan nyatakan:

- (a) berapa banyak pegawai-pegawai yang telah ditangkap atas dakwaan bahawa mereka telah menerima wang rasuah berkaitan dengan permohonan-permohonan untuk permit-permit teksi; dan
- (b) berapa banyak pegawai-pegawai Kerajaan yang telah ditangkap atas dakwaan bahawa mereka telah menerima wang rasuah berkaitan dengan permohonan-permohonan untuk tanah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam kes-kes rasuah sejak bulan Januari hingga bulan Jun tahun ini adalah seramai 103 orang. Dari jumlah ini pegawai-pegawai Kerajaan yang ditangkap atas aduan dari orang awam adalah berjumlah seramai 50 orang, dan orang awam yang ditangkap kerana memberi rasuah kepada pegawai-pegawai Kerajaan adalah seramai 53 orang.

3 orang pegawai Kerajaan telah ditangkap oleh B.S.N. atas tuduhan menerima wang rasuah berkaitan dengan permohonan-permohonan mendapat permit-permit teksi.

7 orang pegawai Kerajaan telah ditangkap atas tuduhan menerima wang rasuah berkaitan dengan permohonan-permohonan untuk mendapatkan tanah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan kejadian rasuah ini tidak berlaku pada masa akan datang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kerap kali telah diterangkan di dalam Dewan ini iaitu Kerajaan telah menubuhkan satu badan, Biro Siasatan Negara yang mempunyai kuasa penuh bagi menjalankan siasatan dan mengambil tindakan di atas perkara ini maka terpulangnya kepada pihak awam untuk memberi maklumat-maklumat supaya tindakan-tindakan dapat dijalankan oleh pihak Biro ini.

PESAKIT DI HOSPITAL—BAYARAN

6. Tuan Jaafar bin Hamzah minta Menteri Kesihatan menyatakan iaitu memandangkan kepada apa yang telah beliau nyatakan dalam persidangan Parlimen yang lalu bahawa Kerajaan telah membenarkan orang-orang asing menerima rawatan perubatan dan bersalin di hospital-hospital Malaysia atas dasar perikemanusiaan dan bahawa ada negara-negara tetangga yang tidak memberi kemudahan seperti itu kepada warganegara kita apakah tindakan yang telah diambil supaya perkara ini tidak berlarutan kerana ianya tidak menguntungkan negara kita tetapi akan melibatkan perbelanjaan yang besar hanya untuk menolong orang-orang asing.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja untuk mengkaji semula semua bayaran rawatan pesakit-pesakit di hospital dan ini termasuklah juga pembayaran rawatan bagi pesakit-pesakit yang bukan warganegara.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa bilakah siasatan ini boleh disiapkan, dan kalau sekiranya ada pindaan, bilakah Kementerian Kesihatan akan mengumumkan kajian yang dicadangkan oleh Jawatankuasa ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, satu siasatan telah dijalankan dan Kementerian saya sedang menunggu satu laporan daripada Jawatankuasa ini, dan apabila cadangan-cadangan yang sesuai dari Jawatankuasa ini siap akan disampaikan kepada Kerajaan, iaitu Jemaah Menteri untuk persetujuan Jemaah Menteri, maka barulah dasar baru itu akan dijalankan.

GULA—KENAIKAN HARGA

7. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau memandang berat sikap atau black-mailing pengusaha-pengusaha gula semasa mereka meminta supaya harga gula dinaikkan baru-baru ini dan mereka akan menutup perusahaannya jika permintaan mereka tidak ditimbangkan dan samada Kementerian akan memilik negarakan perusahaan ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga gula baru-baru ini telah dibenarkan oleh Kerajaan setelah dikaji dengan mendalamnya kedudukan yang sebenarnya yang dihadapi oleh pengilang-pengilang gula tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perusahaan penapis gula tempatan telah mengalami masalah membiayai pembelian gula mentah pada akhir tahun 1974 dan awal tahun 1975 oleh kerana bekalan gula mentah yang mereka beli adalah pada harga yang mahal. Kos pengimporan ini telah meningkat dengan banyaknya sekiranya dibandingkan dengan kos

yang dialami sebelum itu dan penapis-penapis gula tidak dapat memperolehi kemudahan-kemudahan yang diperlukan daripada bank perdagangan tempatan untuk mendapatkan letters of credit. Salah sebuah daripada penapis-penapis gula tempatan terpaksa memberhentikan pengeluarannya pada bulan Mac, 1975 oleh kerana tidak ada mempunyai bekalan gula mentah di dalam simpanannya. Kerajaan terpaksa campur tangan serta memberi jaminan mengenai perbelanjaan pengimporan gula mentah yang telah diperlukan untuk negara. Memandangkan kepada hal inilah maka Kerajaan membenarkan kenaikan harga gula supaya penapis-penapis gula tempatan dapat meneruskan pengeluaran mereka. Sekiranya Kerajaan tidak campur tangan dan membantu pihak berkuasa untuk mengatasi masalah yang dihadapi olehnya akibat kepada rakyat adalah lebih buruk iaitu bekalan gula akan tidak ada ataupun kekurangan.

Soal ugut-mengugut ataupun black-mailing itu adalah tidak timbul.

Berhubung dengan soal memilik negarakan perusahaan gula Kerajaan tidak berhajat untuk mengambil tindakan seperti itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar iaitu di masa pengusaha gula ini hendak membuat rayuan supaya harga gula itu dibenarkan oleh Kerajaan dinaikkan, mereka ada berkata bahawa jika kebenaran tidak dapat atau tidak diperolehi mereka akan memberhentikan keluaran. Jika benar, Kerajaan patut bersikap lebih tegas kerana boleh jadi sikap-sikap dan ugutan-ugutan seperti ini akan diikuti oleh pengusaha-pengusaha yang lain.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat itu tidaklah benar.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada waktu Kerajaan membuat ketetapan membeli gula mentah dari Australia dengan harga yang pada masa sekarang dianggap mahal itu, adakah pihak pengusaha penapis gula diajak berunding, berpakat ataupun ditanya, mendapatkan nasihat dan apakah akan jadi di masa akan datang kalau harga yang kita mesti membayar di bawah kontrak

ini terus sebagaimana yang telah dijanjikan, adakah masalah yang kita hadapi ini akan terus berat. Adakah jalan untuk melonggarkan lagi?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa pada masa gula ini dipersetujui dibeli daripada pihak yang berkenaan di Australia, kita adalah sangat kekurangan gula dan perkara ini telah ditimbang dengan mendalam dan didapati bahawa harga yang ditawarkan kepada kita adalah murah lagi daripada yang ditawarkan kepada negara-negara yang membeli gula daripada negeri yang sama. Jadi, perkara itu telah diputuskan dan kita telah bersetuju membeli gula dengan harga yang ditawarkan itu.

Dari segi perundingan antara pihak kita dengan pihak pengilang-pengilang gula, suka-lah saya menyatakan di sini bahawa apabila satu-satu perjanjian dibuat dengan pihak-pihak di luar negeri di atas perkara pembelian gula, pihak pengilang-pengilang yang mengeluarkan ataupun memproseskan gula-gula mentah untuk dijadikan gula bersih itu akan dirundingkan perkara ini dengan mereka.

PERBADANAN JAMINAN KREDIT (C.G.C.)

8. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada Perbadanan Jaminan Kredit (C.G.C.) telah dapat mencapai kejayaan dalam tugasnya; dan
- (b) samada kegelisahan kaum peniaga kecil Bumiputra telah dapat diatasi.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan Perbadanan Jaminan Kredit ditubuhkan ialah untuk memberi jaminan di atas pinjaman-pinjaman yang diberi oleh bank-bank perdagangan kepada peminjam-peminjam kecil dalam bidang pertanian, perusahan dan perniagaan untuk membiayai projek-projek yang menguntungkan. Semenjak Rancangan Jaminan Perbadanan ini dilancarkan pada bulan Januari 1973 hingga akhir bulan April, 1975, sebanyak \$214.9 juta telah diluluskan oleh bank-bank perdagangan

sebagai pinjaman yang dijamin oleh Perbadanan ini. Bilangan peminjam pula sekarang ini adalah sebanyak 27,482 peminjam iaitu termasuk 20,112 peminjam bumiputra atau 75% dari semua peminjam-peminjam ialah peminjam bumiputra. Dari angka-angka ini, bolehlah dikatakan bahawa selama ini Perbadanan Jaminan Kredit telah mencapai kejayaan dalam tugas-tugasnya.

Saya kurang faham dengan maksud soalan (b) Ahli Yang Berhormat itu, tetapi sekiranya apa yang dimaksudkan ialah aduan-aduan yang diperbuat berkenaan dengan kesulitan mendapatkan pinjaman dari bank-bank, maka kesulitan ini telah banyak diatasi dengan memberi penerangan dan pertolongan kepada peniaga-peniaga kecil bumiputra tentang bagaimana menyediakan kertas kerja yang lengkap untuk dimajukan kepada bank-bank perdagangan. Mereka yang ingin mendapatkan nasihat dan bimbingan berkenaan dengan perkara ini bolehlah pergi sendiri ke ibu pejabat Perbadanan Jaminan Kredit di Kuala Lumpur atau pejabat-pejabat cawangannya di Kuantan, Pahang dan Kota Bharu, Kelantan atau berhubung dengan surat ke pejabat-pejabat ini. Nasihat-nasihat bimbingan ini boleh juga didapati dari pejabat-pejabat MARA dan bank-bank perdagangan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi nampaknya 75% peminjam adalah daripada bumiputra. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi keterangan daripada sebanyak \$214 juta itu, berapa yang diberi kepada peminjam bumiputra yang sebanyak 75% itu?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1974 sebanyak \$74 juta ialah pinjaman kepada bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua: Tahun 1974?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Ini dalam tahun 1974. Angka-angka untuk tahun 1975 belum didapati sekarang ini oleh kerana belum cukup setahun.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu nampaknya tidak bersamaan dengan bermula dari bulan Januari, 1973 hingga bulan April, 1975. Sukacita kiranya dapat diberi kemudian angka yang sebenarnya daripada pinjaman yang diberi di bawah C.G.C. ini—sebanyak \$214 juta itu berapa banyak kepada bumiputra, walaupun peratus pinjaman 75% bumiputra saya bimbang sekiranya jumlah wangnya kecil. Soalan saya yang kemudian daripada itu saya ingin mendapat tahu kebanyakan pinjaman ini adakah seluruhnya datang daripada Bank Bumiputra atau datang daripada bank-bank yang bukan daripada Bank Bumiputra? Jika dapat saya minta keterangan-keterangan yang lebih lanjut dalam hal ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ada meminta beberapa butir-butir dan saya rasa patut diberi notis, jika dikhendaki. Tetapi, saya akan menyampaikan butir-butir ini kepada Ahli Yang Berhormat.

Tentang soalan samada pinjaman-pinjaman kebanyakannya datang daripada Bank Bumiputra ataupun tidak, saya sukacita menjelaskan di sini bahawa pinjaman-pinjaman datang daripada semua bank perdagangan, bukan sahaja dari Bank Bumiputra.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pihak peniaga kecil bumiputra kurang mendapat keutamaan untuk mendapat pinjaman di bawah Perbadanan Jaminan Kredit ini melalui bank-bank yang lain. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan di masa hadapan supaya kemudahan yang sama juga didapati daripada bank-bank yang lain daripada Bank Bumiputra seperti yang didapati daripada Bank Bumiputra?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ini satu teguran yang amat sahaja dan saya sedar bahawa oleh kerana rancangan ini boleh dikatakan dirancang sejak 2 tahun lebih sahaja ada juga bank-bank perdagangan yang belum mengambil kegiatan yang positif atas perkara ini, tetapi saya juga sudah kerap kali menyatakan dalam

Dewan ini bahawa perkara ini sentiasa dikawal dan dikaji oleh Bank Negara Malaysia, Perbadanan Jaminan Kredit dan Kementerian saya sendiri.

GANJA—MENANAM SECARA HARAM

9. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada Kementerian telah menjalankan penyiasatan yang rapi mengenai sindiket menanam ganja secara besar-besaran yang sedang berjalan di Johor sekarang. Memandang kepada lapuran-lapuran akhbar bahawa hanya 47 ribu batang pokok ganja yang telah dimusnahkan, nyatakan samada Kementerian ini kekurangan kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas dalam hal ini dan jika tidak, mengapa ketua-ketua sindiket ini belum pernah tertangkap.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini adalah sedar terhadap kegiatan-kegiatan menanam ganja secara haram di negara ini khususnya di negeri Johor. Sebagaimana yang pernah dilakukan di masa-masa yang lepas, pihak Biro Narkotik telah dan akan mengambil tindakan yang wajar apabila menerima maklumat itu.

Masalah mengesan dan membasmi penanaman haram ini tidaklah disebabkan kekurangan kakitangan sahaja tetapi juga oleh beberapa sebab yang lain. Ladang-ladang ganja ini seringkali terletak tersembunyi di kawasan-kawasan jauh di pinggir-pinggir hutan dan dengan itu susah dijumpai. Juga dengan keadaan sekeliling begini, memang menjadi sukar untuk seseorang mengenal pokok-pokok itu ialah pokok ganja, jika tidak diawasi dengan teliti. Dalam kes-kes beginilah pihak Biro Narkotik sangat berharap kerjasama dan bantuan orang ramai memberi maklumat dan arahan kepada mereka.

Seseorang penanam ganja itu tidak dapat ditangkap kerana kekurangan bukti untuk dia didakwa di Mahkamah misalnya kadang-kadang ladang ganjanya itu bukan sahaja terletak jauh di pinggir hutan di tanah Kerajaan bahkan kedudukannya memerlukan pegawai-pegawai menguatkuasa melalui kawasan yang ada kediaman-kediaman

orang atau melalui kampung. Ini selalu menyebabkan mereka itu mudah dikenali dan penanam-penanam ganja itu mendapat "isyarat" awal daripada kawan-kawan pula.

Kerajaan sangat-sangat berharap bantuan rakyat untuk tampil ke hadapan dan sanggup memberi maklumat-maklumat untuk dapat tindakan tertentu diambil terhadap penanam-penanam ini.

Kawalan ini saya fikir telah berjalan dengan bagus kerana dalam tahun ini dan tahun yang lepas tak ada didapati tangkapan tanaman ganja di sebelah Johor melainkan baru-baru ini, dalam bulan ini ada satu tangkapan iaitu lebih kurang 500 pokok dalam kawasan Daerah Batu Pahat. Itulah satu kes yang dapat ditangkap, itupun dengan maklumat daripada orang ramai dan sudah kita musnahkan.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tiap-tiap seorang yang menanam ganja itu mestilah pada satu masa dia akan mengambil pokok-pokok itu. Jadi, sebelum pihak yang berkuasa menjumpai pokok itu, sebelum dimusnahkan, tidakkah boleh pihak yang berkuasa itu mengadakan serang hendap untuk menunggu pihak yang menanam itu mengambil pokok tanamannya?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana saya ceritakan tadi, orang yang hendak menghendap itu melalui kampung. Signal sudah diberi oleh kawan-kawan penanam itu. Pada satu masa saya telah mengarahkan dibuat serangan demikian, selama 6 hari diserang nyamuk di waktu malam, tetapi penanam ganja itu tak pernah datang. Akhirnya, dicabut juga. Barangkali dia tahu atau berbau bila nampak orang datang hendak menangkap.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kenyataan harga yang selalu disiarkan dalam suratkhobar, dadah berharga \$10,000 hingga \$300,000 misalnya, itu menambahkan selera petani-petani untuk menanam lebih banyak lagi.

Keduanya, apakah faedahnya pihak Polis menyiarkan harga itu dalam suratkhobar?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan ganja jarang disiarkan harganya, melainkan heroin atau

morphine yang disiarkan harganya. Keduanya, rakyat jelata dan juga Dewan ini berkehendakkan mengetahui apakah hasil tindakan Biro Narkotik ini, apabila membuat tangkapan mana perkhabarannya tak keluar. Orang ramai juga bertanya berapa banyak yang ditangkap, berapa harganya di pasaran. Terpaksalah kita beri maklumat, tetapi kalau pihak penanam bertambah selera dengan pendapatan yang begitu lumayan, kita pun menambah selera dengan menambah hukuman pula. (*Ketawa*).

AKTA PERKAHWINAN DAN PENCERAIAN

10. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyata-

- (a) bilakah Kerajaan akan menyediakan suatu Akta Perkahwinan dan Penceraian untuk orang beragama Islam; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa Akta tersebut sangat mustahak dan sangat dikehendaki oleh wanita di tanahair kita.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Masaalah undang-undang berkaitan dengan hukum Shara' mengenai Penceraian dan Perkahwinan adalah rumit kerana pertamanya mengikut Perlembagaan kita ini adalah satu perkara yang termasuk di bawah bidangkuasa Raja-raja Pemerintah dan Kerajaan Negeri, dan keduanya, apa-apa undang-undang mengenai perkara ini mestilah undang-undang yang tidak bercanggah dengan undang-undang Syariah. Yang demikian, pihak berkuasa Ugama Islam, tiap-tiap yang berkenaan hendaklah diminta memberi pandangan. Pada masa ini pandangan seperti itu telah diminta dan suatu Jawatankuasa untuk mengkaji masaalah-masaalah telahpun ditubuhkan dan Jawatankuasa ini telahpun menjalankan kerja-kerja bertujuan mengadakan Rang Undang-undang itu. Bilakah perundangan ini akan siap bergantung kepada hasil kerja-kerja Jawatankuasa itu dan hasil dari pandangan-pandangan itu. Adalah diingati iaitu sebarang undang-undang yang akan diluluskan itu hendaklah menepati dengan ajaran-ajaran ugama Islam.

Adalah diingati juga iaitu Kerajaan Persekutuan dan Jawatankuasa itu cuma boleh mengadakan rang undang-undang itu. Yang berkuasa meluluskannya ialah Raja-raja Pemerintah dan Kerajaan Negeri melainkan bagi Wilayah Persekutuan yang mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan Persekutuan yang berkuasa.

- (b) Ya, saya sedar, dan dengan kesedaran itulah Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menyediakan rang undang-undang itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah jawapan yang diberikan oleh Menteri yang berkenaan itu bermaksud kalau sekiranya Rang Undang-undang itu disediakan, Rang Undang-undang itu tidak dibawa ke Dewan ini, tetapi dibawa ke Dewan Negeri masing-masing dan diluluskan di sana, melainkan di Wilayah Persekutuan barangkali dibawa ke Dewan ini untuk diluluskan dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, begitulah tujuannya, sebab yang berkuasa itu Kerajaan Negeri untuk meluluskannya. Ugama adalah kuasa dan hak Raja-raja Pemerintah dan Kerajaan Negeri, melainkan bagi Negeri Pulau Pinang dan Melaka, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga yang berkuasa. Dan kalau kita dapat luluskan satu Rang Undang-undang bagi Wilayah Persekutuan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini, dibentuk dengan cantik boleh Kerajaan Negeri "to adopt" dan menggunakan undang-undang itu juga dengan diluluskan di Negeri-negeri masing-masing. Dengan itu, samalah Undang-undang hukum Islam itu berjalan pentadbirannya di seluruh Persekutuan. Itu caranya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan jelaskan bahawa katanya ada satu Jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini, adakah anggota-anggota Jawatankuasa ini mengandungi wanita atau tidak, atau dianggotai oleh kaum lelaki sahaja. Oleh sebab kalau sekiranya semua

anggotanya lelaki sahaja, wanita-wanita ditanah air kita mungkin boleh mengatakan "Male Chauvinism" buat "dragging their feet". Bolehkah Menteri yang berkenaan jelaskan?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang Islam khasnya lebih mengetahui tanggungjawabnya, memang ada wakil wanita dalam Jawatankuasa itu iaitu Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am sendiri ada di dalamnya.

GAJI MINIMA

11. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau bercadang menetapkan gaji minima bagi pekerja-pekerja dengan tujuan melindungi kepentingan kaum pekerja supaya selaras dengan tenaga yang mereka berikan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berasa tidak perlu berbuat demikian pada masa ini. Walau bagaimanapun, sudah ada terdapat lima Perintah-perintah Peraturan Gaji-gaji yang menetapkan gaji-gaji minima yang sedang dikuatkuasakan sekarang ini. Perintah-perintah tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Majlis Penetapan Gaji bagi Pemungkah-pemungkah, pengendali muatan dan anak sekuci di Pulau Pinang;
- (b) Majlis Penetapan Gaji bagi pekerja-pekerja Panggung Wayang;
- (c) Majlis Penetapan Gaji bagi pekerja-pekerja Perhidangan Makanan dan Hotel;
- (d) Majlis Penetapan Gaji bagi pembantu kedai di Semenanjung Malaysia;
- (e) Majlis Penetapan Gaji bagi pembantu kedai di Sarawak.

Soal pembayaran gaji minima kepada semua kategori pekerja-pekerja adalah sentiasa dikaji oleh Kementerian saya dari semasa ke semasa.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar

bahawa oleh kerana tidak adanya gaji minima yang telah ditetapkan, kebanyakan ataupun setengah-setengah daripada kilang-kilang, terutamanya di bandar-bandar besar, memberi gaji terlampau rendah menyebabkan setengah-setengah daripada pekerja-pekerja, terutamanya daripada luar bandar yang berhijrah ke bandar, seperti pekerja-pekerja wanita terpaksa mencari jalan lain untuk hendak mencukupkan ataupun hendak memadankan dengan kedudukan di bandar, setengah-setengahnya ada yang terpaksa menjalankan kerja-kerja yang menjatuhkan maruah. Kalau perkara ini dibiarkan tentulah. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalan tambahan Ahli Yang Berhormat hendak tanyakan? Ahli Yang Berhormat buat keterangan sahaja.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ada kaitannya. Maksud saya oleh kerana tak ada gaji minima tadi oleh setengah kilang-kilang, ramai di antara pekerja-pekerja terutamanya pekerja wanita yang datang daripada luar bandar, oleh kerana, gajinya itu rendah sangat mereka terpaksa mencari jalan lain untuk mencukupkan gaji dan setengahnya terpaksa menjalankan kerja-kerja yang boleh menjatuhkan maruah mereka. Jadi apakah tindakan Menteri yang berkenaan untuk mengatasi keadaan ini.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jawab di tempat-tempat di mana pekerja-pekerja ada tersusun (organised) Kementerian saya menggalakkan perjanjian-bersama. Di tempat-tempat di mana pekerja tidak tersusun Kementerian sentiasa mengkaji keadaan dari semasa ke semasa dan seperti yang saya telah jawab menetapkan gaji minima di sektor-sektor yang tersebut pada masa sekarang.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan ada menyentuh tentang pekerja-pekerja di kedai kecil. Adakah beliau sedar kebanyakan pekerja-pekerja di kedai kecil pendapatannya terlampau rendah, oleh sebab itu mereka tidak ada kesatuan untuk menjaga mereka. Apakah tindakan Kementerian ada mengambil untuk membela nasib pekerja-pekerja di kedai kecil.

Tuan S. Subramaniam: Tuan yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengeluarkan perintah menetapkan gaji kepada pembantu kedai di Semenanjung Malaysia. Jikalau ada majikan-majikan yang tidak mengikuti penetapan, Ahli Yang Berhormat boleh melaporkan perkara itu dan Kementerian saya akan membuat kajian.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Apakah tindakan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada mengambil supaya pekerja-pekerja kecil sedar tentang langkah yang telah diambil oleh Kementerian Buruh untuk mengawal atau menjaga pekerja-pekerja di kedai kecil mendapat gaji yang berpatutan.

Tuan T. S. Subramainam: Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja yang tersebut telah diberitahu bahawa mereka mengadakan persatuan-persatuan yang tersusun dan Kementerian saya sentiasa menggalakkan trade union untuk membuat perjanjian-bersama.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, kenapa Kerajaan begitu keberatan untuk meminda Undang-undang Buruh?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak berapa faham.

Tuan Ngan Siong Hing: Kenapakah Kerajaan begitu keberatan untuk meminda Undang-undang Buruh?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

PENCEMARAN OLEH KILANG KELAPA SAWIT

12. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan kemajuan yang telah tercapai dalam usaha mencegah pencemaran sungai-sungai di negara kita oleh kilang-kilang kelapa sawit.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telah memberi perhatian yang utama kepada masalah pencemaran yang disebabkan oleh buangan lebihan kelapa sawit, akan

tetapi adalah tidak mungkin bagi kita mengadakan penyelesaian yang segera kepada masalah tersebut. Dalam hubungan ini sebuah Jawatankuasa Pakar telah ditubuhkan oleh Kementerian saya untuk mengadakan standard-standard bagi buangan-buangan kelapa sawit dan membuat perakuan-perakuan berhubung dengan kaedah-kaedah untuk mengawal pencemaran tersebut. Adalah diharapkan berdasarkan kepada penyelidikan tersebut suatu teknologi pemulihan akan dapat diadakan dan apabila ini dapat dilakukan Kementerian saya akan mengeluarkan arahan supaya semua kilang-kilang kelapa sawit di negara ini mematuhi kaedah-kaedah dan standard-standard yang tertentu di dalam mengawal pencemaran tersebut.

PENGEMIS/ORANG CACAT

13. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kebajikan Am menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha hendak mengurang atau menghapuskan langsung pengemis-pengemis dan orang-orang cacat yang merimpit sana-sini di Kuala Lumpur.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan seperti berikut telah diambil:

- (1) Akta Pengemis 1965 diwujudkan untuk menjadikan mengemis satu kesalahan. Di bawah Akta ini pihak Polis berkuasa menangkap dan membicarakan orang-orang yang didapati mengemis; Kementerian saya hanya bertanggungjawab terhadap jagaan dan pemulihan pengemis-pengemis ini;
- (2) Mengadakan Bantuan Am untuk mereka yang memerlukan termasuk bantuan kewangan bagi orang-orang tua yang memerlukan bantuan supaya mereka itu tidak mengemis untuk mencari nafkah;
- (3) Mengadakan yaysan-yaysan untuk jagaan dan pemulihan pengemis-pengemis dan orang-orang cacat (invalid), termasuk pemberian bantuan wang kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela bagi mengadakan yaysan-yaysan seperti itu;

- (4) Bekerjasama dengan pihak Polis dalam kempen-kempen menangkap pengemis dari masa ke semasa bagi mengurangkan, dengan seberapa yang boleh berlakunya perbuatan mengemis ini.

RUMAH PAPAN

14. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan sejauh manakah cadangan menggunakan lebih banyak kayu-kayan tempatan dalam membina rumah-rumah telah dilaksanakan di Sarawak dan samada rancangan ini dapat mengurangkan harga rumah-rumah terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan Negeri Sarawak sedang mendirikan 400 yunit rumah papan berasingan di Piasau, Miri dengan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak \$5 juta. Selain daripada itu Kerajaan Negeri Sarawak juga sedang mengendalikan lain-lain rancangan perumahan kos rendah dibuat dari papan dengan menggunakan wang Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Kedua, umpamanya:

- (a) di Jalan Istana, Kuching. (220 yunit rumah papan berasingan untuk peringkat I dan 280 yunit papan di peringkat II)
- (b) di Surabaya Ulu, Kuching (525 yunit rumah-rumah papan)
- (c) di Bukit Unjam, Kuching (400 yunit rumah papan)
- (d) di Kabong, Bahagian II (200 yunit rumah papan)

Adalah dipercayai iaitu penggunaan papan untuk perumahan akan merendahkan kos pembinaan walaupun faktor-faktor lain seperti tanah, buruh dan pengangkutan perlu juga diambil kira. Pertimbangan seumpama ini mengenai bahan tempatan seperti papan untuk pembinaan rumah-rumah di dalam rancangan perumahan awam akan membantu merendahkan kos yunit sesebuah rumah, dan dari itu membolehkan mereka dari golongan

berpendapatan rendah terutama sekali orang-orang kampung membeli rumah-rumah tersebut. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, keutamaan akan diberi kepada penggunaan papan dalam projek-projek perumahan awam kos rendah di semua Negeri-negeri di Malaysia terutama sekali di kawasan-kawasan di mana tanah mudah didapati dengan harga yang rendah.

Tuan Patrick Anek Uren: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa rancangan-rancangan rumah murah yang disebutkan tadi belum lagi dilaksanakan dan bilakah Kerajaan Negeri Sarawak akan melaksanakan rancangan itu?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Seperti yang saya sebutkan tadi rancangan-rancangan ini ada di antaranya sedang dilaksanakan dan ada di antaranya masih dalam usaha menyelesaikan tapak-tapak kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Patrick Anek Uren: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa rancangan itu telah dibuat untuk Rancangan Malaysia Kedua dan tidak lama lagi kita akan masuk Rancangan Malaysia Ketiga dan daripada rancangan yang disebutkan oleh beliau tadi hanya di Piasau sahaja sudah dilaksanakan, tetapi di Kuching langsung tidak ada. Dapatkah Kerajaan menjamin bahawa pelaksanaan rumah-murah itu dapat disiapkan sebelum kita memasuki Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi 400 yunit di Piasau itu memanglah sedang disempurnakan dan selain daripada itu rancangan-rancangan yang termasuk dalam Rancangan Malaysia Kedua sedang diusahakan dan sedang dikendalikan. Memang Kementerian ini sedar bahawa sebahagian besar daripada rancangan-rancangan itu masih belum dapat disempurnakan oleh sebab masalah-masalah yang berkaitan sebagaimana yang saya sebutkan tadi umpamanya masalah tanah yang belum diselesaikan. Walau bagaimanapun sebaik sahaja masalah ini dapat diselesaikan maka rancangan itu akan dilaksanakan.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat

Setiausaha Parlimen sedar bahawa kebanyakan yunit-yunit rumah harga murah di Piasau yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu bukan dibeli oleh rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah melainkan kebanyakan yunit itu telahpun dipunyai oleh taukeh-taukeh ataupun orang yang mempunyai wang yang banyak. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian itu supaya orang yang berpendapatan rendah dapat peluang mengambil bahagian dalam membeli rumah-rumah murah di Piasau yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar mengenai perkara ini dan Kementerian ini berharap sekiranya Yang Berhormat itu dapat memberikan keterangan kepada pihak Kementerian ini untuk membolehkan Kementerian ini berunding dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak.

K.W.S.P.—JAMINAN KEPADA PENCARUM

15. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi membolehkan orang-orang yang tidak bekerja tetapi belum mencapai umur 55 tahun mengeluarkan caruman mereka.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ditubuhkan dengan tujuan memberi jaminan kepada pencarum-pencarum semasa mereka bersara. Untuk mencapai tujuan ini, beberapa syarat terdapat di Seksyen 13 Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 telah memperuntukkan bahawa pengeluaran wang simpanan ahli-ahli hanya boleh dibuat sepenuhnya jika berlaku salah satu perkara-perkara yang saya sebutkan ini:

- (i) Ahli itu meninggal dunia.
- (ii) Ahli itu meningkat umur 55 tahun.
- (iii) Ahli itu tidak berupaya dari segi mental atau fizikal untuk meneruskan pekerjaan.
- (iv) Ahli itu akan meninggalkan negeri ini dengan niat tidak akan balik semula.

Walau bagaimanapun dalam seksyen yang sama seseorang ahli boleh juga mengeluarkan 1/3 daripada jumlah wang simpanannya apabila telah meningkat umur 50 tahun. Dengan itu tiadalah dijangka syarat-syarat ini akan dipinda pada masa ini.

YURAN SEKOLAH

16. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah di Telok Anson masih lagi mengutip yuran sekolah dari murid-murid darjah peralihan sungguhpun suatu pengumuman telah dibuat oleh beliau bahawa murid-murid ini akan menerima pelajaran dengan percuma dan jika ya, bilakah kutipan itu akan diherhentikan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya, saya sedar memang ada pengutipan yuran sekolah berlaku di masa yang lalu di mana ada kemungkinan yang beberapa buah sekolah tertentu tidak menyedari perubahan itu. Walau bagaimanapun, Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri telah diarah menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan untuk memberhentikan kutipan itu dengan serta merta.

Jikalau Ahli Yang Berhormat mengetahui mana-mana sekolah yang masih membuat kutipan, sila lapurkan kepada saya atau Pengarah Pelajaran Perak supaya tindakan dapat diambil.

RASUAH PEMBAHAGIAN RUMAH PANGSA

17. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat kesedaran umum di antara orang-orang awam di Wilayah Persekutuan bahawa rasuah berlaku di dalam pembahagian rumah pangsa berharga murah yang dibina oleh Dewan Bandaraya dan jika ya, nyatakan samada beliau akan mengarahkan Biro Siasatan Negara menyiasat di dalam hal-hal pihak yang berkuasa ini supaya dapat membasmikan pembahagian yang tidak adil akan rumah-rumah berharga murah kepada orang-orang yang kaya.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, pihak Biro Siasatan Negara ada menerima aduan daripada pihak-pihak yang tertentu mengatakan ada kemungkinan rasuah dilakukan oleh pegawai-pegawai yang tertentu dari Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur berkenaan dengan pembahagian rumah-rumah pangsa berharga murah di Jalan San Peng, Kuala Lumpur. Dalam penyiasatan yang telah dijalankan oleh Biro Siasatan Negara setakat ini tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan rasuah telah berlaku. Penyiasatan sedang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara samada orang-orang yang tidak berhak telah diuntukkan rumah-rumah pangsa itu.

NELAYAN PANTAI/PUKAT TUNDA—PERTEMPURAN

18. Datuk Albert Mah minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan pertempuran-pertempuran yang berlaku di antara nelayan-nelayan pantai dengan nelayan-nelayan pukat tunda pada tahun 1970, 1971, 1972, 1973, 1974 dan 1975;
- (b) bilangan orang yang kehilangan nyawa dan cedera akibat dari pertempuran-pertempuran ini;
- (c) bilangan orang didakwa di mahkamah dan dihukum;
- (d) apakah langkah-langkah positif sedang diambil untuk menghindar pertempuran-pertempuran di antara nelayan-nelayan pantai dengan nelayan-nelayan pukat tunda; dan
- (e) adakah beliau akan menimbang mengemukakan sebuah syarikat kerjasama yang mengandungi nelayan-nelayan pantai dan nelayan-nelayan pukat tunda supaya perseteruan di antara kedua pihak ini dapat diselesaikan melalui satu tindakan saling bekerjasama di dalam perusahaan perikanan itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pertempuran yang berlaku di antara nelayan-nelayan pantai dengan nelayan-nelayan pukat tunda adalah:

1970	...	...	...	...	30
1971	...	...	...	...	46
1972	...	...	...	...	11

1973	...	...	...	...	9
1974	...	...	...	...	9
1975 (hingga sekarang)	...				2

(b) Bilangan orang kehilangan nyawa dalam pertempuran-pertempuran ialah 38 orang iaitu dalam tahun 1970—4 orang, 1971—9 orang, 1972—9 orang, 1973—5 orang, 1974—7 orang dan 1975 sehingga ini 4 orang dan bilangan yang cedera pada tempoh yang sama ialah 67 orang.

(c) Bilangan orang didakwa dalam mahkamah ialah 18 orang dan yang dihukum 4 orang dan 6 orang lagi masih lagi menunggu keputusan mahkamah. Perlu saya sebutkan di sini bahawa apabila pertempuran-pertempuran seperti ini berlaku sebarang pendakwaan dan tindakan selanjutnya dibuat oleh pihak berkuasa Polis.

(d) Langkah-langkah yang telah diambil ialah:

(i) Menetapkan kawasan perairan perikanan pukut tunda dan perikanan tradisi atau pantai. Pemukat-pemukat tiada dibenarkan menangkap ikan dalam langkongan 3 batu dari pantai, yang dikhususnya untuk nelayan-nelayan pantai sahaja. Pemukat-pemukat menggunakan bot berat 25 ton ke atas, hanya dibenarkan menangkap ikan di perairan lebih daripada 7 batu dari pantai.

(ii) Penguatkuasa dan perondaan Bahagian Perikanan dan Polis Laut dipergiatkan terutama di kawasan-kawasan yang diketahui selalu berlaku pergaduhan-pergaduhan ini.

(iii) Denda-denda bagi melanggar peraturan-peraturan telah ditambah bagi mencegah pemukat-pemukat dari melanggar ke kawasan-kawasan perairan nelayan pantai.

(iv) Pihak berkuasa Polis Laut telah menggiatkan kawalan di kawasan-kawasan berkenaan dan kumpulan-kumpulan tertentu seperti kongsi gelap telah dibuang daerah seperti yang telah dibuat dalam "Operasi Gulong" yang dijalankan dalam tahun 1972.

(v) Lembaga Perpaduan Negara sendiri telah menjalankan satu kajian bagi menilai kawasan-kawasan pergaduhan dan beberapa syor telah dibuat dan di antaranya ada yang sedang dilaksanakan.

(vi) Sebuah Jawatankuasa bertindak khas telah dilantik oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri bagi mengkaji masaalah ini. Darpada bilangan pertempuran tiap-tiap tahun tadi nyatalah bahawa langkah-langkah yang diambil telah memberi kesan dengan berkurangnya pertempuran-pertempuran daripada tahun ke tahun.

(e) Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar sedang mengkaji kemungkinan penubuhan sebuah persatuan kawasan bagi nelayan-nelayan pukut tunda, nelayan-nelayan pantai bagi menyatukan Negeri-negeri Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah supaya dapat menyelesaikan perbalahan menerusi persatuan kawasan ini. Salah satu daripada tujuan besar Persatuan Kawasan seperti ini adalah untuk mengujudkan kerjasama yang lebih baik di antara kedua pihak tersebut.

RANCANGAN BUKU HIJAU—SIKAP BADAN BERKANUN

19. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan sikap FAMA dan lain-lain badan berkanun terhadap Rancangan Buku Hijau Kerajaan dan samada rancangan-rancangan susulan telah direka oleh FAMA bagi mengatasi masaalah orang-orang kampung yang telah menyambut rancangan tersebut tetapi mendapati tiada pasaran untuk hasil-hasil keluaran mereka.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, FAMA dan badan-badan berkanun yang lain sebagai ajensi-ajensi Kerajaan mempunyai bidang tugas dan tanggungjawab yang tertentu bagi melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan seperti Rancangan Buku Hijau. Oleh sebab itu, soal sikap badan-badan ini sendiri tidak timbul.

Matlamat utama Rancangan Buku Hijau ialah untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan

dan ternakan secukup untuk keperluan sendiri. Pengeluaran bahan-bahan makanan untuk dipasarkan di dalam negeri dan untuk diekspot ke luar negeri ialah matlamat yang kedua. Dalam hal ini, adalah mustahak pengeluaran dirancang mengikut kehendak-kehendak pasaran dari semasa ke semasa supaya pemasaran tidak menjadi masalah. Jenis dan banyaknya tanaman serta masa dan tempat-tempat ditanam mestilah disusun. Perancangan pengeluaran seperti yang dikehendaki itu dilakukan melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Peringkat Negeri dan Daerah dengan nasihat dan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun seperti Jabatan Pertanian, FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang, RISDA dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 53 adalah diberi di bawah ini).

BEKAS ANGGOTA TENTERA MENDAPATKAN KERJA

20. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa bekas perajurit kurang puashati dengan layanan yang diberi kepada mereka oleh Kerajaan; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini; dan
- (b) samada benar bahawa sebilangan bekas perajurit telah menyertai Parti Kominis Malaya.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Saya memang ada mendengar rasa kurang puashati daripada setengah-setengah bekas perajurit berkenaan masalah-masalah mendapatkan kerja yang mereka hadapi. Tetapi ini adalah merupakan salah satu daripada sifat manusia, ada yang puashati dan ada pula yang kurang puashati.

Walau bagaimanapun Kementerian Pertahanan khususnya Bahagian Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera, adalah sentiasa mencari jalan untuk menghadapi masalah ini. Sehingga ini langkah-langkah yang berikut telah dan akan terus dijalankan:

- (i) memberi latihan peralihan sehingga selama 18 bulan, jika perlu, kepada anggota-anggota tentera yang akan menamatkan perkhidmatan mereka supaya peluang mereka untuk mendapat pekerjaan akan menjadi lebih cerah lagi apabila mereka berhenti.
- (ii) mengadakan rancangan-rancangan tanah khas untuk bakal-bakal bekas perajurit seperti yang sedang dijalankan di Sungai Koyan, Raub.
- (iii) menggalakkan bakal-bakal bekas perajurit memasuki rancangan tanah yang diselenggarakan oleh FELDA dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri.
- (iv) cuba mendapatkan lesen-lesen teksis untuk bekas-bekas perajurit.
- (v) cuba mendapatkan kelonggaran syarat kelayakan untuk bekas-bekas perajurit menjawat beberapa jawatan tertentu dalam Jabatan Kerajaan.

Di samping itu Kementerian saya akan membuka lima pejabat baru Cawangan Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera, iaitu di Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Kuantan dan Kuching. Tugas utama pejabat-pejabat ini ialah untuk mengendalikan masalah bekas perajurit di peringkat negeri dan daerah.

Juga Kementerian saya akan merancang dan menimbangkan dari masa ke semasa langkah-langkah lain yang difikirkan مناسب dan boleh dilaksanakan untuk menolong bekas-bekas perajurit.

Berkenaan soalan (b), setakat yang saya ketahui tidak ada bekas-bekas perajurit yang telah menyertai Parti Kominis Malaya.

BANK PELABURAN KOMANWEL

21. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan apakah penglibatan Malaysia dalam penubuhan Bank Pelaburan Komanwel dan apakah keuntungan untuk Malaysia dari Bank tersebut.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Penglibatan Malaysia sekarang ini di dalam Bank Pelaburan Komanwel yang dicadangkan itu terhad kepada penyertaannya di peringkat pegawai-pegawainya di dalam satu jawatankuasa kerja yang telah ditubuhkan untuk mengeluarkan satu

lapuran untuk dipertimbangkan oleh Menteri-menteri Kewangan negara-negara Komanwel apabila mereka bermesyuarat di George Town, Guyana dalam bulan Ogos, 1975 kelak. Oleh yang demikian, adalah terlalu awal pada peringkat ini untuk mengatakan samada Malaysia akan mendapat keuntungan ataupun tidak daripada penubuhan bank yang dicadangkan itu.

FELDA—PENEROKA-PENEROKA

22. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) jumlah bilangan peserta-peserta FELDA pada masa sekarang;
- (b) jumlah bilangan mereka yang diambil dari tahun 1973 hingga sekarang;
- (c) jumlah bilangan pemohon yang masih berada di dalam senarai menunggu; dan
- (d) jumlah bilangan peserta-peserta yang telah meninggalkan rancangan tersebut.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):

- (a) Jumlah bilangan peneroka-peneroka FELDA pada 31-5-75 ialah 31,006 keluarga.
- (b) Jumlah bilangan peneroka yang diambil dari tahun 1973 sehingga 31-5-75 ialah 5,022 keluarga.
- (c) Jumlah bilangan pemohon yang berjaya dan yang masih berada di dalam senarai menunggu ialah 21,873. Ini termasuk 20,470 pemohon yang dipilih sejak bulan Mac, 1974.
- (d) Jumlah bilangan peneroka-peneroka yang telah meninggalkan rancangan dengan sendirinya daripada mula-mula FELDA ditubuhkan ialah 1,584.

JALANRAYA DI BANDARAYA—PENYELARASAN KERJA

23. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar tentang tugas-tugas yang berganda dan perbelanjaan yang berulang kerana tidak ada penyelarasan dalam kerja menggali atau memperbaiki jalan-jalan raya di Bandaraya Kuala Lumpur yang telah membawa kesukaran kepada orang ramai.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Saya sedar tentang kerja menggali dan memperbaiki yang sentiasa dijalankan di Bandaraya Kuala Lumpur. Bagaimanapun, bagi kebanyakan kerja-kerja ini memang ada penyelarasan di antara pihak-pihak berkuasa atau jabatan yang berkenaan. Kerja-kerja ini dijalankan kerap kali disebabkan pembangunan yang pesat di kawasan ini.

Satu Jawatankuasa Penyelarasan telahpun ditubuhkan di Dewan Bandaraya dan dianggotai oleh Lembaga Letrik Negara, Jabatan Talikom, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kerja Air.

Dewan Bandaraya juga memberitahu Jabatan-jabatan yang berkenaan seminggu sekali tentang permohonan perancangan dan pembangunan yang telah diluluskan samada pembangunan ini dijalankan oleh Kerajaan atau pemaju.

SYARIKAT ASIA UMBRELLA MANUFACTURING INDUSTRIES SDN. BHD.

24. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebab-sebab penutupan perusahaan perintis Syarikat Asia Perusahaan Membuat Payong Sdn. Bhd. (Asia Umbrella Sendirian Berhad) di Batu Pahat yang telah menyebabkan 60 orang pekerja-pekerja hilang kerja mereka; dan
- (b) samada cukai impot sebanyak 90 sen yang dikenakan khasnya ke atas setiap payong untuk menguntungkan perusahaan tersebut telah dibatalkan, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Asia Umbrella Manufacturing Industries Sdn. Bhd. ini bukanlah perusahaan bertaraf perintis tetapi ianya merupakan syarikat yang mendapat kelulusan kredit cukai pelaburan (investment tax credit) sahaja dari Kementerian saya. Syarikat ini terpaksa memberhentikan operasinya buat sementara waktu di atas sebab-sebab di luar kawalannya iaitu disebabkan kesukaran mendapatkan buluh

(bamboo) dan kenaikan harga bahan-bahan mentah utama yang paling teruk dalam tahun 1974. Syarikat ini pada mulanya membuat rangka-rangka payong daripada buluh (bamboo) yang diimport dari Thailand, tetapi bekalan buluh dari negeri Thai ini tidak tetap. Dalam pada itu Jabatan Perhutanan Malaysia telah mengesahkan bahawa buluh-buluh untuk membuat payong tidak boleh didapati dalam negara ini. Untuk mengatasi masaalah ini mereka berusaha menggunakan "PVC compound" untuk membuat "frames" bagi payong-payong pengeluarannya, tetapi dalam tahun 1974 harga "PVC compound", benang dan "glue" yang diimport oleh mereka dari Taiwan dan Singapore telah melambung naik. Kesan dari kenaikan harga bahan-bahan mentah utama dan juga kesulitan dari segi pasaran syarikat ini telah mengalami kerugian sebanyak lebihkurang \$150,000 dan syarikat terpaksa menutup operasi kilangnya buat sementara waktu dengan memberhentikan kebanyakan dari pekerja-pekerjanya. Walaupun begitu pada masa ini masih terdapat lagi 17 orang pekerja yang digunakan oleh syarikat dan pekerja-pekerja lain yang diberhentikan telahpun diberikan bayaran saga hati yang sewajarnya.

- (b) Cukai impot sebanyak 90 sen yang dikenakan ke atas setiap payong yang diimportkan masih dikuatkuasakan. Tujuan mengenakan cukai impot tersebut adalah untuk memberi perlindungan kepada industri payong tempatan dan bukan hanya untuk melindungi sesebuah syarikat sahaja. Oleh itu sungguhpun Syarikat Asia Umbrella Sdn. Bhd. telah memberhentikan pengeluaran payongnya, cukai impot sebanyak 90 sen masih lagi diperlukan sebagai bantuan kepada beberapa syarikat pembuat payong tempatan yang lain iaitu Malkuda Umbrella Frame Sdn. Bhd., Penang, Syarikat Penang Umbrella Manufacturing Sdn. Bhd., Province Wellesley dan Hong Chek Umbrella Industries Sdn. Bhd., Johor Bahru, untuk membolehkan mereka menghadapi tandingan impot payong dari luar negeri.

KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA—PERSIDANGAN

25. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau telah menerima dengan rasminya suatu usul yang dilulus oleh Persidangan Perwakilan yang ke 22 Kongress Kesatuan-kesatuan Sekerja Malaysia (Malaysian Trade Union Congress) yang memberi Kerajaan tempoh enam bulan untuk meminda undang-undang buruh atau menghadapi tindakan perusahaan oleh 350,000 ahli-ahlinya; dan nyatakan perkembangan-perkembangan yang akhir atas perkara ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Kementerian saya adalah sedar akan usul yang diluluskan oleh Persidangan Perwakilan yang ke 22 Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, di dalam dailog bulanan yang telah diadakan dengan pihak MTUC, perkara ini yang berkaitan dengan pindaan-pindaan Akta Perhubungan Perusahaan adalah dibincangkan. Hasil daripada perbincangan-perbincangan ini adalah terkandung di dalam pindaan-pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang telah diluluskan oleh Dewan ini dalam Persidangannya yang lepas dan yang mana Ahli Yang Berhormat telah maklum.

N.S. ELECTRONICS SDN. BHD. MELAKA—RAYUAN CHO TENG SIEW

26. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat:

- (a) memberi sebab-sebab beliau menolak rayuan Cho Teng Siew, seorang pekerja N.S. Electronics Sdn. Bhd. Melaka yang dibuat di bawah seksyen 16A Akta Perhubungan Perusahaan 1967 bahawa pemuangan kerja beliau adalah salah; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa di dalam rekod peribadinya, pada waktu beliau berkhidmat dengan syarikat N.S. Electronics, tidak ada sebarang dokumen yang bertulis untuk membuktikan beliau tidak cekap di dalam kerja beliau dan pertunjukannya tidak memuaskan tetapi sebaliknya terdapat

dokumen-dokumen yang membuktikan beliau adalah seorang kakitangan yang berkebolehan dan pertunjukan beliau sangat memuaskan, maka di dalam tempoh perkhidmatan beliau yang singkat itu, beliau dinaikkan pangkat penguasa.

Datuk Lee San Choon:

- (a) Oleh kerana penyiasatan yang dijalankan oleh Kementerian saya di bawah Seksyen 16A Akta Perhubungan Perusahaan, 1967, mengenai rayuan Encik Cho Teng Siew terhadap pembuangan kerjanya oleh N.S. Electronics Sdn Bhd Melaka, tidak menunjukkan bahawa pembuangan kerja Encik Cho Teng Siew adalah tanpa sebab-sebab atau alasan yang menasabah, maka rayuannya telah ditolak. (Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu sedar, sebarang keputusan yang dibuat di bawah Seksyen 16A, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 adalah muktamad dan konklusif). Dengan hal yang demikian, adalah tidak sesuai untuk membincangkan baik buruknya keputusan itu.
- (b) Semua rekod-rekod, dokumen dan keterangan lisan yang dikemukakan di dalam penyiasatan adalah diperiksa dan di dalam pemeriksaan tersebut, telah didapati bahawa pembuangan kerja pekerja yang berkenaan bukanlah tanpa sebarang sebab dan alasan yang adil. Dengan yang demikian seperti yang telah dinyatakan di atas, rayuan daripada Encik Cho Teng Siew telah ditolak.

MAJUTERNAK DI SARAWAK

27. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada terdapat sebarang rancangan oleh Perbadanan Kemaajuan Ternakan untuk menjalankan suatu projek ternakan di Sarawak; jika ya, di manakah projek tersebut akan ditempatkan, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Ada. MAJUTERNAK sedang memajukan satu kawasan seluas 3,000 ekar di Sungai Karabungan Batu 42, Jalan Miri Bintulu.

PEJABAT PENDAFTARAN DAN PEMERIKSA KERETA-KERETA MOTOR KEDAH

28. Puan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan samada beliau sedar akan seringnya berlaku kesesakan dan akibat kelambatan untuk membaharui lesen memandu, cukai jalan dll. di Pejabat P.P.K.M. (Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor) di negeri Kedah yang menimbulkan berbagai-bagai kesulitan kepada orang ramai. Jika sedar, adakah Kerajaan akan membuka pejabat cawangan di Sungai Petani untuk kesesakan itu dan bilakah akan dilaksanakan.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Ya. Saya sedar.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini Pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor Kedah yang baru di Alor Star pun sedang di dalam selenggaraan. Dengan siapnya pejabat baru ini, menjelang akhir tahun 1976, adalah diharapkan bahawa kesulitan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan sahaja dapat diatasi tetapi tidak timbul lagi. Namun demikian, pelaksanaan membina sebuah pejabat cawangan untuk memberi khidmat kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Kedah Selatan (termasuk Sungai Petani), Seberang Prai dan Perak Utara juga sedang di dalam pertimbangan Kerajaan untuk diselenggarakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (R.M.T.).

HOSPITAL BARU DI TELOK ANSON

29. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kesihatan menyatakan samada tarikh bagi mendirikan Hospital Daerah Baru di Telok Anson telah ditetapkan dan jika ya, bila.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tarikh bagi pembinaan hospital baru di Telok Anson belum ditetapkan lagi. Tapak tanah untuk projek ini telahpun diperolehi dan perancangannya sedang dalam tindakan.

KASTAM DAN EKSAIS DI RAJA—HASIL KUTIPAN

30. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kewangan menyatakan samada sebahagian daripada hasil yang dikutip oleh

Jabatan Kastam dan Eksais akan diberi kepada Kerajaan Negeri Melaka apabila jeti di Tanjong Keling, Melaka mula menjalan urusan; dan samada suatu persetujuan telah dibuat dengan Kerajaan Negeri itu mengenai hal ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Mengikut Perlembagaan, hasil-hasil yang dikutip oleh Jabatan Kastam dan Eksais di Raja iaitu cukai impot dan eksport, cukai tambahan dan juga cukai jualan atas barang-barang yang diimport dan dieksport adalah hasil-hasil Kerajaan Persekutuan. Oleh itu soalan mengenai penyerahan sebahagian tertentu daripada hasil tersebut kepada Kerajaan Negeri Melaka apabila jeti di Tanjong Keling mula digunakan dan juga soalan mengenai mengadakan satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri bagi tujuan itu tidaklah timbul. Ini tidaklah bermakna bahawa hasil-hasil Persekutuan tidak digunakan untuk kegunaan-kegunaan Negeri jua. Sebagai satu kenyataan, jeti di Tanjong Keling adalah di-biayai daripada wang Persekutuan.

DADAH DI KALANGAN BELIA

31. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada beliau sedar bahawa penagihan dadah baru-baru ini dikalangan pemuda-pemudi dan pelajar-pelajar telah bertambah serius; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk mengatasi masaalah ini.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Kerajaan sememangnya sedar yang masaalah menyalahgunakan dadah adalah menjadi lebih serius di masa-masa kebelakangan ini terutamanya dikalangan belia. Atas kesedaran inilah maka Kerajaan telah menubuhkan Pusat Biro Narkotik khas untuk mengendalikan hal-hal bersangkut dengan masaalah dadah. Di samping itu satu Jawatankuasa peringkat kebangsaan iaitu Jawatankuasa Penasihat Atas Pencegahan Salahguna Dadah telah ditubuhkan di Pusat Biro Narkotik untuk melaksanakan segala tindakan pencegahan. Jawatankuasa ini di Pengerusi sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara dan dianggotai oleh ahli-ahli professional dari kalangan pegawai-pegawai Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi dan badan-badan

sukarela. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menentang kegiatan menyalahgunakan dadah bolehlah dibahagikan kepada dua, iaitu:

- (i) *Mengurangkan bekalan:* Ini ialah dengan menjalankan kuatkuasa undang-undang terhadap pelari dan pengedar dadah iaitu dengan menangkap dan mempenjarakan mereka. Tetapi kepada penyalahguna dadah, mereka diberi segala kemudahan yang ada untuk pemulihan.
- (ii) *Mengurangkan keperluan:* Ini dimaksudkan kepada semua aspek pencegahan kecuali mengurangkan bekalan.

Dalam menjalankan aktiviti pencegahan Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) menyampaikan penerangan mengenai dadah dan keburukan yang timbul dari perbuatan menyalahgunakan dadah kepada ibu-bapa dan guru supaya mereka boleh mengawasi kegiatan belia-belia di bawah kawalan dan jagaan mereka dengan lebih berkesan lagi.
- (b) memberi kemudahan rawatan kepada penagih-penagih yang tampil secara sukarela untuk mendapat rawatan.
- (c) menyelaraskan segala aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya belia-belia tidak terdorong kepada perbuatan menyalahgunakan dadah.

Akan tetapi sebagaimana kita sedia maklum, masaalah menyalahgunakan dadah ialah masaalah sosial, jadinya segala langkah yang diambil tidak akan memberi apa-apa kesan sekiranya masyarakat sendiri tidak berkerjasama dan menyertai rancangan-rancangan pencegahan yang telah diatur itu.

INFLASI—LANGKAH HADAPI

32. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan hasil-hasil yang positif yang telah dicapai berikutan dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menghadapi inflasi di negara ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Ahli Yang Berhormat telah menyedari bahawa terdapatnya aliran yang menurun bagi harga-harga secara umumnya dalam beberapa bulan yang

lepas. Ini menunjukkan bahawa langkah-langkah fiskal dan kewangan yang telah dijalankan oleh Kerajaan sebagai langkah-langkah yang positif adalah berkesan bagi mencegah inflasi.

Satu ukuran yang baik atas kadar inflasi ialah Angka Tunjuk Harga Pengguna. Kadar ini telah turun dengan jelasnya daripada kadar tahunan yang paling tinggi sebanyak 24% dalam bulan Mac 1974 kepada kadar tahunan sebanyak 4.8% dalam bulan Mei 1975. Ini adalah kadar yang rendah sekali dicatatkan sejak bulan Mac 1973 di mana kadarnya ialah 4.5%.

Dalam bulan Februari 1975, Angka Tunjuk Harga Pengguna pada keseluruhannya telah jatuh untuk kali pertamanya dari segi mutlak sejak bulan April 1974 dan terus menurun di dalam bulan Mac, April dan Mei tahun ini. Kejatuhan ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kejatuhan harga barang-barang makanan. Kadar kenaikan tahunan bagi Angka Tunjuk bahan makanan dalam bulan Mei adalah hanya 4% berbanding dengan 31.6% dalam bulan Mei tahun lepas. Kejatuhan harga yang besar telah dicatatkan untuk minyak dan lemak. Angka Tunjuk untuk bulan April 1975 ialah 23% lebih rendah daripada paras harga setahun yang lalu.

Angka Tunjuk Harga Pengguna untuk Sabah dan Sarawak juga telah menunjukkan aliran yang menurun. Dalam bulan Februari 1975 Angka Tunjuk untuk Sabah jatuh buat pertama kali sejak bulan April 1974. Kadar tahunan inflasi telah turun daripada 13.6% dalam bulan April 1974 kepada 8.9% dalam bulan April 1975. Angka Tunjuk untuk bahan makanan pula telah turun.

Di Negeri Sarawak juga, kadar kenaikan tahunan telah jatuh daripada 16.5% dalam bulan April, 1974 kepada 4.4% dalam bulan April tahun ini. Angka Tunjuk bagi bahan-bahan makanan telah turun dari kadar kenaikan tahunan sebanyak 29.5% dalam bulan April 1974 kepada 1.4% dalam bulan April tahun ini.

Dengan tidak berpanjang lebar lagi, sudahlah jelas bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah tepat pada masanya dan berkesan di dalam menstabilkan harga-harga terutamanya bagi barang-barang keperluan dan makanan.

NELAYAN PANTAI SARAWAK— KEMISKINAN

33. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan sedar tentang kemiskinan nelayan-nelayan di kawasan pantai Sarawak, jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil atau sedang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kerajaan sedar. Langkah-langkah berikut telahpun diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak:

- (a) Menubuhkan Persatuan-persatuan Nelayan dengan tujuan supaya nelayan-nelayan dapat menjalankan perniagaannya sendiri. 8 Persatuan Nelayan dan 4 Persatuan Nelayan Kawasan telah ditubuhkan setakat ini. Bantuan Kerajaan Negeri kepada Persatuan-persatuan ini termasuklah memberi peruntukan untuk mendirikan bangunan-bangunan Persatuan, pembinaan jetty, mengadakan kemudahan-kemudahan pasaran, kilang air batu dan bilik-bilik sejuk.
- (b) Pemberian Subsidi untuk membuat kulit-bot atau membeli enjin, alat-alat menangkap ikan dan perkakas serta alat-alat deck. Sejumlah \$309,622 telahpun diberi sebagai subsidi kepada 2,065 nelayan dalam tempoh 1971—1974.
- (c) Di bawah Rancangan Latihan Nelayan pula, mereka dihantar ke Instituti Latihan Nelayan Malaysia dan Pusat-pusat Latihan Perikanan Laut. Kursus jangka pendek juga diadakan di Jabatan Perikanan Laut Sarawak. Setakat ini 246 nelayan-nelayan telah diberi latihan.

RANCANGAN PAWAH

34. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada:

- (a) satu kajian untuk menentukan samada perusahaan kerbau lembu dan ayam cara pawah itu menguntungkan atau tidak, telah dijalankan; dan
- (b) rancangan ini boleh dibuat cara berkelompok menerusi L.P.P.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Sudah dan didapati menguntungkan. Setiap penerima mendapat faedah di antara \$8 dan \$15 sebulan bagi tiap-tiap seekor ternakan yang diterimanya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya lembu dan kerbau sahaja yang diberikan di bawah Rancangan Pawah.
- (b) Boleh, melalui koperasi peladang/peratuan peladang.

KILANG-KILANG DI NEGERI-NEGERI

35. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan akan membuka lebih banyak kilang-kilang di negeri-negeri yang tidak mempunyai tanah luas seperti negeri Pulau Pinang dan Perlis untuk mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk penduduk-penduduk di situ.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Adalah menjadi tujuan Kerajaan mempercepatkan kegiatan pembangunan industri di setiap negeri dalam negara ini untuk mengujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan tersebut. Dalam usaha mendirikan sesebuah kilang di satu-satu kawasan, keluasan tanah bukanlah menjadi faktor yang utama kerana banyak jenis projek-projek perindustrian yang tidak memerlukan kawasan tanah yang luas.

LAPANGAN TERBANG SENAI—SIMPANAN KARGO

36. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau bercadang menjadikan lapangan terbang Senai di Johor Bahru suatu lapangan terbang bagi kapalterbang-kapalterbang kargo di samping untuk kapalterbang-kapalterbang di sekelilingnya juga bagi menggalakkan kemajuan lapangan terbang itu sendiri.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Lapangan Terbang Johor Bahru (Senai) telah ada disediakan dengan kemudahan tempat simpanan kargo dan selain daripada mempunyai kemudahan-kemudahan untuk penumpang-penumpang, maka bangunan kompleks ini akan dapat digunakan sesuai dengan keperluan-keperluan

untuk menerima dan mengedar barang-barang kargo khususnya bagi Negeri Johor dan umumnya bagi seluruh Malaysia. Adalah menjadi hasrat Kementerian saya menggalakkan penggunaan Lapangan Terbang Johor Bahru sebagai pusat pengangkutan kargo udara di mana kemudahan penerbangan semacam ini di satu ketika nanti akan sangat-sangat berguna kepada perkembangan pesat yang sedang dijalankan di dalam Negeri Johor. Di samping itu Lapangan Terbang Johor Bahru ini sudah tentu akan menjadi pusat yang penting bagi penerimaan dan pengedaran kargo demi kepentingan Negeri Johor, khususnya dan Malaysia amnya.

KILANG SIMEN ASSOCIATED PAN MALAYAN—PENCEMARAN

37. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar debu-debu simen yang terkeluar dari Kilang Simen Associated Pan Malayan di Kanthan, Chemor telah menyebabkan bahaya kepada kesihatan penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Tan Sri Ong Kee Hui: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah menarik perhatian saya kepada masalah ini. Saya telah mengarahkan suatu penyelidikan dijalankan ke atas kilang tersebut dan langkah-langkah sementara diambil berdasarkan kepada kebolehan yang ada pada kita. Bagaimanapun penyelesaian yang sebenarnya pada masalah-masalah ini sudah tentu memakan masa oleh kerana kita sedang memajukan kepakaran dan “resources” kita di dalam bidang kawalan pencemaran seperti ini.

PERKHIDMATAN KERETAPI (PENGANGKUTAN BAWAH TANAH)

38. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Kerajaan bercadang menggunakan sistem pengangkutan bawah tanah di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan kekotoran udara.

Tan Sri Ong Kee Hui: Sebuah firma perunding-perunding yang menjalankan Kajian Dasar dan Perancangan Pengangkutan

bagi Bandaraya Kuala Lumpur (Urban Transport Policy and Planning Study for Metropolitan Kuala Lumpur) telah mengkaji kemungkinan penggunaan perkhidmatan keretapi (sistem pengangkutan bawah tanah). Bagaimanapun, mereka tidak bersetuju dengan sistem tersebut, memandangkan bahawa pembinaannya akan memakan belanja yang banyak.

Pada pendapat perunding-perunding tersebut, sistem pengangkutan awam yang lebih sesuai bagi Kuala Lumpur ialah perkhidmatan bas dan langkah-langkah untuk meluaskan dan memperbaiki perkhidmatan bas sedang dikaji dengan lebih mendalam dan teliti. Bas-bas kecil (mini buses) akan diadakan tidak lama lagi dan syarikat-syarikat bas akan diminta membeli lebih banyak lagi bas-bas untuk memenuhi keperluan sekarang. Langkah-langkah yang lain juga akan diambil untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas.

UNIVERSITI/INSTITUSI PELAJARAN TINGGI—PEMOHON

39. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan dengan mendalam jumlah pemohon-pemohon yang memohon masuk ke universiti-universiti dan kolej-kolej untuk tahun 1975 dan dari permohonan ini berapa yang berjaya. Sila nyatakan angka pemohon-pemohon yang berjaya memasuki tiap-tiap institusi-institusi pengajian tinggi mengikut kaum.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Semua jumlah bilangan pemohon-pemohon yang memohon untuk memasuki semua universiti dan Institusi Pelajaran Tinggi tidak dapat ditentukan kerana ada sebahagian pemohon-pemohon untuk memasuki universiti-universiti dan kolej-kolej serta Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di luar negeri tidak dibuat melalui Kementerian Pelajaran dan tidak memberitahu kepada Kementerian Pelajaran.

Pihak Kementerian juga tidak dapat mengetahui jumlah bilangan mengikut kaum yang terlibat tetapi mengikut maklumat umum, 90% daripada pemohon-pemohon yang membuat permohonan memasuki universiti-universiti, kolej-kolej dan Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di luar negeri terdiri daripada bukan bumiputra, cuma 10% sahaja terdiri daripada bumiputra.

Berhubung dengan kemasukan pemohon-pemohon bagi universiti-universiti dan Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di dalam negara bagi tahun 1975/76 mengikut kaum ialah sebagai berikut:

<i>Universiti/Institusi</i>	<i>M</i>	<i>C</i>	<i>I</i>	<i>LL</i>	<i>Jumlah</i>
Universiti Melaya	1,041	916	102	17	2,076
Universiti Kebangsaan Malaysia ..	843	73	22	—	938
Universiti Sains Malaysia ..	330	101	31	2	564
Universiti Pertanian Malaysia ..	740	83	22	2	847
Universiti Teknologi Malaysia ..	774	75	2	—	851
Institut Teknologi MARA ..	3,790	—	—	—	3,790
Kolej Tunku Abdul Rahman ..	11	1,439	66	2	1,518
Politeknik Ungku Omar ..	297	139	22	23	458
Jumlah ..	7,846	2,906	267	23	11,042

NELAYAN PANTAI TIMOR— SERANGAN LANUN

40. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- bilangan serangan lanun ke atas nelayan-nelayan Pantai Timor sejak awal tahun hingga penghujung Mei, 1975;
- tindakan yang telah diambil ke atas mereka; dan
- cadangan-cadangan baru yang akan dibuat untuk mencegah kejadian merbahaya itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- Tiada.
- Tiada.
- Pihak Polis sentiasa menjalankan rondaan di kawasan perairan Pantai Timor untuk mencegah kegiatan lanun-lanun yang mungkin mengancam nelayan-nelayan kita, dengan secara menggerak-tugaskan lebih banyak bot-bot ronda. Bantuan T.L.D.M. sentiasa diperolehi di mana perlu.

PELARIAN VIETNAM SELATAN/ KHMER

41. Tuan Mohd Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- beberapa banyak orang pelarian dari Vietnam Selatan dan Republik Khmer di negara kita dan jumlah wang yang Kerajaan telah belanjakan terhadap mereka hingga kini;

- (b) adakah mereka itu akan menetap di negara kita ini terus menerus atau telah membuat keputusan hendak meninggalkan Malaysia dan samada Kerajaan telah berhubung dengan negara-negara lain yang sanggup menerima mereka;
- (c) samada Kerajaan berpendapat bahawa dengan adanya mereka ini di negara kita akan menjejaskan hubungan baik kita dengan Vietnam Selatan dan Cambodia; dan
- (d) adakah Kerajaan Amerika Syarikat telah dihubungi mengenai perkara ini, jika ya, apakah jawapannya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Sehingga hari ini (14-7-75) jumlah orang-orang pelarian Vietnam Selatan dan Republik Khmer yang berada di negara ini ialah 2,349 orang. Jumlah wang yang Kerajaan telah belanjakan sehingga 9-7-75 ialah \$72,082.07 sen.
- (b) Atas dasar peri kemanusiaan mereka ini diberi perlindungan sementara. Kerajaan memang ada berhubung dengan negara-negara lain dan pihak-pihak Kedutaan mereka telahpun menemuduga orang-orang pelarian ini dan keputusan Kerajaan-kerajaan mereka adalah sedang ditunggu.
- (c) Jawabnya tidak.
- (d) Ia. Dan Kerajaan itu sedang memproses permohonan mereka itu.

PENGAKAP SEMPADAN

42. Tuan Patrick Anek Uren minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar yang Pengawal-pengawal Sempadan di Sarawak di bawah pangkat Sarjan tidak mempunyai tanggungjawab tetapi dibayar gaji tetap sebanyak \$200 sebulan; dan
- (b) adakah menjadi hasrat Kerajaan hendak menambahkan lagi kekuatan Pengawal-pengawal Sempadan atau mengekalkan kekuatannya dengan mengambil pegawai-pegawai baru bagi menggantikan mereka yang pencen, letak jawatan, meninggal dunia atau dibuang kerja.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Pengakap Sempadan ini adalah satu perjawatan sementara dari sebulan ke sebulan (month-to-month basis). Mereka dibayar gaji mengikut pangkat iaitu:

Pengakap Sempadan—\$200—tetap s.b.

Kopral—\$270×15=\$330

Sarjan—\$330×15=\$375

Selain daripada itu mereka juga menerima elaun tambahan \$120 setahun, samada mereka dalam “active service” ataupun “reserve list”.

- (b) Penambahan atau pengurangan anggota-anggota pengawal sempadan adalah tertakluk kepada keperluan keselamatan negara.

KAD PENGENALAN BIRU SINGAPURA

43. Tuan Chin Hon Ngian minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) memandangkan bahawa ramai pemegang-pemegang Kad Pengenalan Biru Singapura yang samada dilahirkan ataupun mempunyai saudara-mara (seperti isteri dan anak yang menjadi warganegara Malaysia) di Malaysia yang telah tinggal di sini buat beberapa tahun, samada Kerajaan akan menimbang mengeluarkan Kad-kad Pengenalan Merah kepada mereka dan membenarkan mereka bermastautin tetap di Malaysia;
- (ii) samada Kerajaan telah membincangkan perkara ini dengan Kerajaan Singapura; dan
- (iii) samada Kerajaan akan menimbang menerima balik pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah yang pada masa sekarang tinggal di Singapura, yang ingin balik ke Malaysia semula dan tinggal bermastautin tetap di sini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (i) Pemegang-pemegang Kad Pengenalan Biru Singapura yang tinggal di Malaysia tidak perlu dikeluarkan dengan Kad-kad Pengenalan Merah Malaysia oleh kerana mereka itu adalah dikecualikan daripada mendaftar

untuk mendapatkan Kad Pengenalan Malaysia mengikut Peraturan 25 (i) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara, 1960. Dengan itu maka mereka itu boleh menggunakan Kad-kad Pengenalan Singapura mereka semasa berada di Malaysia.

(ii) Tidak mustahak.

(iii) Pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah Malaysia yang tinggal di Singapura adalah masih penduduk tetap Malaysia dengan syarat mereka telah memperolehi Permit Masuk semula (re-entry permit) sebelum mereka pergi ke Singapura.

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA—KEMAJUAN

44. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Perdana Menteri menyatakan samada projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua telah dilaksanakan dan disempurnakan dengan jayanya dalam tempoh yang ditentukan; jika tidak, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan tidak berlakunya kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek.

Perdana Menteri: Setakat ini Kerajaan belum dapat lagi menyatakan setakat mana projek-projek yang dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kedua telah berjaya kerana kerja-kerja menilai kemajuan-kemajuan masih dijalankan bersama dengan kerja-kerja menyediakan Rancangan Malaysia Ketiga. Butir-butir mengenai kejayaan Rancangan Malaysia Kedua akan dimasukkan ke dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibentangkan di Dewan ini kelak.

PETRONAS—KERJASAMA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK

45. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah perhubungan antara PETRONAS dan beberapa syarikat-syarikat minyak luar negeri tidak memuaskan pada masa sekarang.

Perdana Menteri: Perhubungan di antara PETRONAS dengan Syarikat-syarikat minyak adalah baik dan kesemua syarikat-syarikat minyak asing yang menjalankan urusan di Malaysia telah menyatakan bahawa mereka suka hendak terus bekerjasama dengan PETRONAS.

Semenjak 1hb April, 1975 PETRONAS telah mengawasi semua urusan berkenaan dengan mencarigali dan mengeluarkan minyak yang dijalankan oleh syarikat-syarikat minyak sebelum suatu perjanjian ditandatangani dengan syarikat-syarikat itu mengenai pembahagian pengeluaran (production sharing). Cara mengawasi urusan ini tidaklah memuaskan hati setengah-setengah syarikat minyak asing dan ini dianggapkan oleh setengah golongan bahawa perhubungan syarikat-syarikat itu dengan PETRONAS menjadi tidak baik. Barangkali Ahli Yang Berhormat telah membaca berita-berita dalam akhbar bahawa sebuah syarikat minyak asing telah memberhentikan buat sementara kerja-kerja mencarigali (exploration). Syarikat itupun, dalam suratnya bertarikh 28hb Jun, 1975, telah memberitahu PETRONAS yang ia tidak keluar dari Malaysia tetapi hanya mengantung penanaman modal mengenai mencarigali, sementara mencapai persetujuan dalam perundingan mengenai pembahagian pengeluaran (production sharing). Tetapi syarikat itu masih meneruskan kerja-kerja mengeluarkan minyak dengan kadar 4,000 tong sehari. Seterusnya syarikat itu menyatakan bahawa ia bersedia meneruskan perundingan dengan PETRONAS berkenaan dengan pembahagian pengeluaran (production sharing).

TABUNG KUWAIT—PINJAMAN MALAYSIA

46. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini sejumlah berapakah wang bantuan daripada negara-negara Arab Saudi, Kuwait dan Emirat Arab Bersatu telah diterima oleh Malaysia, sebagaimana yang dijanjikan oleh mereka sebagai bantuan kepada Malaysia dalam masa lawatan beliau ke negara-negara Arab beberapa bulan yang lepas.

Perdana Menteri: Setakat ini surat perjanjian untuk pinjaman berjumlah 7.6 juta Dinar Kuwait (M\$58.76 juta) telah ditandatangani pada 25hb Jun, 1975 antara Kerajaan Malaysia dan Tabung Kuwait untuk pembangunan Ekonomi Negara-negara Arab. Pinjaman dari Tabung ini akan dikeluarkan secara membayar ganti perbelanjaan (reimbursement payment) dan setakat ini belum ada apa-apa pembayaran

dibuat. Pinjaman ini ialah untuk membiayai projek Rancangan Kemajuan Tanah FELDA di Palong Negeri Sembilan.

Sementara itu rundingan akan juga dijalankan tidak berapa lama lagi dengan kerajaan Arab Saudi ke atas 5 lagi projek pembangunan iaitu 2 projek rancangan pembangunan tanah, 2 projek dalam bidang pelajaran dan 1 projek Pelabuhan Kuantan. Dalam pada itu 2 perjanjian pinjaman untuk projek Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia berjumlah lebih kurang M\$36.056 juta (56 juta Rial Saudi) dan pinjaman sejumlah lebih kurang M\$39.825 juta (61.95 juta Rial Saudi) untuk Universiti Teknologi telah ditandatangani kecil (initial). Dua lagi pinjaman untuk Rancangan-Rancangan Tanah FELDA di Pahang dan di Ulu Kelantan ialah berjumlah sebanyak lebih kurang M\$92.7 juta. Pada akhir bulan Julai ini adalah dijangka satu rombongan dari Tabung Arab Saudi akan tiba bagi membincangkan dan seterusnya menandatangani perjanjian pinjaman ke atas semua projek-projek tersebut.

Baru-baru ini satu rombongan daripada Abu Dhabi Fund, United Arab Emirates telah pun datang melawat ke negara kita dan rundingan sedang dijalankan sekarang ini untuk mendapat bantuan kewangan dalam beberapa projek usaha-bersama (joint-venture projects) seperti rancangan pembangunan tanah, perusahaan simen dan juga perusahaan kayu-kayan. Perjanjian pinjaman wang ini saya rasa akan dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi.

PEMBANGUNAN EKONOMI— LAWATAN P.M. KE EROPAH

47. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke negara-negara Eropah baru-baru ini, dari segi pembangunan ekonomi dan hubungan luar negeri.

Perdana Menteri: Saya telahpun memberitahu Dewan ini akan hasil dari segi ekonomi lawatan saya ke negara-negara Eropah baru-baru ini dalam jawapan saya kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 7-7-1975.

Mengenai hubungan kita dengan negara-negara tersebut saya telah mengadakan perbincangan-perbincangan dan bertukar-tukar

fikiran dengan Presiden dan Perdana Menteri Perancis dan Perdana Menteri Sweden atas beberapa perkara. Sukacita saya menyatakan bahawa perbincangan-perbincangan itu telah memberi kedua pihak pengertian yang lebih mendalam atas soal-soal antarabangsa dan juga perkara-perkara yang menyentuh hubungan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut. Persefahaman yang telah dicapai itu tentulah dapat mengeratkan hubungan Malaysia dengan negara Perancis dan Sweden.

ASIA TENGGARA RANTAU BER- KECUALI

48. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat banyak negara-negara yang telah menyuarakan sokongan mereka kepada perkecualian Asia Tenggara termasuk dua negara kuasa-besar iaitu Amerika Syarikat dan Russia dan nyatakan samada jaminan-jaminan telahpun diterima dari kedua negara kuasa besar ini yang mereka akan mengundur diri dari pengkalan-pengkalan tentera yang ujud sekarang dan juga tidak akan menubuhkan pengkalan-pengkalan tentera baru di Asia Tenggara.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Sokongan kepada cadangan untuk menjadikan Asia Tenggara rantau berkecuali telahpun diusahakan melalui beberapa perbincangan antarabangsa serta oleh negara-negara yang lain biarpun negara-negara besar belum lagi dihubungi secara rasmi kerana hubungan tersebut hanya boleh dibuat setelah sahaja selesai satu rangka cadangan yang pada masa ini sedang dikaji oleh Jawatankuasa Peringkat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN. Saya fikir pengkajian ini akan dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi. Selain daripada itu cadangan ini juga harus diterima terlebih dahulu oleh negara-negara Asia Tenggara yang masih belum menjadi anggota ASEAN pada masa ini. Berkenaan dengan pengkalan-pengkalan tentera asing memanglah ini bercanggah dengan konsep perkecualian dan telahpun dipersetujui bahawa apabila kawasan perkecualian itu ditubuhkan pengkalan-pengkalan tentera asing tidak akan berada di kawasan ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa negara ASEAN telahpun mengambil langkah atas

persetujuan negara-negara yang bersangkutan untuk mengundurkan pengkalan-pengkalan tentera di wilayahnya meskipun kawasan perkecualian itu masih belum ditubuhkan.

EXXON PRODUCTION MALAYSIA INC. MEMBERHENTIKAN KERJA MENCARIGALI

49. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan bilangan syarikat-syarikat minyak asing yang telah mengangtungkan kerja-kerja mencarigali minyak sejak Akta Petronas diluluskan; samada terdapat syarikat-syarikat lain yang sedang menunggu untuk mengambilalih pajakan-pajakan minyak tersebut dan samada Petronas dengan sendirinya mempunyai teknologi dan kemahiran untuk menyelidiki kawasan-kawasan yang kaya dengan minyak dengan tidak memerlukan penyertaan asing.

Perdana Menteri: Semenjak Akta Kema-juan Petroliaam, 1974 berjalan kuatkuasa dalam bulan Oktober, 1974, cuma dua buah syarikat minyak yang memberhentikan kerja-kerja mencarigali minyak di dasar laut Malaysia. Salah satu daripada syarikat itu ialah Exxon Production Malaysia Inc. yang memberhentikan kerja-kerja mencarigali didasar laut Trengganu, tetapi pemberhentian itu adalah buat sementara waktu sahaja kerana menunggu penyelesaian berkenaan perjanjian perkongsian. Syarikat yang sebuah lagi itu ialah Syarikat Mobil yang telah berhenti mencarigali di kawasan Selat Melaka oleh sebab usaha mencarigali yang dijalankan oleh Syarikat itu tidak berjaya. Walau bagaimanapun, Syarikat Mobil telah memohon kawasan lain untuk dicarigali dan permohonan itu sedang ditimbangkan.

Ada banyak syarikat-syarikat yang telah menyatakan hasrat mereka untuk mencarigali minyak di Malaysia. Setakat ini PETRONAS telah menerima sebanyak 33 permohonan untuk mencarigali minyak di Malaysia dan ada kemungkinan bahawa bilangan syarikat-syarikat minyak asing yang suka hendak menjalankan urusan minyak di negara ini dengan bekerjasama dengan PETRONAS akan bertambah lagi pada masa yang akan datang.

Pada masa ini PETRONAS belum lagi berumur satu tahun. Oleh itu tentulah PETRONAS tidak mempunyai teknologi

dan kemahiran sendiri untuk mencarigali kawasan-kawasan yang kaya dengan minyak tanpa pertolongan pakar-pakar asing. Dengan demikian PETRONAS sedang menimbang mengambil pakar-pakar asing untuk sementara kerana dengan adanya pakar-pakar asing itu dan dengan adanya rancangan latihan untuk kakitangan tempatan, adalah diharapkan bahawa dalam beberapa tahun sahaja PETRONAS akan mempunyai teknologi dan kemahiran sendiri untuk mencari-gali dan mengeluarkan minyak di negeri ini.

SABOTAJ TERHADAP PEMBORONG BUMIPUTRA

50. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar akan perbuatan sabotaj setengah pegawai-pegawai Kerajaan terhadap pemborong Bumiputra seperti yang berlaku di Johor, Selangor dan lain-lain negeri, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi keadaan tersebut supaya tidak lagi berlaku dan dengan demikian akan mewujudkan persefahaman baik antara kedua pihak.

Perdana Menteri: Kerajaan ada mendengar tuduhan bahawa setengah-setengah pegawai Kerajaan melakukan perbuatan sabotaj terhadap pemborong-pemborong Bumiputra tetapi tidaklah ada bukti-bukti yang nyata yang dikemukakan kepada Kerajaan tentang perkara ini.

Dasar Ekonomi Baru telahpun menetapkan dasar supaya 30% daripada nilai projek-projek binaan Kerajaan Pusat yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya dihaskan untuk dipanggil tawaran terhad di antara pemborong-pemborong Bumiputra sahaja. Satu unit khas, Unit Pemborong Bumiputra telah ditubuhkan untuk melicinkan pentadbiran pelaksanaan dasar tersebut. Semenjak dasar ini dilaksanakan dalam tahun 1973 banyak perubahan telah berlaku dalam kerja binaan baik dari segi bilangan pemborong-pemborong Bumiputra ataupun dari segi jumlah pekerja-pekerja yang telah diberi kepada pemborong-pemborong Bumiputra. Misalnya dalam tahun 1973 lebih kurang 30% dari nilai kerja binaan Kerajaan yang diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya telah diberi kepada Bumiputra dan dalam tahun 1974 nilainya adalah 35%. Dengan itu jelaslah bahawa pegawai-pegawai Jabatan ini telah menjalankan tugas-tugas dan

tanggungjawab mereka dengan jujur dan penuh dedikasi sehingga target 30% itu dapat dicapai.

Walaupun demikian tidak dapat dinafikan bahawa dalam melaksanakan usaha tersebut Jabatan Kerja Raya ada kalanya menghadapi beberapa masaalah yang kebanyakannya di luar bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan tersebut misalnya :

- (i) masaalah kewangan yang dihadapi oleh pemborong Bumiputra;
- (ii) kenaikan harga bahan-bahan binaan;
- (iii) kekurangan bahan-bahan binaan dipasaran;
- (iv) kemungkinan lewat pembayaran kepada pemborong-pemborong disebabkan kesulitan kewangan setengah-setengah negeri.

Walaupun masaalah-masaalah tersebut adalah di luar bidangkuasa pegawai-pegawai Kerajaan tetapi mereka sentiasa memberi nasihat dan bimbingan di mana yang boleh dengan kesedaran bahawa khidmat tersebut akan menolong dalam pencapaian matlamat dasar Kerajaan untuk menjamin penyertaan aktif untuk pemborong-pemborong Bumiputra dalam kerja-kerja binaan.

Kerajaan sememanglah mengawasi supaya perbuatan sabotaj ini tidak berlaku dan sekiranya Ahli Yang Berhormat ada bukti-bukti yang nyata tentang perkara ini silalah kemukakan kepada Kerajaan supaya tindakan yang sesuai boleh diambil.

PELARIAN KHMER/VIETNAM SELATAN

51. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramai orang-orang pelarian Khmer dan Vietnam yang telah sampai ke Malaysia sehingga 31-5-1975. Berapa ramai dari mereka yang masih ada di negeri ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sehingga 31-5-1975 jumlah orang-orang pelarian Vietnam Selatan dan Republik Khmer yang tiba ke negeri ini ialah 1,855 orang. Dari jumlah ini setakat 31-5-1975 889 orang daripada mereka telah meninggalkan negeri ini dan yang tinggal pada tarikh yang sama ialah 966 orang.

PENYERAHAN KUALA LUMPUR— JAWATANKUASA TAKSIRAN HARTABENDA

52. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Perdana Menteri menyatakan syarat-syarat penyerahan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Pusat; dan samada benar bahawa :

- (a) masih ada lagi baki \$80,000,000 dari bayaran pendahuluan sebanyak \$250,000,000 sebagaimana yang dijanjikan; dan
- (b) jawatankuasa yang dilantik bagi mentaksirkan hartabenda Kerajaan Negeri Selangor masih belum lagi menyerahkan lapurannya.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat itu boleh mengetahui syarat-syarat penyerahan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Pusat daripada kandungan Perjanjian Kuala Lumpur yang sudahpun menjadi pengetahuan umum.

Berkenaan dengan bahagian (a) soalan Ahli Yang Berhormat itu, baki yang belum dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor daripada jumlah \$250 juta pendahuluan yang dijanjikan itu ialah \$70 juta pada tarikh 30-6-75. Baki \$70 juta itu akan dibayar tahun ini dengan beransur-ansur seperti berikut :

Dalam bulan	Julai 1975 ...	\$20 juta
„	„ Ogos 1975 ...	\$20 „
„	„ Sept. 1975 ...	\$20 „
„	„ Okt. 1975 ...	\$10 „
		\$70 juta

Berkenaan dengan bahagian (b) soalan Ahli Yang Berhormat itu pula, adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa yang dilantik bagi mentaksirkan hartabenda Kerajaan Negeri Selangor masih menjalankan tugas-tugasnya yang merupakan satu tugas yang sangat rumit dan perlu ditimbang dengan halus dan dengan cara mendalam.

EMPAT NOMBOR EKOR SDN. BHD.

53. Tuan Ngan Siong Hing minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang mengkaji dengan seriusnya soal menghakmiliknegarakan Syarikat Empat Nombor Ekor Sendirian Berhad supaya keuntungan yang diperolehi dari jualan tiket-tiket teks empat nombor ekor dapat

digunakan bagi tujuan-tujuan kebajikan seperti memberikan biasiswa kepada penuntut-penuntut miskin.

Perdana Menteri: Syarikat Empat Nombor Ekor Sendirian Berhad adalah sebuah Syarikat am yang dicatatkan di dalam Stock Exchange dan mempunyai pemegang-pemegang saham yang luas. Oleh kerana lesen dan syarat penubuhannya adalah tertakluk dibawah Akta Pertaruhan Beramai-ramai, (Pool Betting Act) jadi tidaklah perlu diambil tindakan untuk menghakmiliknegerakan syarikat tersebut. Dari sumber cukai pertaruhan ramai-ramai dan cukai perjudian, pihak Kerajaan adalah mendapat hasil negeri daripada operasi syarikat tersebut yang telahpun digunakan bagi tujuan-tujuan pembangunan dan kebajikan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENSTABILAN HARGA GETAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Julai, 1975).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Seremban menyambungkan ucapannya.

3.35 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Pada hari itu saya telah berkata sungguhpun saya bersetuju atas principle untuk penstabilan harga getah tetapi langkah-langkah yang dicadangkan oleh Kementerian yang berkenaan ada menimbulkan banyak perasaan yang tidak stabil.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, while the aim of stabilisation of rubber price is a laudable objective for the benefit of the millions of workers who depend on the rubber industry for a living, care must

be taken that measures intended to stabilise the rubber price do not in fact destabilise the rubber industry as a whole. Here I refer in particular to the rubber dealers, the millers, the packers and the exporters where thousands of workmen depend upon this for a living.

Ever since the Government called upon these people to co-operate in the task to stabilise rubber prices, there has been commendable response by all sectors from the tappers to the exporters. Rubber dealers have responded to withhold stocks when called upon to do so, without the necessity of threats and force. Now, however, the Bill has under Clause 5(h) a provision for the appointment of officers to inspect rubber stock required to be kept under this Act, and to examine records thereof, and under Clause 5(f) there is also another provision to impose penalties of a fine not exceeding ten thousand dollars or imprisonment not exceeding two years or both for contravention of any provision of the regulations and forfeiture of any rubber which is the subject matter of contravention. This has caused shudders among the rubber dealers.

The rubber dealers feel that this is an affront to their integrity and feel hurt that after responding to Government's call for co-operation, such strong measures are necessary. True, there have been a few black sheep, but must the whole group as a whole be penalised because of the actions of a few black sheep?

Moreover, the Honourable Minister himself has admitted that since the call for stabilisation measures, the rubber price itself has improved satisfactorily indicating that there has been good co-operation from all those connected with the rubber industry. Success has been achieved with measures instituted so far; so where therefore is the necessity for bureaucratic red tape and threats of fines and jail sentences? The suspicion is held that these stringent measures are meant not so much for the black sheep in the industry, as for the compulsion of dealers to shoulder a greater proportion of the rubber stockpile. If this greater proportion is reasonable, then it is acceptable. But when the burden becomes intolerable, then the consequences can be disastrous, as the following facts and figures which I intend to give later will bear out.

Information has it that many have been asked to carry stocks far above their average, varying from a hundred percent or more. A dealer I know with an average stock of 300—400 tons in the warehouse has been commanded to carry not less than 1,200 tons in any month. Others fare even worse; some have been asked to keep 5,000 tons or more in their godowns, and these are liable to spot check investigations. And if these amounts are found to be short and not kept according to the required amounts, then these stringent measures as suggested will be imposed.

The compulsory stocking of thousands of tons imposes grave financial strains on rubber dealers. A dealer who is asked, say, to stockpile 1,000 tons would need to have at least a million and one hundred thousand dollars, being the cost of the rubber and also including warehousing charges and interest which the dealers have to pay to the bankers. Normally they do not have such large capital. So, they work on loans from the banks. A dealer has told me that interest charges will kill them and may even compel them to close the business. This has serious implications. On the average, one small dealer or packer has about a hundred persons on his payroll, including staff and workers. Multiply that by a few hundreds, and we have a picture where hundreds of thousands of workers' livelihood and future are threatened. This is going to disrupt the rubber industry with a destabilising effect rather than a stabilising effect which the Minister wants so much. The whole objective of stabilising rubber prices is to provide employment for the people, and this objective would be nullified by unreasonable Government demands as I have outlined above.

I, therefore, urge the Honourable Minister to consider these effects and also to review matters and to receive delegations from the rubber dealers or packers and ask them what is the reasonable amount which they can afford or which they can bear to help in the national stockpile.

Here again, I would like to refer to a letter written by the Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia. It is dated 20th June and the contents of the letter say that each exporter is required to maintain a minimum stock level at all times; "failure to comply with the minimum stock requirement

at the time of inspection may render yourself liable to suspension or cancellation of your licence". The question is, "What is the minimum stock?" And they ask the Minister to reconsider this matter and to define the term "minimum stock". Some have been given a figure which is two or three times of what is normally maintained in a warehouse or godown. Therefore, they request the Honourable Minister to consider this again and to come to some sort of understanding with the dealers, so that the term "minimum stock" is bearable to them and that it will not financially crush them out of existence and therefore endanger the livelihood of hundreds of thousands of workers who depend upon rubber packing, milling and exporting for a living.

Tuan Yang di-Pertua, under Clause 5 (e), there is a provision to prohibit the use of chemicals and other substances for latex stimulation on rubber trees. Here I would like to mention one or two points. I have received complaints especially from small-holdings which do not have high-yielding rubber trees, that old rubber trees do not give the smallholders proper and satisfactory yield and therefore their income is low. Probably exception can be made for those who have old rubber trees or poor-yielding rubber trees to allow them to use ethrel. For example, in the past, when certain rubber smallholdings or estates wanted to use sodium arsenite which is a poison, they could apply for a permit to use sodium arsenite. Similarly, in such cases of small-holdings where the yield from rubber trees is low, probably the Government itself could consider giving exception to such small-holdings which have poor yielding rubber to use ethrel as a stimulant. I would like to draw the attention of the Minister himself to this question of ethrel as a stimulant. I have been told—and this information is quite reliable—that since the ban on the use of ethrel in this country, ethrel has been exported in large amounts to neighbouring rubber producing countries. So, while here we are denied the use of ethrel, the other countries are getting the benefit of our self-imposed restriction. I would, therefore, suggest that the Honourable Minister himself should check up on this point and see what actually is happening.

The rubber tappers in smallholdings also complain that sometimes the number of tapping days in a month are quite inadequate for them to earn sufficient wages and therefore they say that especially during months where there are heavy rains day after day sometimes they could only tap 15 days in a month or even less. Therefore, I would suggest to the Minister concerned to see whether some provision could be made, for example, for recovery tapping or even in certain instances allowing the tappers to tap on Sundays so that they can tap at least 25 or 26 days in a month. But if they were to tap, say, only 15 days in a month, then the wage they would earn at the most would be \$60 or \$80 a month, which is hardly enough to keep body and soul together for one person nowadays.

Under Clause 5 (d), the Minister may require the registration of all rubber estates and smallholdings and provide for the manner of registration. Actually I fail to see the purpose of this registration exercise, because this sort of thing is being done by the Statistics Department which, I think, has a record of the number of rubber estates who have registered with them or the number of workers under these estates and things like that. Probably smallholdings may not have been registered before. In the case of smallholdings, I would suggest that if they have to register, register once and that is about all, and they should not be charged any fee at all for this purpose. They have enough taxes to pay as it is: they have to pay quit rents and other taxes. So, I think further hardships should not be imposed on them. If they were to make any annual trips to any registration office, it itself is a burden because first of all they have got to take leave from their estates—that means no tapping for that day—and, secondly, they have to get transport to reach the nearest registration centre and it will take them about half a day to travel to the office and half a day to come back.

Tuan Yang di-Pertua, in conclusion, I would suggest to the Honourable Minister three proposals which can be considered by him. The first proposal is this. We can maintain the *status quo*, i.e. to withdraw this Bill and to allow the voluntary co-operation among Government, tappers, plantations, smallholdings, exporters and dealers to go on as it is. The Honourable Minister himself has admitted that the measures taken so far have

been successful, that the rubber price itself has gone up and, therefore, I do not think there is a very real necessity to introduce a new Bill and to impose new and far more prohibitive restrictions. In fact, I am told that the M.R.E.L.B., i.e. the Licensing Section, itself has got powers to take measures to stabilise the market and probably this question of stockpiling can come within the province of the M.R.E.L.B. without the necessity of creating another Advisory Board by introducing another Bill.

The second method is this. It is quite obvious that this Bill will go through. However, I would like to ask the Minister concerned, if the Bill goes through, to use the provisions of the Bill wisely and not to tax the people too much. If he does insist that the rubber dealers or exporters should maintain sufficient stocks to help in the national stockpiling, then the minimum stock required to be kept should be reasonable and should be within their means to keep. If it is not reasonable and if the Government insists that the dealers should keep a certain tonnage which is beyond their means, then I would suggest that the Government itself loan them money or grant them interest-free loans. Actually, this stockpiling, which the Government asks the dealers or millers to do, is actually the responsibility of the Government. The Government is only passing on the responsibility to the dealers. Therefore, in their interests, the question of providing financial loans or grants should be one way out, instead of forcing them to keep an unreasonable amount of tonnage and therefore probably causing the closure of many firms of rubber dealers, packers, exporters and millers, which in return will also cause thousands of workers to be thrown out into the unemployment market and to become a burden on society.

Then the last suggestion I would like to make to the Honourable Minister is that instead of confining ourselves to this Bill and narrowing our vistas to measures to stabilise the rubber price, I would suggest that the Honourable Minister himself should have more liaison with the neighbouring countries, as he has done so far and done quite well. I would like to commend him on this for his patience and diplomacy but I would like to ask him to persist more in this direction and to get better results. If the Natural Rubber Producing countries could be persuaded to

operate an International Rubber Stockpile, then this Bill will not be necessary because the financial burden of keeping a stockpile would be distributed proportionately or evenly among the separate countries without having to rely on Malaysia alone. The Government itself had felt that the burden was too heavy and has compelled rubber dealers and exporters and packers to shoulder part of the burden. So, Sir, I ask the Honourable Minister to go more deeply into the matter of persuading other natural rubber producing countries to participate in the scheme and even also to liaison properly with the United States Government which has a stockpile and to ensure that they do not release rubber from their stockpile at the most awkward moments and therefore defeat the purpose of our stockpile. In fact, probably a proposal might be considered to ask the United States Stockpile to participate in the Natural Rubber Stockpile. Since it is also one of the objectives of stabilising the rubber price to maintain fair prices both for the producer and the consumer, e.g. U.S.A., it is therefore to their advantage if they participate in this Natural Rubber Stockpile. That is all I have to say, Tuan Yang di-Pertua.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*

3.51 ptg.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, this is a most laudable move because its success would bring great benefit to our country for it is a fact that this country of ours is engaged in one of the most important economic aspects of our life, that is, the production of rubber.

I especially congratulate the Minister concerned for his recent efforts when he travelled from country to country and conferred with leaders of other countries in an attempt to bring about stable prices for rubber. I hope the friendly countries will co-operate with us for the benefit of all concerned. In this respect, I particularly welcome the inclusion of Section 5 (a) which gives us the opportunity to concentrate on a diplomatic move in that under this clause we

hope our Minister concerned will confer with countries, especially advanced countries like the United States and the other advanced countries in Europe, so that they will not resort to stockpiling and jeopardise our chances of having stable prices for rubber. I also hope that the Minister concerned will pay attention to the question of synthetic rubber produced by advanced countries because I feel that the production of synthetic rubber is a direct challenge to us being the producer of natural rubber.

Under the new Act it is noted that the Minister has the power to appoint members to a Council which will advise him on matters as mentioned in the Bill. I hope the Minister concerned, besides appointing persons knowledgeable in the rubber industry, will also consider appointing a representative from the smallholders because the smallholders' representative will understand their problems better and it is also important because our nation can be considered to be a nation of smallholders.

I hope under Section 5 the Minister, in making regulations, will take into consideration the special position and difficulties faced by smallholders because most of these smallholders in our country possess holdings of not more than 15 or 20 acres and these people live from hand to mouth and moreover most of them are not well educated. Under this Act especially I note that there will be rules and regulations to follow and the people, who are least capable of following because of their education, will be the smallholders. If possible, I suggest that when this Act is finally applied, smallholders holding not more than 20 acres could be exempted for the time being from the application of this Act because these people will definitely find it difficult to follow it all of a sudden when faced with all sorts of rules and regulations.

Another important thing is that this new Act will also prohibit or regulate the use of chemicals, stimulants and other substances for latex stimulation of rubber trees. Now, in this period of difficulty I am quite sure some of our smallholders, not because they want intentionally to go against any rules and regulations, but because of their need for a greater earning may be using some latex stimulants, and so, if these smallholders are caught with using latex stimulants, I hope the Minister concerned or the officers who are

empowered to act under this Act will exercise their powers judiciously, with understanding and with sympathy.

Finally, Tuan Yang di-Pertua, I hope that this Bill, when finally passed, will be one which will bring untold benefits to all and not just to those who are better off, who are able to withstand the application of this new Act, but especially to those who are the most vulnerable, that is, the smallholders.

3.59 *ptg.*

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengalu-alukan Kementerian yang berkenaan kerana mengemukakan satu Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah. Dengan adanya Akta ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita Malaysia adalah mempunyai kuasa yang lebih besar dan mengambil campurtangan yang lebih besar dalam perusahaan dan perniagaan getah di dunia. Selama ini kita tahu getah kita bergantung kepada harga yang dibuat oleh orang lain atau bergantung kepada suasana dunia lain. Kalau sekiranya dunia memerlukan getah yang banyak maka harga getah kita naik, tetapi apabila dunia tidak memerlukan getah yang banyak maka harga getah kita pun turun, dan apabila berlaku sesuatu perkara politik di antara dunia luar, maka ada negeri-negeri yang mempunyai stok getah yang banyak cuba memainkan harga getah kita, dan tatkala itu bukan sahaja Kerajaan, tetapi rakyat kita menderita, terutama sekali penoreh-penoreh getah atau pekebun-pekebun kecil dan orang-orang kampung yang nasibnya bergantung kepada getah.

Jadi, dengan adanya Rang Undang-undang ini menunjukkan bahawa kita sendiri menguasai harga getah kita dan lebih-lebih lagi dalam seksyen yang menunjukkan Kerajaan bercadang mengadakan stok getah sendiri. Ini menunjukkan bahawa getah kita tidak dapat dipermainkan-mainkan oleh orang luar sewaktu mereka hendak membeli dengan banyak dan kemudian mereka tidak mahu membeli dan mereka menawarkan dengan harga yang murah. Dengan adanya Rang Undang-undang ini kita berharap bahawa penoreh-penoreh getah kita yang selama ini kita tahu pernah mengalami penderitaan yang sangat pahit, terutamanya sewaktu kejatuhan harga getah akan mendapat perhatian. Bukan sahaja penderitaan ditanggung oleh rakyat, bahkan ada pula anasir-anasir

jahat, terutama daripada anasir-anasir Pembangkang seumpamanya yang cuba memainkan issue getah ini dengan menyalahkan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin. Mereka tidak pula sama hendak menyuarakan, memberi fikiran kepada negara bagaimana hendak menstabilkan harga getah kita atau menolong penoreh-penoreh getah kita, tetapi mencaci Kerajaan dengan mengatakan seolah-olah Kerajaan yang menjatuhkan harga getah, seolah-olah Kerajaan yang mengurangkan harga getah, dan Kerajaan tidak ambil tahu kononnya apabila berlaku sesuatu keadaan harga getah yang murah yang pernah berlaku harga getah 25 sen sekati. Apa yang kita dapat ialah ejek-ejekan dan cacian dari Pembangkang sendiri yang mencuba menyalahgunakan pengertian, seolah-olah Kerajaan yang salah, seolah-olah pemimpin yang bersalah, seolah-olah pemimpin tidak mengasihani rakyat, pemimpin menikmati motokor besar tetapi rakyat jual getah dengan harga 25 sen sekati.

Ini kita pernah dengar di mana-mana kampung. Walaupun dengan issue yang seperti itu mereka tidak boleh memegang tampuk Kerajaan dan pasti mereka tidak boleh berkuasa. Tetapi mereka berbuat seperti itu dengan sebab tidak ada suatu Akta yang boleh Kerajaan menguasai harga getah yang lebih baik. Dengan sebab itu saya mengalu-alukan bahawa dengan Rang Undang-undang ini mereka harus mengerti, pihak yang cuba mengatakan bahawa Kerajaan tidak mengambil tahu berkenaan dengan nasib rakyat, penoreh getah; mengerti bahawa Kerajaan sedang berikhtiar, mencari ikhtiar, supaya harga getah kita pada masa akan datang tidak dapat dipermainkan oleh orang-orang lain dan penoreh getah kita tidak mengalami kejatuhan harga getah yang begitu menderita. Dengan adanya Akta ini kita berharap harga getah stabil. Kita tidak berharap harga getah naik melambung tinggi, ini satu perkara yang merbahaya dan kemudian jatuh menjunam. Misalnya, naik sampai \$1.50 sekati, kemudian jatuh menjunam sampai 20-30 sen sekati, dengan sebab tidak ada kawalan harga. Ini satu perkara yang merbahaya kepada negara kita dan kepada rakyat.

Jadi, dengan sebab adanya Rang Undang-undang ini nampaknya dapatlah Kerajaan mengawal dengan harga yang stabil sekurangnya 55-60 sen sekati, dengan harga, yang tetap dan dengan cara yang seperti ini

rakyat kita di kampung-kampung boleh hidup dengan keadaan yang tidak begitu susah, kerana mereka tahu harga getah ini sepanjang masa 60-70 sen sekati dan mereka dapat mengatur ekonomi mereka lebih baik.

Selama ini kita melihat apabila harga getah naik melambung tinggi, mereka suka dan mereka berbelanja dengan mewah, tetapi pada waktu harga getah jatuh menjunam mereka mengalami penderitaan dan mereka menyalahkan orang itu dan menyalahkan orang ini. Saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan supaya bukan sahaja mengawal pelaksanaan Undang-undang ini tetapi mengambil perhatian juga bagaimana getah-getah kita dieksploitasi oleh orang luar yang menjatuhkan image getah kita sendiri. Umpamanya, negeri jiran kita sendiri pernah mengatakan kononnya mutu getah Malaysia tidak begitu baik pada hal mereka impot getah daripada Malaysia dan sampai ke negerinya mereka mengatakan pula getah made in negerinya sendiri, pada hal mereka itu tidak ada sebatang pokok getah pun. Saya berharap Kementerian yang berkenaan mengawalinya. Pendek kata, sesiapa yang membeli getah daripada negeri kita hendaklah getah kita sahaja bukan getah buatan mereka yang lebih baik dan mutu getah Malaysia lebih rendah. Kita pernah dengar propaganda-propaganda buruk seumpama ini yang hendak menjatuhkan image negara kita.

Di dalam Fasal 3 ceraian (3) umpamanya, ada kuasa Menteri melantik tidak lebih daripada 3 orang ahli tambahan untuk menjadi Ahli Majlis. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan dalam menjalankan kuasanya memberi perhatian yang besar kepada pekebun-pekebun kecil supaya melantik ahli daripada pekebun-pekebun kecil supaya mereka dapat menyuarakan hasrat nasib pekebun-pekebun kecil dan penoreh getah kita di kampung-kampung.

Saya mengalu-alukan juga bahawa Rang Undang-undang ini bukan sahaja mengawal harga getah tetapi dikenakan pula penalti-penalti yang merupakan denda supaya dapat betul-betul semua orang-orang yang terlibat dengan getah, samada penanam, pengeluar dan pengeksport getah di kawal dengan baik dan tidak berlaku curang dan mereka sedar bahawa kecurangan mereka itu ada balasan-nya oleh Rang Undang-undang ini atau daripada Kerajaan.

Saya sekali lagi mengalu-alukan Akta ini dan sesungguhnya sangat memberi faedah bukan sahaja kepada negara kita, tetapi juga kepada rakyat kita terutama sekali penoreh-penoreh getah di kampung-kampung.

4.07 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan dengan Undang-undang ini membolehkan Menteri yang berkenaan mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu bagi menstabilkan harga getah. Pada saya dengan stabilnya harga getah yang ada pada masa ini patut dinaikkan lagi sedikit supaya membolehkan mereka yang duduk, yang mengusahakan kebun-kebun getah yang kecil mendapat sedikit pertambahan perbelanjaan hidup.

Saya tertarik hati dalam perenggan 5 (b):

“5 (b) membuat peruntukan bagi perlantikan pegawai-pegawai untuk memeriksa stok getah yang dikehendaki disimpan di bawah Akta ini”

Saya berharap pegawai-pegawai yang dilantik biarlah benar-benar mereka yang bertanggungjawab dan tidak mudah diabui mata mereka kerana dikhuatirkan mereka tidak sampai kepada setor ataupun gudang yang benar-benar menyimpan getah, bahkan, mereka disambut oleh penyambut tetamu yang jelita di pintu masuk dan tidak sampai ke tempat yang dihajati, menentukan beberapa banyak getah yang ada disimpan oleh tiap-tiap pembeli itu.

Begitu juga stok-stok getah yang disimpan pada beberapa tempat biarlah benar-benar mengikut ukuran ataupun pembelian yang tertentu. Saya khuatir pembeli-pembeli mengadakan satu pakatan sulit menyatakan, “kami telah membeli getah sekian-sekian ribu tan, oleh yang demikian kami tidak mampu lagi membeli getah. Kalau hendak menjual getah kepada kami, kami akan membeli dengan harga yang paling kurang,” seolah-olah mereka memberikan pertolongan dengan cara ikhsan sahaja.

Apa yang telah berlaku mengikut kawalan simpanan padi, mengikut pengalaman yang mana semua pembeli-pembeli ini tidak membeli padi dengan harga yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan, tetapi kalau mereka hendak menjual pada kami sekian harga, dengan harga yang paling rendah kerana terdahulu

daripada itu mereka telah membeli dengan harga yang mahal dan mengikut kelulusan yang diluluskan untuk mereka membelinya sudah cukup. Oleh yang demikian, penyelesaian untuk pergi memeriksa kepada setok-setok yang disimpan itu mestilah diberi satu kuasa yang tertentu, sebaik-baiknya ada seorang lain daripadanya ataupun berdua bersama pegawai Polis. Bila benar-benar telah didapati salah, tangkap, tidak usah dipenalti, terus rampas dijadikan milik negara, sekurang-kurangnya dapat dijadikan satu perkara kalau penyelewengan ini berlaku.

4.11 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Huraian Rang Undang-undang ini maksud Rang Undang-undang ini adalah untuk membuat peruntukan bagi penyelarasan, perlaksanaan dan pengawalan aktiviti-aktiviti yang baru bagi penstabilan harga getah. Saya percaya tidak ada sesiapa pun membangkang maksud ini, tetapi, pada waktu ini kita telah mendengar ramai rakyat kita khasnya dari pihak pekebun-pekebun kecil, pengusaha getah atau saudagar-saudagar getah, mereka menimbangkan dengan adanya Rang Undang-undang ini akan mengancam faedah-faedah mereka. Dalam Rang Undang-undang ini saya pun berasa ada beberapa tempat yang tidak sesuai dan adil kepada pekebun-pekebun kecil dan pihak pengusaha getah. Satu daripadanya ialah:

- (a) Semua Ahli Majlis Penasihat Negara bagi menstabilkan harga getah adalah pegawai-pegawai Kerajaan atau orang-orang yang dilantik oleh Menteri. Pekebun-pekebun kecil dan pihak pengusaha getah atau Persatuan Saudagar Getah tidak dapat melantik wakil mereka menjadi ahli-ahli Majlis ini.
- (b) Mengikut Rang Undang-undang ini Menteri berkenaan boleh bagi maksud menjalankan peruntukan-peruntukan Akta ini mengawal pengurusan setok getah.

Oleh kerana itu, saya hendak mencadangkan di sini supaya Majlis yang tersebut di dalam Rang Undang-undang ini hendaklah terdiri daripada lima orang wakil pekebun-pekebun kecil, pihak pengusaha getah atau Kesatuan Saudagar Getah yang dilantik oleh mereka sendiri dan bukan dilantik oleh Menteri kecuali lima orang wakil dari pihak

Kerajaan itu dan sebelum Menteri mengawal pengurusan stok getah hendaklah terlebih dahulu berbincang dengan pekebun-pekebun kecil pihak pengusaha getah dan Kesatuan Saudagar getah untuk mendapat persetujuan mereka dahulu.

4.13 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi sedikit pandangan di atas Rang Undang-undang ini dengan pendeknya dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, while realising the need to stabilise the price of rubber and to safeguard the income of smallholders, I would, however, like to point out to the Government the very serious concern which this Rubber Price Stabilisation Bill has caused to rubber traders in the country. This concern has arisen largely because, under this Bill, the Minister concerned has the powers to compel rubber traders to hold additional rubber stocks with the objective of achieving rubber price stabilisation. Tuan Yang di-Pertua, if these rubber traders are required to carry additional stocks, then they will be faced with numerous difficulties, notwithstanding the additional huge financial commitments, additional godown space and measures to prevent quality depreciation.

Tuan Yang di-Pertua, these rubber traders are also extremely worried over the passage of this Bill which they feel might legally bind them to keep additional stocks on a permanent basis or failing which they will be faced with severe penalties. It has been brought to my attention that the Federation of Rubber Traders Association had expressed their concern over this Bill and had sent a memorandum to the Government. I would, therefore, urge the Minister concerned to take into consideration the views and the comments expressed in the said memorandum.

With these few observations I would, therefore, urge the Government not to rush through with this Bill in such haste but to take into consideration the views of the rubber traders and see if certain modifications can be made. If the Government would accept this proposal, then it would go a long way to dispel the fears and concern of these rubber traders.

4.15 ptg.

Tuan Lew Sip Hon (Shah Alam): Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya tidak berhasrat mengambil bahagian dalam perbincangan atas Rang Undang-undang ini, tetapi setelah mendengar teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang, khususnya dari DAP, saya terpaksa membuat sedikit-sebanyak teguran, dan di sini saya minta izin bercakap sedikit-sebanyak dalam bahasa Inggeris. Rang Undang-undang ini bukan sahaja tepat tetapi bersejarah.

(*Dengan izin*) Sir, the Bill is timely and historic. I think the Opposition Members have shown an utter ignorance of the objectives of the Bill. I wish to give some of my comments but, in so doing, I do not wish to steal the thunder from the Minister of Primary Industries who I am sure will be able to answer the points raised very adequately.

I think this is the first time in history, ever since the marketing of rubber, that the natural rubber producers have come together and shown unity of purpose in trying to work out a price of natural rubber which is profitable to the rubber producers, whether they be smallholders or estates, and also at the same time which is fair to the consumers. I think for many years the rubber industry has been plagued by violent fluctuations in the price of natural rubber and these violent fluctuations have never been to the advantage of natural rubber because, if the price of natural rubber is too low, our producers—and two to three million people in Malaysia are dependent on rubber for their livelihood—would find it very difficult to tap their rubber. If it is too high, then we face the situation that synthetic rubber producers would come into the market and fill its place. For many years in the international rubber study group, producers and consumers have been trying to get together to have an international rubber stock scheme to stabilise the price of natural rubber, but this has never succeeded because, as you know, the producers' and consumers' interests are always at variance. Following the mood that is now prevalent in all the developing countries and even in the developed countries, there is a need to stabilise commodity prices. I think if the natural rubber producers—here I must congratulate

the initiative taken by Malaysia to get Indonesia, Thailand and Sri Lanka who together produce 85% of the world's supply of natural rubber—can get together to have a scheme which can stabilise the price of natural rubber so that our producers, particularly our smallholders, can depend on rubber for their livelihood, then this is something which must be welcomed by everybody in Malaysia.

One of the best examples with the passing of this Bill or with the introduction of this Bill in Parliament, is that the price of rubber today is \$1.40 per kilo and the forward price of rubber for June next year is \$1.60 and for September it is \$1.65. What better proof there is! The very fact that the Malaysian Government has taken action to introduce this Bill in Parliament shows that there is confidence in the world that the natural rubber producers now have the political will and also the organisation to ensure that the price of rubber can be stabilised.

As everybody knows, natural rubber is an internationally traded commodity and the international market is one of the most volatile of markets. The price of natural rubber is affected not only by supply and demand, but also by market sentiment and market sentiment is one of the most important factors in maintaining the stability of the price of natural rubber.

I heard the Honourable Member for Seremban saying that this Bill is putting the cart before the horse. But I am sure he does not know what has been happening to the horse all the while, which has been running all round to make sure that the cart has got enough things for the horse to pull. I leave this to be filled in, of course, by the Honourable Minister who has got all the details.

But I think there is, of course, one section of the rubber industry which has expressed some fears and, I think, for the first time I heard the D.A.P. voicing the views of the capitalists, which is rather strange. But this fear is, I think, a misunderstanding of the objectives of the Bill. Although Clause 4 of the Bill says, "There may for the purpose of the stabilisation of the price of rubber be established a rubber stock", it clearly refers to the international rubber buffer stock and, although there has been a hue and cry saying that the rubber dealers have been carrying excessive stocks and all

that, the people who are concerned are the big people, the big rubber packers, and not the small dealers in the kampungs, not those people who have to buy from the villagers, from the smallholders. These are the exporters, the packers; and therefore they are the big people who can afford to contribute their share towards maintaining the price of rubber for the benefit of all the producers in this country—smallholders and medium size holders—and, therefore, I think there is this misunderstanding and I am sure the Minister when he makes the regulations will, under Clause 5, bear all those factors in mind. For instance, there was the fear that under Clause 5 (f) penalties may be imposed and there is a provision for the forfeiture of any rubber which is the subject matter of the contravention of any of these provisions in the Act, and there I think surely if the packers and exporters have *bona fide* and reasonable reasons, I do not think that the law would really take its full course as go to the extent, as has been said, that these people might be made bankrupt just because they committed a technical offence. I hope that the Minister in his reply would give this assurance that these are some of the factors, which I am sure the Minister is very well aware of.

The only suggestion I would like to put forward is that under Clause 3 (3) of the Bill where it says that the Minister may appoint not more than three additional members to the National Advisory Council for Rubber Price Stabilisation, I am sure the Minister would take into account the three important sectors of the industry, namely, the smallholder sector, the estate sector and the rubber trading sector.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dan saya rasa Rang Undang-undang ini ialah Rang Undang-undang yang boleh memberi kestabilan kepada perindustrian getah pada masa hadapan.

4.23 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan hendak menstabilkan harga getah dalam negara ini. Rang Undang-undang yang telah dikemukakan pada hari ini adalah semata-mata hendak membela nasib pekebun kecil getah dan lebih-lebih lagi penoreh getah di seluruh tanahair kita. Saya percaya Akta ini akan melepaskan sesak

nafas penoreh getah yang sentiasa dalam kegelisahan akan nasib masa depan mereka. Kebanyakan pekebun kecil getah dan penoreh getah ini ialah terdiri daripada orang Melayu yang sentiasa di dalam keadaan yang lemah di dalam ekonomi. Dengan adanya undang-undang ini akan menguatkan lagi azam pekebun kecil getah dan penoreh getah untuk memperbaiki taraf pengeluaran getah mereka untuk mendapatkan harga yang baik dengan adanya jaminan dalam peruntukan-peruntukan peraturan dalam Rang Undang-undang ini.

Saya ingin membuat sedikit teguran dalam Fasal 3 (1) Akta ini iaitu Majlis Penasihat Negara bagi pengstabilan harga getah patut sekali pertimbangan yang wajar diberi kepada seorang wakil daripada Persatuan Pekebun Kecil bagi menduduki dalam Majlis itu kerana ianya akan menyuarakan nasib beribu-ribu pekebun kecil. Di dalam Akta ini juga kalau dapat dipertimbangkan seorang Ahli Parlimen yang boleh mewakili penoreh getah semuanya, dan dengan adanya dua orang wakil tambahan yang akan melambangkan kedudukan Majlis itu menjalankan tugas-tugasnya yang berat bagi menasihatkan Menteri itu untuk kepentingan negara. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Perusahaan Utama di atas daya usaha beliau mendatangkan Rang Undang-undang ini kepada Dewan ini.

4.25 ptg.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I wish to refer to the Rubber Price Stabilisation Bill, 1975 and would like to make the following observations.

Sir, although, generally, the policy seems to be good and practical on the surface, nevertheless, it has its defects too which need to be looked into carefully. In fact, Mr Speaker, Sir, there had been a similar attempt by the Government to stockpile rubber, which was aimed to be only a temporary measure. But now with the enforcement of this Act, it is certainly going to be a permanent feature. Before going further, Sir, I would like to draw the attention of the Government to the immense difficulties that have to be faced by the local rubber dealers and traders in general who have to look into minute problems of having sufficient capital to finance such a stockpiling process and also a

reasonably suitable place for the buffer stock. In this connection, they need also to be concerned over the extra risks involved in terms of destruction as a result of fire or possible theft. All these must and ought to, be viewed first before the Government can pursue with its policy of buffer stock.

Mr Speaker, Sir, with regard to Clause 3 on the establishment of the National Advisory Council for Rubber Price Stabilisation, I am inclined to mention that it should have been formed much earlier when the price of rubber was miserably low and unattractive in the world market. The formation of the Council is vital, as it would help to control and check the activities related to rubber dealings locally and abroad. Related to this aspect, I would like to mention too that the members of the Advisory Council are all from top level. Here I would like to urge the Government to consider having at least one representative from the dealers' or traders' side as they are as capable of knowing the day-to-day operations and rubber price trends. At the same time, they could also voice their opinions and possible recommendations to be adopted for future rubber trends.

Now, Clause 4 reads, and I quote:

"There may for the purpose of the stabilisation of the price of rubber be established a rubber stock to be regulated in the manner prescribed by the Minister under Section 5."

This needs to be scrutinised further. Sir, I would say that such Government's stockpiling action of the nature stipulated above should be merely a temporary measure. Price stabilisation measures should be undertaken only for the purpose of stabilising short-run price movements resulting from short-run speculative and cyclical factors. Therefore, the need to stabilise rubber price and price fluctuations in the case of rubber does not necessarily mean that such fluctuations are wholly bad. Any stabilisation is a useful indicator for long-run trend of prices and acts also as an essential mechanism for purpose of resources allocated. Therefore, I would like to point out that stockpiling of rubber should only be a temporary measure. Anything to regulate management of rubber should be aimed at as a short-term measure and not long-term as it would be unpractical and undesirable in the long-term owing to

uncertainty in price fluctuations and future market trends. In this respect, the Government can, as a short-run measure, have a bilateral contract specifying the maximum price at which producing countries are obliged to sell stipulated quantities to the consuming countries and the minimum price at which consuming countries are obliged to purchase stipulated quantities from producing countries.

Sir, furthermore, the buffer stock rubber scheme, in practice, however, is not an effective measure as it requires large sums of money to finance the purchasers and requires facilities for storage which I had mentioned earlier. In this connection, the packers and exporters have to bear all the risks related to stocking and the local dealers have to comply to the letter and spirit of this Act as to the standard price of the Rubber Board. Sir, in the process of stocking the rubber, there is no assurance that the price later would be in the favour of the dealers and as a result undue hardships and difficulties have to be borne by them. Here, I would like to request the Government to consider favourably providing adequate aid in terms of risks borne by the dealers and also low returns as a direct result of Government rubber stockpiling.

I wish now to refer to Clause 5 (b) in respect of appointment of officers to inspect and examine rubber stock records. Sir, here I would like to caution the Government to appoint proper and capable officers as insincere and corrupt officers will defeat the whole purpose of this Act. These officers, after appointment, must carry out or discharge their duties without fear or favour.

Furthermore, referring to Clause 5 (d) and (e) which require all estates to be registered and prohibit or regulate the use of chemicals and stimulants, I would say that it is a practical approach towards regulating the activities of rubber so that it will be attractive in terms of favourable price at all times. However, the use of the yield stimulants must not be prohibited completely as at times these chemicals are required for high production especially those old trees which would soon be cut down to make way for the replanting process.

Finally, the Bill must also include provisions for unsmoked rubber which I feel is necessary. At present, adequate facilities for

processing smoked rubber are grossly lacking, especially so true of rural areas like kam-pungs and the outskirts of towns. The dealers are not to be blamed for purchasing un-smoked rubber.

Above all, I would like the Government to explore into the possibility of finding new ways and methods as to the scientific use of rubber in the world market. More research has to be conducted to improve its quality.

Sir, I welcome the Bill.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya hendak tahu berapa ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap dalam Rang Undang-undang ini. (7 *Ahli-ahli bangun*). Saya akan memberi peluang kepada ketujuh-tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap.

4.33 *ptg.*

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah mengambil kesempatan mengalu-alukan serta menyokong penuh kepada Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan yang telah mengemukakan Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah.

Dengan adanya Undang-undang ini dan dengan tertubuhnya Majlis Penasihat Negara yang ada terkandung di dalam Akta ini bagi menentukan harga getah saya percaya Menteri yang berkenaan boleh menasihati atas perkara-perkara yang ada hubungannya dengan kestabilan harga getah dan Kementerian ini juga boleh menjalankan bagi mencapai maksud-maksud Akta Undang-undang ini dengan membuat peraturan bagi menyelaraskan dan melaksanakan serta mengawal aktiviti-aktiviti yang perlu bagi menstabilkan harga getah di negara kita ini.

Sikap serta langkah Kerajaan bagi mengadakan satu Akta bagi menstabilkan harga getah hanya dengan Akta yang terkhusus ini sahaja akan memberikan jaminan kepada para pekebun-pekebun kecil khususnya dan taraf kedudukan harga getah kita amnya. Seperti yang kita ketahui dan saling mengerti akan kedudukan harga getah kita sekarang ini saya percaya dengan tertubuhnya Majlis menstabilkan harga getah ini bererti bukan sahaja kita dapat membuat perjanjian antarabangsa mengikut kuatkuasa

Akta ataupun Rang Undang-undang yang telah ditentukan tetapi juga saya harap boleh memberikan nafas baru kepada para pekebun-pekebun kecil yang boleh dikatakan bergantung hidupnya kepada harga getah yang ditorehnya.

Seterusnya juga saya mengemukakan pandangan saya hendaknya Kerajaan kita juga akan mengambil langkah di dalam semua bidang-bidang pengeluaran di negara kita ini untuk menstabilkan kedudukannya sesuai dengan pembangunan negara dan saham-saham dunia.

4.36 *ptg.*

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, dalam meng-alu dan menyokong Rang Undang-undang ini saya mohon menyentuh beberapa perkara sahaja secara ringkas.

Sekim Stok Penimbal Getah Antarabangsa ini adalah satu teori di dalam hubungan ekonomi antarabangsa yang bukan sahaja sukar difahami oleh pekebun-pekebun kecil biasa tetapi sukar juga dilaksanakan. Dengan sebab itu saya sukalah menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan bahawa publisiti tentang rancangan ini hendaklah diselaraskan dengan baiknya kerana mengikut pendapat saya kejayaan Sekim Stok Penimbal ini adalah 80% bergantung kepada aktiviti antarabangsa, yakni aktiviti di luar negeri bergantung kepada faktor-faktor di luar negeri, hanya sedikit sahaja 20-30% sahaja bergantung kepada faktor dalam negeri. Kalau kita besar-besarkan tentang rancangan ini di dalam negeri kita memberi publisiti yang berlebihan di dalam negeri maka reaksi daripada pekebun-pekebun kecil sangatlah tinggi. Pekebun-pekebun kecil mempunyai suatu harapan yang tinggi bahawa selepas rancangan ini dilaksanakan harga getah mereka akan melambung naik dan mereka meyakini bahawa tujuan ini akan dicapai di dalam masa yang singkat dan saya bimbang kalau-kalau barangkali rancangan ini tidaklah tercapai sebagaimana yang dianggap atau yang diharapkan oleh pekebun-pekebun kecil itu maka akibatnya tidaklah begitu baik, tidak begitu menggalakkan, sebab kita dapati tentang Sekim Stok Penimbal Getah ini sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa adalah sukar difahami kerana ia merupakan satu teori ekonomi, sukar difahami terutama oleh pekebun-pekebun kecil getah di luar-luar bandar.

Dalam beberapa bulan yang lepas apabila Kementerian mengarahkan pihak FELCRA, pihak M.R.D.C. dan lain-lain agensi membeli getah-getah di luar bandar maka pekebun-pekebun kecil dan orang ramai menganggap bahawa dengan berbuat demikian Kerajaan bertujuan hendak berlumba-lumba dengan pembeli-pembeli getah biasa supaya harga itu naik pada hal saya rasa mengikut pendapat saya tujuan yang sebenar agensi-agensi Kerajaan membeli getah ini bukanlah kerana hendak berlumba dengan pembeli-pembeli yang ada yang biasa tetapi kerana hendak mendapatkan stok sebanyak jumlah yang dihadkan di dalam jangkaannya supaya dapat stok itu disimpan mengikut jumlah yang dikehendaki dan dengan cara ini pengaliran getah ke pasaran dunia tidaklah berlebihan dan dapat dikawal dari semasa ke semasa mengikut keadaan permintaan di pasaran dunia.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi kejayaan rancangan ini bergantung besar kepada faktor-faktor luar negeri. Negara kita sahaja tidak akan berjaya menjalankan Sekim Stok Penimbal ini pada peringkat antarabangsa jika kita tidak mendapat kerjasama sepenuhnya daripada negara-negara terutama sekali negara-negara pengeluaran yang lain. Kita juga berkehendakkan kerjasama dan sambutan yang positif daripada negara-negara pengguna yang lain di dalam dunia, negara-negara pengguna yang besar, pembeli-pembeli getah yang besar dalam dunia ini.

Selain daripada itu saya suka juga menyentuh bahawa di dalam menjayakan Sekim Stok Penimbal ini satu badan pada peringkat antarabangsa hendaklah ditubuhkan dengan cara yang teratur, aktif dan efficient. Jadi dengan sebab ini, saya suka mengesyorkan jika persetujuan telah dicapai di bawah Fasal 5 Rang Undang-undang ini membolehkan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri mengadakan rundingan dan membuat perjanjian dan saya percaya setelah satu badan pada peringkat antarabangsa ini ditubuhkan saya suka mengesyorkan supaya pegawai-pegawai dari Malaysia akan mengambil bahagian cergas dan aktif di dalam badan ini. Kita terdengar pada masa-masa yang lepas badan yang sama bagi bijih timah umpamanya pegawai-pegawai kita tidak pernah mengambil bahagian yang cergas di dalam badan tersebut. Tetapi oleh

sebab kitalah negara yang mula-mula menganjurkan Sekim Stok Penimbal Getah Antarabangsa ini, maka biarlah pegawai-pegawai kita akan mengambil bahagian yang cergas di dalam badan antarabangsa yang akan diwujudkan nanti.

Kita mestilah juga berhati-hati bahawa ada kemungkinan di dalam kerjasama yang erat itu ada setengah-setengah negara-negara lain barangkali yang akan cuba mengambil kesempatan mencari keuntungan bagi negara mereka melalui Sekim Stok Penimbal ini. Umpamanya kalau di negeri kita ini kita dapat mengawal pengeluaran dalam negeri secara rapi dan cekap sehingga kita dapat menepati quota yang ditentukan kepada negara kita tetapi negara-negara lain juga hendaklah berbuat demikian dengan cara yang demikian supaya pengeluaran getah dalam negeri mereka juga menepati quota sebagaimana yang dikehendaki di dalam persejuaan antarabangsa.

Selain daripada itu, saya sukalah menyentuh sedikit selain daripada Sekim Stok Penimbal Antarabangsa ini sebagai satu cara bagi menstabilkan harga getah pada peringkat antarabangsa, saya yakin barangkali ada juga cara-cara yang lain yang boleh digunakan di samping cara Sekim Stok Penimbal ini. Umpamanya dari Sekim Stok Penimbal ini, kita hanya mengawal pengeluaran, tetapi barangkali dari cara yang lain pula kita memperbanyakkan memperbagaikan penggunaan getah asli itu sendiri. Kita sepatutnya menghantar agensi-agensi kita secara joint-venture dengan syarikat-syarikat luar negeri di luar negeri kalau pun tidak barangkali kemungkinan diadakan dalam negeri sendiri untuk membuat penyelidikan bagi mencipta bahan-bahan kegunaan yang besar daripada bahan-bahan getah asli ini supaya dengan getah asli ini akan dapat menandingi bahan-bahan lain terutama sekali getah tiruan dan bahan-bahan substitution yang lain, bahan-bahan yang boleh menggantikan (substitute) getah ini bagi bahan-bahan kegunaan biasa.

Saya suka memberi satu contoh sahaja, umpamanya sebuah kapal laut, misalnya setakat ini dibuat daripada besi waja pada hal harga besi lebih mahal dan lebih sukar didapati daripada getah tetapi masih dibuat daripada besi. Mengapa tidak? Pada masa-masa akan datang sebuah kapal laut itu diperbuat daripada getah umpamanya. Dan jika sebuah kapal laut diperbuat daripada

getah barangkali akan menambahkan penggunaan getah ini dengan pesatnya dan dengan itu menambah permintaan di peringkat antarabangsa terhadap getah asli ini.

Dan akhir sekali, saya menyampaikan keyakinan saya sebagai Ahli Dewan ini bahawa Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ini akan sentiasa mempunyai kecekapan, kemampuan dan bagi melaksanakan tujuan ini sama-samalah kita berdoa terutama sekali rakyat jelata di dalam negara ini mudah-mudahan tujuan yang suci ini dapat memberi hasil yang baik dan memberi faedah yang besar terutama sekali kepada pengeluaran-pengeluar getah pekebun-pekebun kecil yang pada masa ini tertindas di kawasan luar bandar.

4.46 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris mengenai Akta Stok Penimbal Getah Asli.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I do not have much to comment on this Bill because almost all the salient features have been commented upon by the various speakers before me, but standing here as a representative of my party, I would state that our stand on this Bill is that we would want, and in fact we would have expected, a Bill which states the floor price of rubber. In other words, this Bill is only half way towards achieving the stabilisation of rubber price.

I am saying this today, Mr Speaker, Sir, because I feel that the Act without that warranty would mean that it would only be applied where it could be seen, but it would not apply in the rural areas where there are no Ministers and Ministerial machinery to oversee. What I am saying is that, as the Member for Shah Alam stated just now, the people who could sustain that involvement in the rubber industry are those people who are packing, stocking and exporting rubber, i.e., they are the people who have got the means to do so. I would take it as an authority from him because, as we know, he is a man from the rubber industry itself. The point is, if we got a buyer in town to buy rubber for stock, he would, of course, be buying it through agents who would in turn buy from the rural areas. The people in the rural areas are the people to whom we want this Bill to give good effect. The tendency is that when he has

soaked so much of his capital in stockpiling, would it not be consequential upon for the buyer to reduce the price in order to be able to sustain further buyings? This is a big factor which I pose because I feel that it is important that any Bill which has got the effect to stabilise the rubber price should have the effect of stabilising the price in the rural areas, which is a prime concern of the Members of Honourable Dewan.

The second aspect, Mr Speaker, Sir, is this. It is noted from Clause 3 that the National Advisory Council for Natural Rubber Price Stabilisation shall include people like the Secretary-General of the Ministry of Primary Industries, a representative of the Treasury and so on and so forth. It consists of people who are, of course, at the forefront of the economic activities of our nation. What I would want to say is that—of course, it has been mentioned by the other speakers previous to me—Clause 3 (3) would provide the Minister with the power to appoint three additional members to this Council. No other Member has spoken of the need for the inclusion of a member perhaps from Sabah and Sarawak, because the situation obtaining in the rubber industry in Sabah and Sarawak is quite different in various aspects from the situation that exists in Semenanjung Malaysia. So, for good advice and good guidance in respect of the industry in Sarawak, which is also the main concern of the majority of the people, I would urge the Minister to think of appointing later on a member from that side of our nation.

I have nothing more to say on this except to add that the Bill in itself is a very good one. I, like the others, would hope that the Minister would be able to implement this to a successful ending, so that this would be a temporary respite, as he said in the launching of the programme on this scheme at the last sitting of this House, since we cannot, in my humble opinion, continuously soak our national wealth just in rubber because what comes next when we have got no more money?

4.42 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): *(Dengan izin)* Tuan Yang di-Pertua, this Bill, just like the Industrial Co-ordination Act, 1975, which was passed at the last sitting of Parliament, is a very controversial one and, as I can see it, this Bill will have a far-reaching effect on the

nation's economy. Whether it is going to stabilise the price of rubber or otherwise, this Bill will be the main concern of all Malaysians.

Sir, since the introduction of this Bill, or much earlier when the Minister announced the National Rubber Price Stabilisation Programme, the new measures to be undertaken by the Government have given rise to many anxieties and fears amongst the circles of the rubber industry. When this Bill is passed, those connected with the rubber industry such as rubber estate owners, big or small, exporters, packers and dealers will be affected. Also to be affected are those rubber tappers and rubber factory workers.

Sir, amongst other things, this Bill seeks to make it compulsory to establish a rubber stock, to ban on the use of chemicals and stimulants, to even limit the tappers from working on Sundays and holidays and to impose heavy penalties on those who disobey this Bill.

Sir, as I can see it, the purpose of this Bill is not so much to stabilise the price of rubber but it is more the intention of the Government to force a compulsory stockpile and to force the reduction of the production of rubber. If this is the intention, then it is doubtful whether the Government's move is a wise one.

Sir, stockpiling and stabilisation are two different matters. As we have just heard the Member for Shah Alam speak, the price of rubber is dependable on the world market sentiment. So, I feel that if the Government forces the people to stockpile, then the purpose to achieve the price stabilisation is doubtful.

Sir, the price stability of any commodity depends on the law of supply and demand and rubber is no exception.

The introduction of this Bill is a clear manifestation that Malaysia does not free herself from the clutches of western imperialism and capitalism and that Malaysia, economically, is dependable on the big powers.

Sir, I feel that this Bill is a retrogressive one because it is going to affect not so much the "haves" but the "have-nots", because if the economy of the country especially the rubber production is affected, then the "have

nots"—the kampung folks, those factory workers, the tappers and so on—will be more seriously affected than the exporters or packers. We in the D.A.P. do not come here to defend the capitalist, as alleged by the Member for Shah Alam just now, but what we are concerned with are those rubber tappers who may be told not to work on Sundays or holidays and those factory workers who might be laid-off from their work if the exporters are forced to close down their factories.

These are the main issues that are affecting the country. That is why the implementation of this Bill is important and I hope the Minister concerned will look into the complications and implications of this Bill.

Lastly, Sir, I would like to call on the Minister to delay the implementation of this Bill until the conclusion of any international agreement between Malaysia and other rubber producing countries for the creation of a scheme for the stabilisation of the price of rubber in the world market.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.58 ptg.

Tuan Loh Fook Yen (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah ini.

Pada hari Jumaat minggu yang lalu, setelah mendengar Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama mengemukakan Rang Undang-undang ini, beliau telah menyatakan Rang Undang-undang ini ialah untuk menstabilkan harga getah, kerana perusahaan getah bukanlah hanya melibatkan kehidupan rakyat jelata kita bahkan melibatkan keadaan ekonomi negara. Lebih-lebih lagi Rang Undang-undang ini bertujuan menghalang kegiatan-kegiatan sekumpulan orang-orang kecil yang tidak bekerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu mempunyai makna yang tinggi dan pandangan yang jauh. Dalam perbahasan Rang Undang-undang ini termasuk juga Ahli-ahli Pembangkang yang menunjukkan sokongan mereka terhadap prinsip dan semangat kepada Rang Undang-undang ini. Oleh yang demikian, saya mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri itu, di samping itu juga saya menyeru kepada orang-orang yang berkenaan dengan perusahaan getah akan dapat mengetahui makna dan tujuan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini ada juga kemungkinan beberapa masalah akan timbul seperti dalam Clause 3 iaitu akan membentuk sebuah Majlis Penasihat Negara bagi Penstabilan Harga Getah. Dalam hal ini, saya sukalah menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan berharap bahawa patutlah ditambah lagi banyak wakil-wakil daripada bidang getah menduduki dalam Majlis Penasihat itu. Oleh kerana pengalaman-pengalaman mereka sangatlah bernilai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Clause 4 Rang Undang-undang itu juga mengadakan satu stok getah. Berhubung dengan perkara ini sukalah juga saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini iaitu keadaan kesusahan peniaga-peniaga getah yang kecil-kecil patutlah ditimbang dengan beratnya. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyeru bahawa bank perniagaan patutlah memberi kemudahan-kemudahan pinjaman wang kepada semua peniaga-peniaga getah. Tetapi dalam sistem masyarakat bebas kita ini, bank perdagangan hanya memberikan lebih banyak minat dan perhatian kepada faedah-faedah sendiri. Maka dengan ini saya berharaplah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bolehlah membuat Undang-undang yang tertentu supaya semua bank perniagaan pasti akan memberi kemudahan-kemudahan pinjaman wang kepada semua peniaga-peniaga getah khasnya kepada peniaga-peniaga getah kecil. Jikalau boleh selanjutnya lebih baik wang pinjaman ini sekurang-kurangnya dikecualikan faedah atau lebih rendah daripada biasanya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Clause 5, ini telah memberi Yang Berhormat Menteri kuasa melantik pegawai-pegawai untuk menyiasat stok getah. Pada prinsipnya perlulah mengadakan pegawai-pegawai ini untuk menjalankan Rang Undang-undang ini. Tetapi malangnya selalu kita mendengar komplek daripada rakyat jelata iaitu apabila Undang-undang ini dijalankan mungkin mewujudkan lebih banyak kesempatan

korupsi. Maka saya berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apabila melantik pegawai-pegawai yang benar-benar menjalankan semangat Rukunegara kita sebagai pegawai-pegawai memeriksa stok getah itu.

Pada akhirnya, sungguhpun Rang Undang-undang ini telah mendapat sedikit-sebanyak komen dalam Dewan ini, tetapi saya percaya tidak siapa pun boleh menafikan bahawa hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang boleh menyelesaikan perkara ini.

5.05 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya memandang apa yang dikemukakan oleh Menteri ini adalah sungguh bertanggungjawab untuk meninggikan harga getah. Bukan sahaja itu, Tuan Yang di-Pertua, bila saya memandang kepada ahli-ahli yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk melantik Ahli Majlis Penasihat Negara dalam Fasal 3 daripada (a) sampai (f), maka saya berpendapat orang-orang yang berkenaan amatlah kena pada tempatnya, iaitu terdiri dari berbagai-bagai pegawai seperti Wakil Perbendaharaan, Wakil Yunit Perancang Ekonomi dan sebagainya. Maka apa yang disyorkan oleh wakil daripada Baling tadi saya rasa sangatlah kena pada tempatnya iaitu wakil itu terdiri dari pekebun-pekebun kecil dan saya mengesyorkan juga lagi supaya dilantik wakil-wakil daripada pembeli-pembeli getah kecil.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Menteri Perusahaan Utama di masa-masa yang akhir-akhir ini kita sama-sama mengucapkan tahniah dan berdoa agar kesihatan beliau itu bertambah sihat, kerana beliau, itu sungguhsungguh mencari berbagai-bagai ikhtiar untuk meninggikan harga getah dan kadangkang terpaksa Yang Berhormat Menteri itu masuk di dalam kumpulan yang mana banyak pekebun-pekebun getah walaupun keadaan diri beliau sendiri agak terancam. Kita semua suka mengucapkan syabas.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan Rang Undang-undang ini harga getah akan bertambah naik dengan ikhtiar yang dibuat oleh Menteri. Tetapi yang mendukacitakan

saya getah di negara kita datang dari berbagai-bagai tempat ada yang datang daripada estate yang besar-besar dan tidak ketinggalan yang datang daripada pekebun-pekebun kecil. Saya amatlah sedih bila memandangkan harga yang diikhtiar oleh Menteri yang saya berpendapat dan saya yakin orang lain juga semacam amat sesuai dan boleh pekebun-pekebun getah kecil mencari makan tetapi malangnya nasib pekebun-pekebun kecil tidak berubah seperti takuk lama. Izinkanlah saya kata kalau bagi pihak estate harganya 60 sen kadang-kadang bagi pihak pekebun kecil hanyanya ialah 34 sen dan sebagainya. Maka inilah yang selalu disungutkan oleh pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, di dalam Majlis Penasihat Negara yang dicadangkan oleh Menteri terdiri daripada seorang wakil Yunit Perancang Ekonomi dan sebagainya, saya percaya ini akan membawa kestabilan ekonomi kepada negara kita. Untuk membela kepada pekebun-pekebun kecil dan saya merayu kepada Menteri kerana di sini ada pegawai-pegawai bank dan sebagainya, sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya tadi mengikhtiarakan menaikkan taraf harga getah pekebun-pekebun kecil dicari seberapa daya yang boleh. Saya mengesyorkan satu jalan. Saya contohkan di negeri saya sendiri di negeri Perlis, ada banyak pekebun-pekebun kecil dan banyak juga pembeli-pembeli getah kecil, tetapi malangnya antara bumiputra tidak ada satu rumah asap untuk meninggikan harga getah. Dengan sebab itu, saya minta daya-usaha Menteri yang berkenaan dengan ada Majlis yang dibentuk itu patutlah di Perlis dibuat apa juga dengan daya usaha Menteri yang berkenaan.

Yang kedua, sebagaimana disuarakan oleh kawan saya tadi, kita semua berasa dukacita iaitu pada Hari Khamis yang lepas saya dan beberapa orang rombongan telah pergi melawat Port Kelang. Kami melawat satu projek memproses kayu-kayu getah, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Besut tadi. Kayu itu dihantar keluar negeri kata pegawai-pegawai yang berkenaan dan kemudian dihantar balik. Kami semua yang di atas bas itu semuanya tersenyum. Jadi hak kita dihantar keluar negeri, diproses tetapi apabila hendak dibuat barang dihantar balik kepada kita. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan kerana kita tahu getah ini adalah hasil

kepada negara kita, selain daripada meninggikan harga untuk dijual keluar negeri kita cari berbagai-bagai jalan buat berbagai-bagai industri yang bahannya diperbuat daripada getah. Saya percaya, perkara ini amatlah rumit kepada Kerajaan kita khususnya kepada Kementerian yang berkenaan dalam masa jangka pendek, tetapi jikalau dipandang dari jangka panjang yang kita akan memerintah bertahun-tahun lagi dan perkara ini tidak dapat dielakkan, saya berharap tolonglah hantarkan pegawai-pegawai ataupun orang-orang yang dapat mengadakan industri-industri, sebagaimana saya katakan tadi kita tengok barang seluruh yang dibuatkan daripada getah. Kita ambil contoh Jepun dan sebagainya, kita hantar orang-orang kita pergi kursus sebagaimana kita hantar pegawai-pegawai yang lain. Adalah tidak menguntungkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau hari ini kita hantar getah keluar negeri maka getah itu balik kepada kita yang mana keuntungannya dapat pada orang lain. Dan saya berharap sesudah kita menjalankan segala rancangan-rancangan ini daripada bahan-bahan tempatan kita sendiri, kita adakan satu kempen sebagaimana yang telah dibuat oleh negeri lain dan juga seperti yang dibuat oleh negeri kita sendiri mengenai kempen makan buah-buahan tempatan. Begitulah juga pihak-pihak yang berkenaan mengkempenkan supaya menggunakan apa yang dibuat oleh negeri kita dengan bahan-bahan tempatan kita sendiri.

5.12 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan persefahaman dan menyokong Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah Negara ini. Saya telah mengambil perhatian mengenai beberapa syor dan cadangan membina yang telah diutarakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dan ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat itu faham akan kedudukan serta masalah yang dihadapi oleh negara kita dan rakyat-jelata ketika menghadapi kejatuhan harga getah asli sehingga ke paras 97 sen se kilo bagi getah jenis RSS 1 tidak berapa lama dahulu.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan rakan-rakannya daripada

Parti D.A.P. tidak begitu bersimpati dan faham dengan hasrat rakyat, terutama sekali daripada segi kepentingan pekebun-pekebun kecil di negara kita ini yang berjumlah lebih daripada 500,000 keluarga iaitu lebih kurang $3\frac{1}{2}$ juta manusia yang hidup mereka telah terancam akibat daripada kejatuhan harga getah terutama sekali dalam bulan Oktober dan November pada tahun lalu. Saya berkata demikian oleh sebab beliau dan rakan-rakannya nampaknya berpendapat bahawa persetujuan harus dicapai dahulu dengan negara-negara pengeluar getah asli yang lain sebelum Kerajaan kita mengambil tindakan dalam negara atau dalam negeri untuk memulakan usaha menstabilkan harga bahan tersebut. Beliau dan rakan-rakannya telah menuduh Kerajaan dengan perkataan-perkataan mereka sendiri "put the cart before the horse", seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam tadi. Maksudnya, ialah bahawa tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan mengakibatkan harga getah asli meningkat naik dan pendapatan mereka yang bergantung kepada pengeluaran getah juga meningkat naik itu yang dibuat oleh Kerajaan tidak seharusnya dijalankan dahulu dan harus kita tunggu akibat perbincangan kita dengan negara-negara lain. Beliau nampaknya mahukan rakyat terus menderita sementara kita menunggu tercapainya persetujuan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini kita haruslah jangan lupa bahawa Malaysia ialah negara utama yang mengeluarkan getah asli di dalam dunia ini. Apa-apa juga langkah berhubung dengan getah dan bahan-bahan utama lain yang dikeluarkan oleh negara Malaysia haruslah dengan daya utama atau initiative Malaysia sendiri. Selagi negara kita tidak berani mengambil initiative, selagi itulah negara-negara yang lain tidak akan bergerak. Dan selagi kita sendiri tidak dapat menunjukkan bagaimana sesuatu rancangan penstabilan harga getah asli boleh dijalankan dengan begitu berkesan, selagi itulah negara-negara pengeluar getah asli yang lain tidak sedia memikul peranan masing-masing untuk kepentingan bersama. Tidak syak lagi, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telahpun mencapai kejayaan, tetapi kejayaan ini tidak akan berkekalan sekiranya hasil-hasil setakat ini menyebabkan rakyat jelata dalam negeri kita lemah semangat, khayal dan ini pula akan mengakibatkan negara-negara pengeluar getah asli

yang lain berperasaan sama dan tidak sedia melanjutkan kerjasama yang telah diberi oleh mereka setakat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mengecam negara-negara pengeluar getah asli lain bahawa kononnya mereka tidak berminat dan tidak akan memberi kerjasama setakat ini kepada negara kita dalam usaha-usaha kita di dalam bidang ini. Ini tidak benar. Pada masa ini juga misalnya negara-negara ini sedang giat meneliti dan membuat syor-syor supaya deraf perjanjian antara-bangsa akan dapat diterima dan apabila diterima pula akan dapat dilaksanakan dengan berkesan, terutama sekali dari segi jangka panjang. Minat ini tidak akan berkurangan selagi Malaysia sendiri menunjukkan bagaimana kita begitu serious di dalam cadangan-cadangan yang kita utarakan sekarang. Pendek kata, kalau kita mengkaji di atas soal-soal yang dihadapi dan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh beberapa pihak yang berkenaan di dalam usaha-usaha kita menstabilkan harga getah pada masa ini, masaalah-masaalah ini haruslah diperhatikan sebagai masaalah-masaalah sementara untuk mencapai kejayaan dari segi jangka panjang untuk kepentingan ekonomi negara dan rakyat jelata kita terutama sekali pekebun-pekebun kecil di ceruk rantau di kampung-kampung di dalam negara kita ini. Itulah sebabnya undang-undang ini dikemukakan di mana semua rancangan-rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia sendiri akan dapat dilaksanakan dengan penuh berkesan di mana tiap-tiap sektor yang ada hubungan dengannya akan dapat memainkan peranan masing-masing dengan adil dan saksama.

Saya sebenarnya berasa anih benar apabila saya mendengar hujjah-hujjah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban, Kuala Lumpur Bandar, Batu Gajah dan Petaling iaitu Ahli-ahli daripada Parti D.A.P. apabila mereka menyampaikan hujjah-hujjah mereka, nampaknya hujjah-hujjah mereka itu bertujuan memperjuangkan kepentingan peniaga-peniaga getah dalam negeri sahaja. Saya takut Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti yang berkenaan telah membuat "miscalculation" sekali lagi di dalam usaha partinya desperate hendak mencari sokongan.

Pada masa dahulu, Tuan Yang di-Pertua, parti Ahli-ahli Yang Berhormat ini telah mengecam dan mengecap satu daripada

parti dalam Barisan Nasional sebagai pelindung peniaga getah yang dicap oleh mereka sendiri sebagai kaum "kapitalis", ini cerita dahulu. Parti yang kononnya "sosialis" dahulu, tetapi sekarang tidak tahulah, sebab telah berpaling tadah nampaknya, kerana sokongan mereka merosot dan hendak mencari sokongan baru kiranya ada peluang daripada peniaga-peniaga getah, tetapi hendaklah Ahli-ahli Yang Berhormat itu ingat bahawa Kerajaan dan Kementerian saya terutama sekali tidak ada langsung bersalah faham dengan peniaga-peniaga getah dalam negara kita ini pada masa ini untuk diambil kesempatan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu mendapat sokongan daripada mereka. Malahan saya sendiri dan juga Timbalan Menteri saya dan juga pegawai-pegawai di Kementerian saya telahpun pada masa-masa yang lepas dan sedang pada masa sekarang giat mengadakan perbincangan-perbincangan untuk mencapai persefahaman di atas apa-apa juga soal yang dihadapi oleh peniaga-peniaga getah seperti yang dilaporkan di dalam akhbar-akhbar baru-baru ini dan cuba mengambil kesempatan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Malahan saya penuh berkepercayaan bahawa pihak-pihak peniaga-peniaga getah di dalam negara ini akan terus menyokong penuh usaha-usaha Kerajaan seperti mana yang telah diberi oleh mereka di masa-masa yang lepas. Seperti saya sebutkan di dalam ucapan saya membentangkan Rang Undang-undang ini, hanya mereka yang telah mencuba mengelakkan dari tanggungjawab mereka sahaja yang harus takut kepada Rang Undang-undang ini.

Nampaknya memang ada mereka yang telah berbuat demikian dan Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson sendiri telah mendedahkan kedudukan ini dan seorang Ahli Yang Berhormat dari D.A.P. pun telah menyebutkan ada beberapa black sheep. Saya sendiri sangat-sangat bersimpati dengan setengah-setengah kesulitan peniaga-peniaga getah di dalam usaha mereka hendak melaksanakan tanggungjawab mereka di dalam hal ini seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kluang dan Beruas misalnya, dan akan mencuba sedaya-upaya mengatasinya. Cuma saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari D.A.P., jaga-jagalah dalam masa hendak mencari sokongan biarlah berdasarkan ideologi dan

kepercayaan, jangan pula seperti kata pepatah Melayu: Yang dikejar tidak dapat, yang dikandung keciciran. Penghabisannya seorang pun tidak menyokong mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan juga menyebutkan soal-soal yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Beliau sendiri nampaknya telah memberi tahniah kepada saya di atas kejayaan yang telah dicapai setakat ini. Tahniah ini besar maknanya kepada saya. Oleh sebab di dalam ucapannya pada Budget Session dahulu, beliau telah bertanya dan mengatakan kekuatirannya, apa juga langkah yang dibuat oleh Kerajaan tidak akan tercapai. Tetapi saya berasa hairan kepada Ahli Yang Berhormat ini bagaimana seorang yang terkenal di dalam negara ini sebagai champion of the masses telah berani pula mencadangkan supaya pihak swasta dibiarkan bertindak sendiri dengan tidak disokong oleh undang-undang yang dibentangkan ini. Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini suka mengenalkan dirinya sebagai sosialis juga. Saya percaya beliau masih memanggil dirinya sosialis. Beliau menyuruh Kerajaan, katanya, to leave it to the good sense, dengan tidak payah Kerajaan campur tangan. Kalau tidak salah saya, salah satu prinsip sosialisma ialah campur tangan Kerajaan dalam semua bidang hidup masyarakatnya. Ini mereka pula kata, jangan campur tangan—ini sahabat-sahabat kita yang ada di hadapan kita juga. Janganlah, katanya, tidak baik, sama-samalah kita menantinya.

Soal bureaucracy misalnya yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dan cara-cara mentadbirkan pendaftaran estate dan sebagainya serta pelaksanaan atau enforcement tidak harus timbul. Tanggungjawab ini akan dijalankan oleh badan-badan di bawah Kementerian saya seperti R.R.I., RISDA dan M.R.E.L.B. dengan berkuatkuasanya undang-undang ini, dan juga janganlah khuatirkan dari segi kejujuran dan pelaksanaan Rang Undang-undang ini nanti seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, Kluang dan Beruas juga. Insya Allah, kita akan menjalankan tugas dan saya akan memerhati dan mengawasi perjalanan tugas ini dengan penuh kejujuran dan dengan penuh berkesan.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini telahpun bergerak cergas sebagai *ad hoc* committee dan akan terus bergerak cergas sebagai Majlis dari semasa ke semasa, pada bila-bila masa sahaja soal penstabilan harga getah timbul.

Saya penuh kepercayaan bahawa walau bagaimanapun sibuk seseorang pegawai yang dilantik pada sesuatu masa, soal harga getah yang mengakibatkan ekonomi rakyat dalam negara yang begitu besar akan mewajibkan mereka untuk hadir tiap-tiap mesyuarat yang diadakan oleh Majlis ini. Di dalam hal ini sukalah saya menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, Ledang, Rengam, Baling dan Kangar bahawa cadangan mereka supaya wakil-wakil pekebun-pekebun kecil dilantik juga akan saya timbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyatakan bagaimana peniaga-peniaga getah telah dikehendaki menampung penyimpanan stok yang begitu tinggi, tetapi di dalam soal ini saya sukalah menyatakan bahawa ada bezanya di antara stok commercial biasa dan stok tambahan yang dikehendaki oleh kita untuk menstabilkan harga getah dan saya berharap beliau sendiri faham di atas perbezaan ini. Oleh sebab, tiap-tiap peniaga getah memang sentiasa ada stok commercialnya yang biasa disimpan oleh mereka dan apa yang dikehendaki oleh kita ialah bahawa mereka hendaklah menyimpan stok berlebihan daripada biasa sebagai satu bahagian daripada stok yang dikehendaki tersimpan oleh Kerajaan kita. Ini bermakna bukan peniaga-peniaga getah sahaja yang dikehendaki memainkan peranan ini malahan pihak-pihak yang lain seperti pihak estate, pihak kaum-kaum pekerja dan juga pekebun-pekebun kecil yang harus memainkan peranannya bersama. Dalam soal ini tidaklah payah dipersoalkan samada kita ini adil atau tidak oleh sebab kesemuanya ini telah dikaji dengan sedalam-dalamnya dan mereka yang difikirkan patut memainkan peranan segenap mana dan sehingga mana kita telah pastikan, dan apa yang lebih penting ialah tiap-tiap pihak yang berkenaan samada mereka ini daripada peniaga-peniaga, pihak estate, pihak pekerja-pekerja ataupun pihak pekebun kecil telah menunjukkan sokongan mereka dan telah menyatakan bahawa mereka akan melaksanakan rancangan ini

dengan berkesan. Jadi tidak payahlah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan dari Kuala Lumpur Bandar misalnya, menyebutkan bagaimana kaum pekerja nampaknya menghadapi susah-payah hidup mereka di dalam melaksanakan rancangan penstabilan harga getah di dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah memberikan 3 cadangan, katanya:

- (i) Kita adakan *status quo*—tarik balik Rang Undang-undang ini. Jawab saya, tidak bersetuju;
- (ii) Katanya, gunakanlah Rang Undang-undang ini dengan saksama (wisely). Saya bersetuju. Ini akan dipastikan dan apa juga rancangan yang akan dijalankan akan mengikut nasihat daripada Majlis yang berkenaan;
- (iii) Ahli Yang Berhormat dari Seremban minta saya mengadakan liaison dengan negara-negara tetangga supaya apa juga rancangan penstabilan harga getah ini akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Ini saya bersetuju dan sudahpun saya buat dengan lawatan-lawatan saya ke negara-negara yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Rengam juga telah menyebut dari segi soal perbincangan dengan negara-negara yang lain, tetapi beliau telah menekankan bagaimana pentingnya pihak Kerajaan berbincang dengan negara-negara pengguna getah. Di dalam hal ini sukalah saya menyatakan bahawa itulah sebabnya saya sendiri dan juga Menteri-menteri di dalam Kerajaan kita dan juga pegawai-pegawai di beberapa Kementerian, di mana-mana juga di dalam mesyuarat-mesyuarat dan Perjumpaan-perjumpaan antarabangsa dan di dalam siri lawatan mereka ke luar negeri, tidak berhenti-henti menyebutkan soal penstabilan harga getah yang sedang diutarakan oleh Malaysia sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang menyebutkan bagaimana mustahaknya kita menjaga mutu getah supaya mutu getah dikawal apabila diekspot. Soal ini saya fikir tidaklah payah dipersoalkan oleh sebab langkah-langkah yang berkesan telah pun diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan seperti M.R.E.L.B. dan juga pihak MARDEC dan RISDA untuk memastikan bahawa mutu pengeluaran getah daripada negara Malaysia ini baik dan diterima di antarabangsa, dan negara-negara yang tidak ada hubungan

dengan pengeluaran getah Malaysia sendiri tidak akan dapat menggunakan nama baik getah Malaysia yang sudah pun terkenal di kalangan antarabangsa.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, Besut, Bau-Lundu dan Kangar telah membangkitkan soal harga, dan minta saya memastikan bahawa harga getah benar-benar seimbang dengan harga yang sebenarnya, terutama sekali dari segi kepentingan pekebun-pekebun kecil. Di dalam hal ini suka saya menyatakan bahawa tujuan yunit pembeli getah yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan dahulu ialah untuk memastikan bahawa apa juga harga getah yang telah diberikan kepada pekebun-pekebun kecil itu seimbang dan mengikut harga harian yang disebut oleh Kerajaan melalui radio tiap-pagi dari R.S.S. 1 hingga R.S.S. 5 dan bukan sahaja itu, harganya disebut juga mengikut kati selain daripada mengikut kilo dan setelah ditolak apa juga cukai yang dikenakan kepada penjualan getah masing-masing. Jadi, soal ini saya fikir telah pun diatasi dan saya suka juga menyatakan di sini bahawa tujuan yunit pembeli getah yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan itu bukan untuk bersaing dengan pihak-pihak pembeli getah, malahan untuk memastikan bahawa getah yang dibeli oleh peniaga-peniaga getah di kawasan-kawasan pekebun-pekebun kecil sebenar-benarnya mengikut harga pasaran. Yunit pembeli getah Kementerian hanya membeli getah apabila didapati bahawa pihak peniaga getah cuba hendak membeli getah dengan harga yang rendah daripada harga biasa. Jadi, peranan yunit pembeli getah ini ialah semata-mata bertujuan untuk memastikan harga yang berpatutan, dan soal pembelian getah dengan harga yang kurang daripada harga pasaran, saya fikir dapat diatasi kalau kita kaji dari segi apa juga aktiviti yunit pembeli getah yang telah dijalankan pada masa-masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keanggotaan Majlis juga, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, Beruas dan juga Kluang telah membangkitkan soal keanggotaan ini dari segi perwakilan yang dikehendaki supaya peniaga-peniaga getah juga misalnya diwakili di dalam Majlis itu. Di dalam hal ini suka saya nyatakan bahawa soal penentuan harga getah ini ialah satu soal yang rumit dan begitu sensitif. Sebabnya maka Majlis ini cuma dihadkan setakat ini ke peringkat pegawai-pegawai

sahaja dan mereka yang tertentu dan sebabnya memberi kuasa kepada Menteri untuk memilih ahli-ahli yang difikirkan perlu sahaja di dalam Majlis ini ialah untuk mengelakkan kemungkinan mereka yang berkenaan dengan perniagaan getah dan menentukan harga getah menggunakan pengetahuan mereka di dalam Majlis ini untuk spekulasi. Misalnya, hari ini saya melantik seseorang peniaga getah menjadi ahli Majlis dan kalau Majlis itu membuat sesuatu syor supaya Menteri mengambil sesuatu langkah dia sendiri sahaja yang boleh tahu dahulu, angkat talipon terus beritahu dengan pembeli, maka dapatlah dia membuat untung untuk kepentingan dirinya sendiri dan dapatlah dia menaik ataupun menurunkan harga getah dengan kegunaan pengetahuan yang didapati daripada Majlis ini. Jadi, di dalam soal ini saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memahami dan tidak akan menekankan sangat meminta ahli-ahli daripada peniaga-peniaga getah, terutama sekali untuk menjadi anggota Majlis yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah meminta wakil pekebun-pekebun kecil duduk di dalam Majlis ini. Seperti saya katakan saya akan timbangkan, tetapi kalau disebutkan diminta Wakil-wakil Parlimen dan Wakil-wakil Rakyat, saya fikir tidak payahlah Wakil-wakil Rakyat duduk di dalam Majlis ini oleh sebab kalau ada juga pendapat-pendapat berhubung dengan penstabilan harga getah dan sebagainya, Ahli Yang Berhormat bolehlah bercakap di dalam Parlimen oleh sebab Parlimenlah satu forum yang tertinggi di dalam negara kita untuk menentukan sesuatu dasar di dalam negara kita dan juga saya sendiri sedia bila-bila masa juga mendapat pendapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Wakil-wakil Rakyat di dalam apa-apa juga soal yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini dari segi apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut bahawa sangat penting kita faham bahawa apa yang dibuatkan oleh Kerajaan pada masa sekarang bukanlah untuk menaikkan harga getah ke peringkat yang terlampau tinggi. Apa yang dikehendaki oleh Kerajaan ialah untuk menstabilkan harga getah ke paras yang berpatutan seimbang dengan titik-peluh dan juga kos pengeluaran bahan utama itu. Jadi, saya memang faham atas kesulitan pekebun-pekebun kecil, orang-orang kam-

pung dan orang-orang biasa untuk memahami sekim stok penimbal getah antara-bangsa ini, tetapi pada pandangan saya kepada orang-orang kampung senang sahaja iaitu berapakah harga getah yang didapati daripada getah yang hendak dijual oleh mereka. Kalau harga ini difikirkan dan nampak baik maka katanya sekim ini baik, kalau harganya menjunam jatuh katanya sekim ini tidak baik, dan saya tidak berjaya. Inilah ukuran daripada orang-orang biasa dan itulah sebabnya kita harus berusaha untuk mencari jalan menstabilkan harga getah supaya orang-orang kampung akan dapat pendapatan yang berpatutan untuk kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Beruas telah menyatakan bahawa kita haruslah berjaga-jaga di dalam melaksanakan sekim stok penimbal ini oleh sebab pada masa-masa yang lepas ini telah dicuba. Saya suka menyatakan bahawa percubaan ini memang benar telah dibuat dahulu, tetapi sebagai langkah sementara sahaja dan tidak berkesan dari segi jangka panjang. Saya suka menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soal ini bahawa rancangan menstabilkan harga getah dan perlaksanaannya tidak berupa satu rancangan yang permanent ataupun semata-mata akan dijalankan pada setiap masa sepanjang masa. Rancangan-rancangan satu persatunya akan dikaji untuk dilaksanakan dan dikaji oleh Majlis dan apa juga pelaksanaan yang difikirkan tidak perlu lagi untuk menstabilkan harga getah akan ditarik balik ataupun akan dikaji semula supaya cara-cara baru dapat dicari pula sekiranya harga getah tidak stabil, bila-bila masa juga rancangan-rancangan itu dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu telah meminta juga saya menimbangkan supaya dilantik ahli-ahli daripada Sabah dan Sarawak dan saya akan mengkaji kemungkinan ini, apabila saya melantik mereka ini dan saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu apabila dan kalau dapat saya layan permintaannya

nanti akan dapat pula mengutarakan permintaan kita supaya negeri-negeri ini bersatu-padu dengan kita di dalam dasar-dasar tanaman dan dasar-dasar industri getah pada keseluruhannya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekali lagi dan menyatakan bahawa selagi Ahli-ahli Yang Berhormat memberi sokongan penuh kepada Kerajaan dan memahami penuh hasrat Kerajaan untuk memperjuangkan kepentingan mereka yang begitu tertinggal dalam ekonomi negeri kita ini selagi itulah Kerajaan akan berjaya di dalam usah-usahanya menstabilkan harga getah.

Saya percaya sokongan telahpun diberi oleh rakyat jelata di dalam negara kita ini kalau diukur dari segi ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dan sokongan telah diberi di peringkat anggarabangsa, dan terpulanglah kepada kita berperasaan penuh kepercayaan dan menyokong penuh usaha-usaha Kerajaan dan dengan sokongan ini, saya percaya dapatlah pihak Kerajaan memenuhi hasrat rakyat jelata seperti yang terkandung di dalam rancangan-rancangan pembangunan negara kita.

Sekianlah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

RANG UNDANG-UNDANG PER-SATUAN PALANG MERAH MALAYSIA (PERTUKARAN NAMA)

Menangguhkan Rang Undang-undang Bagi Bacaan Kali Yang Kedua

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Rang Undang-undang Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama) bagi bacaan kali yang kedua ditangguhkan menurut Peraturan Mesyuarat 62.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Rang Undang-undang Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama) bagi bacaan kali yang kedua ditangguhkan menurut Peraturan Mesyuarat 62.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.44 ptg .

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang Pindaan ini adalah bertujuan untuk memberi kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sessions Khas kuasa membicarakan kes-kes jenayah yang membawa hukuman penjara sehingga seumur

hidup. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia muklum memandangkan keberanian pembunuh-pembunuh, perompak-perompak dan pengkhianat-pengkhianat yang memakai senjatapi apabila melakukan kes membunuh, merompak dan jenayah dengan kejam, maka masanya telah tiba untuk Kerajaan mengambil tindakan yang tegas dan ketat menerusi undang-undang bagi mencegah kekejaman yang semakin bertambah dari sehari ke sehari dan yang lazim dilakukan baik pun di Ibu Kota atau pun di mana-mana juga ceruk dan rantau di negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya pada masa ini dikecualikan beberapa kes jenayah sahaja yang diperuntukkan di dalam Seksyen 63 (3) Akta Mahkamah Rendah, 1948 atau Subordinate Courts Act, 1948 untuk dibicarakan oleh Yang di-Pertua Mahkamah Sessions Khas kuasa untuk membicarakan kes-kes jenayah yang membawa hukuman penjara seumur hidup adalah dipegang oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Tanggungjawab dan beban yang dipikul oleh Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasanya adalah sangat berat. Keadaan yang demikian telah melambatkan perbicaraan kes-kes jenayah membunuh, merompak dan perbuatan khianat yang dilakukan dengan senjatapi. Tambahan pula dengan adanya system jury trial, yang sungguhpun berfaedah di dalam beberapa kes jenayah sebagai penapis yang perlu digunakan oleh Mahkamah Tinggi apabila dibicarakan kes-kes bunuh, maka bertambah rumit dan lambat kes-kes merompak dan khianat yang dilakukan dengan senjatapi itu diselesaikan. Ada kalanya system jury trial ini telah menyebabkan orang-orang yang sebenarnya salah dan telah melakukan perbuatan jenayah sebagai membunuh, merompak dan mengkhianat dengan senjatapi telah dapat lepas ataupun tidak didapati salah oleh juri sebagai pengadil on the question berkenaan dengan tact. Oleh sebab-sebab inilah maka nampaknya pembunuh, pengkhianat dan perompak yang menggunakan senjatapi tidaklah gentar atau takut lagi untuk bertindak pada siang hari dan di hadapan khalayak ramai di Ibu Kota ataupun di tempat lain sekalipun bagi kepentingan diri mereka sendiri dan melakukan perbuatan yang keji itu. Dengan cara memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sessions Khas untuk membicarakan kes-kes jenayah yang membawa hukuman penjara seumur hidup dapatlah pentadbiran membicarakan dan

menyelesaikan kes-kes jenayah seperti merompak dan mengkhianat dengan menggunakan senjatapi itu diselenggarakan dengan licin dan cepat lagi dalam Mahkamah Sessions.

Akhir sekali, saya suka memaklumkan bahawa dengan meminda Akta Mahkamah Rendah, 1948 melalui Rang Undang-undang (Pindaan) ini perlulah juga kita meminda Akta Senjatapi, 1960, Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 dan Ordinan Dadah Berbahaya, 1952. Pindaan-pindaan kepada Akta-akta dan Ordinan itu adalah juga dibentangkan dalam Dewan ini untuk memberi kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sessions Khas bidangkuasa untuk menggunakan hukuman penuh yang diperuntukkan dalam Undang-undang termasuklah penjara seumur hidup dikecualikan hukuman mati sahaja yang terdapat dalam Akta-akta dan Ordinan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.47 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan kerana sudah sampailah masanya pada pendapat saya tindakan yang tegas diambil atas perkembangan dari sehari ke sehari, dari sebulan ke sebulan; tiap-tiap hari kita membaca akhbar, tidak lain yang kita baca bahawa berita-berita rompak, berita-berita penculikan, berita-berita penjahat yang menggunakan senjatapi dan lain-lain, sehingga ada beberapa banyak rumah-rumah seolah-olah suaminya cemburu buta, pintu ditutup, gate dikunci, apabila suami itu pergi keluar bekerja. Bukan takut isterinya dicuri ataupun diculik, tetapi takut penjahat-penjahat itu menyamar diri seperti pegawai-pegawai dan sebagainya masuk ke rumah membuat perkara-perkara yang akan mendatangkan bahaya kepada keluarganya di-masa mereka keluar bekerja dan lain-lain.

Kita juga telah membaca berkenaan dengan samun-menyamun di bank dan sebagainya dan di sini saya suka membawa perhatian

kepada Menteri-menteri yang sedar, baik-pun Menteri-menteri yang tak sedar, insya Allah supaya pergi ke bank-bank melihat sendiri betapa jaga-jaga di bank itu dibeeri uniform, diberi senapang patah duduk di kaki lima tanpa apa-apa lindungan, dan kalau ada sesiapa menggunakan senjatapi permainan kanak-kanak (toy pistol) memang senang orang-orang ini rampas senapang patahnya itu, dirompak dan sebagainya.

Pengurus-pengurus Bank memang tidak ambil tahu tentang perkara ini walaupun barangkali bila rompakan berlaku di bank yang mendatangkan kerugian kepada mereka, sebab apa juga wang-wang yang kehilangan itu covered by the insurance. Jadi biarpun berpuhul ribu, berjuta ringgit pun kalau misalnya hilang tidak menjadi keberatan kepada mereka, tetapi apa telah jadi baru-baru ini satu rompakan telah berlaku di mana kehilangan nyawa orang-orang yang lalu lintas di situ.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja barangkali elok Undang-undang ini diadakan, diperketatkan dan diberi kuasa yang lebih kepada Mahkamah Rendah, tetapi hendaklah Kementerian yang berkenaan memerhatikan supaya bank-bank ini dimestikan, (compulsory) supaya jaga-jaga yang bekerja di bank itu dikhaskan satu tempat di mana mereka betul boleh berjaga, betul boleh mengelakkan daripada penjahat-penjahat ini dapat merampas senjatanya, membuat rompakan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh berkenaan dengan senjatapi yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu. Sekarang ini sudah melampau-lampau dan bertambah-tambah penjahat-penjahat menggunakan senjatapi ini masa menjalankan rompakan. Senjatapi ini bukan sahaja senang boleh diperolehi oleh mereka tetapi hukumannya tidak begitu berat. Masa saya pergi melawat luar negeri ada beberapa kaum-kaum pemodal menyatakan kami takut hendak menanam modal di Malaysia kerana Malaysia ini mendapat reputation, iaitu negeri kita ini the "Wild West" macam negeri cowboy kerana hari-hari pistol sahaja dibawa oleh penjahat-penjahat ini untuk rompak-merompak. Jadi, ada akibatnya sedikit-sebanyak, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang hendak menanam modal di negara

kita ini takut. Kita hendak penanam-penanam modal datang ke negara kita membuka faktori, membuka perusahaan, berjoint-venture itu dan ini, tetapi kalau reputation kita sebagai negara the "Wild West" maka tentulah ada perasaan khuatir mereka hendak datang ke negara kita ini. Jadi hendaklah Kementerian yang berkenaan juga mengkaji supaya siapa juga yang menggunakan senjata di dalam rompak-rompak itu dikenakan hukuman yang seberat-beratnya, bukan sahaja penjara semur hidup, tetapi lebih daripada itu, umpamanya, hukuman gantung dan sebagainya. Dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dibuatkan satu perkara compulsory kepada bank-bank perusahaan-perusahaan ini mengadakan tempat khas bagi jaga-jaga sebagai satu cara menolong Polis Di Raja kita, kerana kita tahu Polis Di Raja kita terpaksa menggunakan anggota-anggotanya di tempat-tempat kawalan yang lebih penting. Bank-bank ini dimestikan mengambil bukan sahaja jaga-jaga daripada orang tua-tua yang sudah berumur 55 tahun ke atas, iaitu daripada orang-orang yang berpencen dan sebagainya, tetapi betul-betul daripada orang yang segak, orang-orang yang cergas dan diberi tempat yang sesuai untuk mereka berjaga-jaga. Dengan kawalan-kawalan ini, maka dapatlah kita mengelakkan berkembangnya rompak-rompak itu dan disamping itu juga dengan adanya Undang-undang yang diperketatkan ini, saya percaya negeri kita akan dapat menebus balik reputationnya sebagaimana yang dikatakan the "Wild West".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang ber-hormat kepada Peraturan Majlis Mesyuarat, bahawa Majlis ini tidak membincangkan hal senjata, tetapi membincangkan Rang Undang-undang bagi meminda Akta Mahkamah Rendah dengan memberi kuasa kepada Mahkamah Rendah untuk membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 4 dan 5 Akta Senjata. Rang Undang-undang pindaan ini hanyalah memberi kuasa kepada Mahkamah Rendah iaitu boleh membicarakan kes tersebut. Ini yang kita hendak bincangkan.

5.51 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong

sepenuhnya Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to welcome the move made by the Honourable Attorney-General to increase the jurisdiction of the President of the Sessions Court especially in view of the fact that there is an incidence of "crime wave" in this country especially now that certain elements and drug addicts resort to violence to obtain the means to purchase drugs. This added jurisdiction will mean that swift justice will be applied and will be a deterrent to those who resort to violence in this country.

We all know that though under the old law certain offences which carried the extreme penalty of life imprisonment and/or death had to be tried before a Judge and the Jury, we have found that in this country where there were trials before the Judges without the Jury, the Judges had, in all respects, acted judiciously and they had combined the functions of Judge and Jury. So, we hope that now that this jurisdiction is given to Presidents, they will also carry on the tradition of the Judges in this country especially in view of the fact that we have now seen many Presidents of the Special Sessions Courts having performed their duties which, we believe, will mean that the administration of justice in this country is now faster. We all know that there are certain criticisms where there have been delays. This is due, no doubt, to witnesses not being available or sometimes due to court schedules having to be adjusted. But we all know now that since jurisdiction is being given to Presidents, it will mean that the backlog of cases in the High Courts could now be lessened and crimes which deserve extreme punishment will now be dealt with speedily.

I would like to thank the Attorney-General for moving this Amendment Bill especially in view of the fact that we would like to see that the backlog of court cases are being dealt with as speedily as possible.

6.00 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I have the feeling that this amendment is inevitable because of the increase of crimes in recent times. But I

think there is a danger in conferring too much jurisdiction to the Lower Courts. As I understand it, the Sessions Court now has the power to deal with all those matters which the High Court would deal with except cases involving the death penalty. I think this is very dangerous from the point of view of principle. In other words, if I am right to say, the Sessions Court or the Special Sessions Court can now impose life imprisonment. That has been so for some time, but it means that some of the powers of the High Court like imposing life imprisonment for the natural life of a person can now be dealt with by the Lower Courts, both by the Sessions Courts and Special Sessions Court in Ipoh and in Kuala Lumpur. I think this is dangerous because it affects the liberty of the subject. I urge the Honourable Minister concerned that in all such cases, these Presidents of the various Sessions Courts and the Special President should be expressly told that before they pass such harsh sentences, they should see to it that the accused should be informed of his rights, and if possible where the accused has no counsel to represent him, then the Court concerned should find ways and means, if necessary by a further amendment, to provide the accused with a counsel.

Sir, I do not wish to touch on a matter which has happened in the Ipoh High Court about four or five weeks back because the case is coming up on appeal now, and it is *sub judice* to talk on it. But as a matter of principle, I think I should say that where life imprisonment for the natural life of the accused is concerned, the Court has a special duty. Although it is mandatory under the Firearms (Increase Penalties) Act to impose a sentence where the Court finds an accused guilty, it is so necessary to give the accused a counsel where he has no counsel. This, in my opinion, is justice and I think it is a bit far-fetched for some gentlemen in this House to talk of the "Hari-hari Pistol" and the "Wild West", and I think that is a bit of balderdash. I hope the Minister concerned should look into the question of providing accused a counsel.

Furthermore, although this will take some of the work-load off the High Court, I think that is not sufficient justification for this amendment. It shows that our legal system is a bit backward and I think in this age of burgeoning technological revolution our

Court system should also be scientific, and besides being scientific I think the Minister concerned should also seriously consider appointing more Judges to deal with cases more speedily. I think this would do a lot to reduce the number of backlog of cases in the numerous courts throughout this country. On the one hand, it is also important to bear in mind that imposing a harsh sentence is one thing, but, on the other hand, there must also be provision for the rehabilitation of ex-convicts, and I think this is another matter which this Ministry should look into.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: That is irrelevant to this Bill. Do not proceed on that.

Tuan Ngan Siong Hing: Okay.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What is "okay"?

Tuan Ngan Siong Hing: I appreciate your ruling. As I have said, Sir, the Lower Courts—Sessions Court and Special Sessions Court—should exercise their new found jurisdiction with care.

6.05 *ptg.*

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama menyokong Rang Undang-undang Mahkamah Rendah yang memberi kuasa lebih kepada Mahkamah Rendah. Apa yang diharapkan dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini adalah segala kes-kes yang sudah lama tidak selesai itu supaya dapat diselesaikan segera. Dengan cara begini juga dapatlah segala orang yang kena tuduh itu kepala mereka itu lapang, tahu bila keputusan yang akan mereka terima. Tetapi inginlah saya menarik perhatian kepada Menteri yang membawa Rang Undang-undang ini jika kita memberi kuasa kepada seseorang maknanya tanggungjawabnya bertambah. Jangan lupa pula masalah gaji majistret yang akan memikul tanggungjawab ini. Kita tidak mahu nanti diberi kuasa tanggungjawab kepada hakim-hakim dan majistret yang berkenaan tetapi gaji mereka tidak berubah dan tidak ada orang yang betul-betul berpengalaman hendak memikul tanggungjawab kerja itu. Jadi, saya berharap sangat apabila kuasa dan tanggungjawab diberi supaya keadaan undang-undang negara kita ini dapat berjalan dengan

sempurna hendaklah sesuai dengan kedudukan pendapatan dan pembayaran daripada pihak yang berkenaan.

Saya juga berharap dengan adanya kuasa yang lebih kepada Mahkamah Rendah dan dengan adanya orang yang berpengalaman menjalankan tugas-tugas itu, maka orang yang kena tuduh itu dapat lekas menyelesaikan kerja-kerja dan akan mengurangkan perbelanjaan peguam yang mereka ambil. Kita dapat tahu apabila seseorang kena tuduh, bila dia mengadu kepada peguam yang menjalankan perniagaan mereka, oleh sebab peguam itu tahu kes ini akan berlarutan, bayarannya itu ada ketikanya (ini orang-ramai berkata) terpaksa dibayar lebih sedikit, samada betul atau tidak terpulanglah kepada peguam untuk menentukan. Dan juga dengan adanya kuasa ini, saya rasa kadang-kadang orang yang kena tuduh itu ada ketikanya kita tidak tentu, sebab saya takut ada di antara mereka ini orang yang tidak bersalah tetapi kena frame-up case. Maka dengan sebab itu kalau ada hakim ataupun majistret yang berpengalaman, orang yang tidak bersalah ini dapat terselamat.

6.08 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengalu-alukan Akta pindaan ini dan pada hemat saya inilah satu lagi petanda kemajuan kita di bidang kehakiman dalam negara ini di mana dengan adanya pindaan ini kita dapat mempercepatkan proses bagi menyelesaikan satu-satu perbicaraan mengenai hal ini yang pada masa-masa yang lalu hanya dapat diselesaikan di Mahkamah Tinggi. Selain daripada itu, saya percaya ianya juga mungkin akan dapat mengurangkan bahkan kita berharap akan dapat menghapuskan kalau boleh sama sekali perbuatan-perbuatan jenayah yang pada masa ini sedang berleluasa yang mungkin juga menyentuh nama baik dan imej kita.

Apa yang saya harapkan bahawa Mahkamah Rendah ini tidak hanya menjalankan kuasa untuk membicarakan hal ini sahaja, tetapi apa yang diharapkan bahawa memandangkan kejadian-kejadian jenayah yang begitu berleluasa maka patutlah mahkamah-mahkamah yang akan diberi

kuasa ini menggunakan kuasa yang sepenuhnya, kalau boleh mengenakan hukuman yang maksima supaya kejadian-kejadian yang saya katakan tadi tidak akan berlaku lagi.

Daripada pengalaman kita yang lalu yang pihak-pihak keamanan, pasukan keselamatan telah berhempas pulas menangkap dan mem-bekas mereka yang melakukan jenayah-jenayah samada jenayah kecil atau sebagainya, tetapi bila dihadapkan di mahkamah biasanya dikenakan hukuman yang minima yang tidak setimpal dengan jenayah yang dilakukan, seolah-olahnya tidak ada penyelesaian dari pihak pasukan keselamatan, pasukan keselamatan dengan pihak mahkamah. Jadi, saya harap keadaan-keadaan yang menyedihkan ini tidak berulang lagi dan hendaklah perkara ini diambil perhatian.

Perkara yang saya suka hendak sentuh di sini, sebagaimana yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi selain daripada penjenayah-penjenayah yang bersenjata termasuklah juga pengidarpengidar dadah akan diberi kuasa kepada Mahkamah Rendah mengenakan hukuman jail seumur hidup. Ini saya juga berharap dari segi pengalaman supaya pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian. Misalnya, dalam negeri Johor, negeri yang seluas itu hanya ada seorang pegawai dan tiga orang penolong Biro Narkotik Negara, yang saya percaya tentulah tidak begitu mencukupi untuk hendak mengatasi apa lagi keadaan negeri Johor yang kita tahu tempat yang banyak penanam-penanam ganja dan sebagainya. Jadi saya harapkan bukan sahaja negeri Johor bahkan di seluruh negara supaya pegawai dalam hal ini diperbanyakkan untuk hendak mengatasi dan hendak membasmi keadaan ini. Saya harap selain daripada apa yang dikatakan tadi untuk mencegah perkara-perkara tersebut patutlah langkah-langkah lain dari segi saikoloji iaitu dari segi kempen yang kita tujukan kepada orang ramai supaya orang ramai menganggap bahawa mereka yang melakukan jenayah ini adalah sehina-hina manusia yang patut dikutip supaya keadaan-keadaan itu tidak berlaku lagi. Jadi, saya percaya dan yakin dengan adanya Akta (Pindaan) ini patutnya bukan sekarang bahkan telahpun dijalankan beberapa masa yang lalu akan dapat mengurangkan dan kalau boleh membasmi kan terus jenayah-jenayah yang berlaku di negara ini.

6.15 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara dan saya berpendapat Rang Undang-undang ini amatlah perlu. Sebagaimana dikatakan oleh saudara saya tadi, saya juga mengetahui setengah daripada kes-kes yang ada di mahkamah bukanlah kes yang besar-besar, bahkan kes yang kecil-kecil sekalipun biasa sampai hampir setahun baru selesai. Apatah lagi kalau kes yang besar-besar, tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini saya percaya segala kes-kes itu dapat disegerakan supaya tidaklah lagi segala kesalahan-kesalahan dan kadang-kadang segala jaminan yang terlibat dengan orang ramai terpaksa disimpan di mahkamah-mahkamah disebabkan kes-kes itu tidak dapat diselesaikan lagi. Saya berharap selain daripada kuasa diberi kepada Mahkamah Rendah di atas kes-kes yang telah ditetapkan oleh Rang Undang-undang ini, saya berharap juga patut ditambahkan lagi Hakim-hakim untuk membicarakan banyak kes yang sedang menjadi-jadi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang soal hukuman saya berpendapat tiap-tiap manusia mencari wang untuk kebahagiaan hidup, tetapi kalau manusia itu mencari wang dan mendapatkan wang, maka padah hidupnya akan menjadi kacau-bilau lebih tepatnya kena bunuh atau kena jail seumur hidup, saya fikir tidak ada manusia yang mahu mencari wang. Kalau dia dapat wang walau dengan tipu ataupun dengan menyamun, tetapi selepas dia mendapat wang katakanlah \$40,000 kadang-kadang kena jel 4 tahun, dia kira \$40,000 dengan 4 tahun jel itu lebih payah lagi bekerja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mahkamah mana yang telah mendenda 4 tahun penjara kerana mencuri \$40 atau ini misal sahaja?

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya beri contoh dan saya dapati kadang-kadang perompak dapat duit yang begitu banyak sebagaimana dikatakan oleh kawan saya tadi, tetapi hukumannya tidak setimpal. Manusia ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi dia akan mencuri nafkah hidup. Bila dia congak dengan apa yang dia dapat dengan hukuman yang dia kena; hukuman itu lebih

ringan. Kalau dia hidup di luar daripada jel pun dia tidak boleh cari sebanyak itu, dia cuba apa yang dia buat.

Tuan Yang di-Pertua, di masa saya kecil dahulu saya masih ingat di masa pemerintahan Jepun, masa itu dibuka pintu rumah, baik siang ataupun malam, penyamun tidak ingin mencuri, saya pun hairan mengapa? Siapa yang mencuri, siapa yang menyamun kadang-kadang kepalanya kena pancong dan kadang-kadang perutnya diberi minum air sampai tak habis. Manusia sebagaimana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, hendak bahagian, bila dia tahu apa yang dibuat itu kena malapetaka, dia tidak akan buat benda itu. Dengan Undang-undang ini kita ucapkan terima kasih dan diharap Kerajaan menjalankan Rang Undang-undang ini dengan tegas.

Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang bila kita bicara kadang-kadang orang yang salah pandai menjawab, dia kadang-kadang ambil peguambela. Saya bukan hendak cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya Dewan yang mulia ini hapuskan Peguambela, kerana Peguambela kita banyak dalam negara kita dan harus dalam Dewan ini pun banyak, tetapi saya takut, Tuan Yang di-Pertua, kerana Peguambela inipun cari makan. Saya merayulah kepada Peguambela kalau didapati kes itu benar-benar bersalah, di samping tuan-tuan akan melawan dengan Hakim, saya berharaplah sebagai mengingatkan negara kita, biarlah yang bersalah itu tetaplah bersalah. Saya yakin dan percaya kalau tiap-tiap yang bersalah itu dihukum sebagaimana dibuat oleh Jepun; kita bukanlah hendak mengikut contoh Jepun, tetapi Tuan Yang di-Pertua, bersetuju dengan saya tiap-tiap benda yang baik kita akan mencontohi walau dari manapun. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua, sendiri baca ada Hadis, kalau tidak silap saya, tuntutlah ilmu walaupun ke negeri China. Kalau perkara itu baik haruslah kita contoh. Jadi perkara hukum ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam Standing Orders ini tidak boleh lobi-lobi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya tidak lobi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini memberikan alasan. Jadi tegasnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah dengan Rang Undang-undang ini segala hukuman-hukuman mestilah dijalankan dengan tegas. Kita ikut

macam saya katakan tadi, masa pemerintahan Jepun, dan hukum Islam kita sendiri dipotong tangan siapa mencuri. Kalau ada Undang-undang ini dijalankan saya percaya tidak akan timbul apa yang dikatakan oleh kawan-kawan kita tadi sana samun—sini samun, tengok suratkehabarpun kita naik takut, penyamun berani sangat, baik rompak bank atau sebagainya. Saya percaya kalau Undang-undang ini diketatkan perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menjalankan Undang-undang selepas bicara minta ampun, maka tujuan kita tidak akan tercapai. Maka dengan sebab itu, saya merayulah kepada Menteri yang berkenaan apa yang termaktub dalam Undang-undang ini kita jalankan dan kita siasatlah benda itu betul-betul. Kalau didapati betul apa yang saya katakan tadi janganlah kita bicara sahaja, kita siasat benda itu. Kalau didapati latar belakang orang ini ada kes dua tiga walaupun Peguam kata betul, kita berasaskan latar belakangnya, kita siasat dari satu masaalah ke satu masaalah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu kena buat Rang Undang-undang lain pula. Tidak boleh pakai Rang Undang-undang yang ada ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya pakai Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mencontohi hukuman yang telah dibuat.

6.22 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan tahniah kepada Menteri Undang-undang dan Peguam Negara kerana mencipta Rang Undang-undang di Dewan yang mulia ini. Saya cuma ingin menarik perhatian Menteri Undang-undang di atas dua perkara.

Yang pertama, sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat saya dari Setapak tadi, apabila kita menambahkan kuasa kepada Yang di-Pertua Mahkamah elok jugalah difikirkan untuk menambahkan gaji. Dalam hal ini janganlah sangat dibandingkan tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai kehakiman ini dengan pegawai-pegawai dalam bidang pentadbiran dan sebagainya.

Saya tahu tugas sebagai pegawai kehakiman berbeza benar dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai pentadbir dan sebagainya. Jadi, eloklah apalah kiranya kalau Menteri yang berkenaan untuk menimbang dan mengkaji semula gaji yang diberi kepada pegawai-pegawai kehakiman yang berkenaan.

Perkara yang kedua yang saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan ialah apabila bidangkuasa khas diberi kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen ataupun Special Sessions Court, satu perkara mesti diingati bahawasanya sekarang dengan tidak ada Undang-undang bidangkuasa khas yang diberikan kepada pegawai-pegawai berkenaan, pegawai-pegawai ini telah banyak dibebankan dengan kes-kes. Jadi, apabila ditambah lagi bidangkuasa mungkin tujuan asal di mana kita hendak mempercepatkan keadilan akan mengakibatkan sebaliknya, iaitu kita akan melambat-lambatkan lagi keadilan kerana kita akan tambah lagi tugas dan tanggungjawab kepada mereka yang berkenaan. Jadi saya syorkan supaya bukan sahaja bidangkuasa khas diberi kepada Yang di-Pertua tetapi juga kuasa hendaklah diberi kepada Majistret-majistret ataupun Pengadil-pengadil supaya mereka ini dapat mengambil alih setengah-setengah kes yang pada masa ini dijalankan ataupun diadili oleh President, Sessions Court. Kalau tidak begitu saya yakin dan percaya tujuan asal untuk mempercepatkan keadilan tidak akan tercapai kerana pada masa sekarangpun Mahkamah Sesyen ini telah dibebankan dengan berbagai-bagai kes. Kalau ditambah lagi bidangkuasa dan kita tidak tarik balik setengah bidangkuasa dan diberi kepada Pengadil ataupun Majistret mungkin pengadilan akan dilambat-lambatkan lagi.

Satu perkara lagi, saya ingin menarik perhatian sungguhpun kita yakin dan percaya penuh kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas keadilan, bagaimanapun elok jugalah mereka ini mengambil satu sikap bahawasanya apabila hendak membuat pengadilan ke atas seseorang itu samada salah atau benar hendaklah digunakan akal fikiran, tetapi apabila hendak menghukum eloklah digunakan hati ataupun dalam bahasa Inggeris: To convict a person use your brain, but to punish a person you must also use your heart.

6.25 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) dan saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini nampaknya kejadian-kejadian jenayah seperti membunuh, merompak dan rogol adalah menjadi-jadi. Seolah-olah Undang-undang yang telah ada untuk mencegahnya tidak sedikit pun menggerun dan menakutkan mereka. Kenapa? Saya kerap kali bercakap-cakap dengan bekas orang-orang yang telah dipenjarakan di dalam kes-kes jenayah tersebut. Mereka berkata di dalam penjara tidaklah menjadi masalaah kepada mereka, sebab mereka dapat makanan, minuman dan pakaian yang cukup, kadang-kadang hiburan pun ada. Apa yang menjadi masalaah kepada mereka ialah dari hal keperluan seks semata-mata. Jadi sekiranya keperluan seks ini didapati maka mereka rela dipenjarakan buat selama-lamanya.

Dengan sebab itulah mereka berani melakukan berkali-kali sebaik-baik sahaja mereka dibebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, Dewan ini hendaklah memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Mahkamah Rendah supaya menghukum penjenayah-penjenayah tersebut dengan hukuman yang berat, kalaulah boleh sepertimana hukuman Islam iaitu dengan mengenakan hukuman kisas kepada pembunuh-pembunuh yang membunuh dengan sengaja iaitu dengan dipancung kepalanya di hadapan khalayak ramai sepertimana yang telah dilakukan kepada pembunuh Al Malik Faizal baru-baru ini, dan dipotong tangan ke atas pencuri-pencuri dan juga dikenakan rejam ke atas perogol-perogol. Dengan cara ini sahajalah penjenayah-penjenayah tadi berasa takut dan gerun.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang saya utarakan ini diketawakan orang. Tetapi walau bagaimanapun inilah satu cara pada pendapat saya bagi mengelakkan penjenayah-penjenayah yang sedang berleluasa di negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

6.29 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh di atas pindaan Rang Undang-undang Mahkamah Rendah ini, dan mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan. Ini adalah satu perubahan kepada pihak mahkamah yang mana perubahan-perubahan ini akan lebih berkesan lagi di negara kita ini. Kerana boleh didapati beberapa perkara yang telah tersangkut dan lambat dahulu akan bertambah licin dan beres. Tetapi yang mendukacitakan di dalam kehakiman ini ada beberapa perkara yang disabitkan kesalahan tetapi apabila dibawa ke mahkamah perkara ini telah dilepaskan dengan begitu mudah sahaja. Kebanyakannya, sesiapa yang ada wang ringgit mereka itu biasanya dilepaskan. Apakah caranya yang terjadi demikian? Dan kita dapati juga Pengadil-pengadil ataupun Majistret-mejistret tidak mencukupi dalam negara ini, misalnya di Batang Padang sana, seorang Majistret ditugaskan ke Kampar, Cameron Highlands dan Slim River. Perkara yang tidak mencukupi ini dalam pindaan Rang Undang-undang ini patutlah dicukupkan, barulah perkara ini dapat dilicinkan dan dibereskan.

Ada juga perkara yang tidak memuaskan iaitu berkenaan dengan Jurubahasa tidak mencukupi. Kadang-kadang ada mahkamah misalnya di Slim River seorang sahaja kerani dan lain-lain tidak ada. Perubahan-perubahan itu hendaklah dimasukkan juga dalam perubahan ini. Begitu juga ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berkata berkenaan dengan gaji. Memang betul, kadang-kadang seseorang yang bersalah didenda \$1,000, tetapi gaji Majistret tidak sampai sebanyak itu. Sekian, terima kasih.

PENANGGUHAN

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

RANCANGAN BUKU HIJAU

6.30 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu): (*Dengan izin*) Sir, our governmental effort in launching the Green Book is, if I may say, worthy of praise. As the number of Malaysians who live and depend on the yield from the land is large, an effort to urge those to fully utilise their land to produce enough food for their own consumption is a step in the right direction. Before this move was initiated, I regret to say, our priority was wrong. Our priority then was wrong because it had resulted in our nation having to rely so much on imported food and having been at the mercy of the sellers causing inflation. Sarawak which, through the Lembaga Padi dan Beras Negara, has to import rice from China at a much higher price than could be purchased from Thailand, is one example of our wrong priority. We have got independence through Malaysia for over 10 years, Sir, and our land is vast but yet unproductive.

It is better late than never that the Green Book has come to lead a Green Revolution. I hope, to maximise land utility and productivity. It is in the respect I venture, if I may, to point out to the Government to take a more concrete step in the production and distribution of cheap fertilisers. Any planting of crops, be it vegetables, be it orchids, be it padi or pepper, to yield economic and profitable returns, requires a good amount of fertilisers. This is especially so when a settled form of agriculture is also called for now by the Government. In Sarawak today, shifting padi cultivation is on the decline—a good sign—and a settled form of agriculture has taken place. Wet padi lands are planted every year and pepper planting has become more than widespread in Sarawak. Pepper as a cash crop and padi as the food crop are two very important crops planted by the people in Sarawak today. The Government has also pushed the people by launching subsidy schemes like Padi and Pepper Subsidy Schemes although they have got their own failings too. But still there has been no action on fertilisers except to list it as one of those controlled commodities. The present price of fertilisers has more than doubled on the 1970 and 1971 prices. I would just like to quote an example.

In 1971, a 25-kilo bag of urea would fetch \$7. Today, a double weight of 50-kilo bag of urea would fetch \$34. In 1971, 50 kilos of N.P.K. for pepper-planting produced by I.C.I. fetched \$13. Today, an equivalent quantity of the same brand fetches \$30. This is the approximate price in Kuching.

Upon reassessment, the farmers are now faced with much more hardship. Having limited capitals, they are at a loss of where to venture yet fertile soil or what to do. At least those planting padi may not invest a fortune as those planting pepper. Pepper planting in Sarawak with all the risks factor and early dying affected by foot-rot disease requires a very vast capital outlay. Another example I would like to quote, if I may, is this; to plant 1,000 vines of pepper at today's cost requires one to invest approximately \$10,000 in 3 years and get a return of 60% of it after the third year. To those who are rich and who plant this only as one of their diversified businesses, it is a good investment. But to those real small smallholders, the recent rise in the price of fertilisers has thrown them into confusion and up till today, they are not applying fertilisers any more to their gardens. The gardens have gone without care and this is a big loss, which will be found later on in next year's yield.

Sir, I am aware of the various problems the Government is faced with. But since it has now launched a good scheme—the Green Book—let us not do it half way. Fertilisers should be produced at a cheap cost. Efforts should be directed or must be directed at manufacturers of fertilisers in that light. Their accounts must be checked to see whether their claim about the imported cost is true. The rise in price must not be out of profit motivation, because profit motivation can hurt the vast majority of the rural people.

Lastly, Sir, I say the Government cannot be expected, of course, to be the Santa Claus for the panacea of all ills. But it will be appreciated by many poor people, especially people who depend on land productivity, if they are given cheap fertilisers. In that way, they also can participate in the development of our nation.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Buku Hijau telah

mencapai beberapa kejayaan untuk mengurangkan tekanan inflasi terutama matlamat pertama yang menekankan pengeluaran hasil pertanian dan ternakan untuk kegunaan sendiri. Untuk matlamat pertama masaalah baja tidak timbul kerana baja kompos dan "farmyard manure" yang boleh digunakan sebagai baja oleh petani-petani memang terdapat di kampung-kampung.

Masaalah baja mungkin timbul sekiranya petani-petani melibatkan diri dalam rancangan Buku Hijau untuk mencapai matlamat yang kedua menambahkan hasil pengeluaran makanan negara.

Kejatuhan harga hasil-hasil pertanian adalah perkara biasa apabila bertambah pengeluaran. Ini tentulah elok untuk orang ramai, tetapi sebaliknya tentulah tidak begitu diinginkan oleh petani-petani kita. Walaupun begitu Kerajaan sedang mengkaji masaalah ini supaya petani-petani mendapat keuntungan yang berpatutan daripada tenaga kerja mereka. Contohnya, dalam masaalah kejatuhan harga kacang tanah baru-baru ini. Kerajaan telah campur tangan dan mencapai persetujuan dengan pihak pengilang-pengilang supaya memberi kadar harga yang boleh menjamin keuntungan yang berpatutan kepada penanam-penanam kacang-kacang tanah dan pada masa yang sama dapat pula memberi harga yang berpatutan kepada orang ramai.

Masaalah kenaikan harga "farm input" bukan semestinya ditentukan oleh faktor tempatan sahaja tetapi juga oleh keadaan di luar negeri yang mana adalah di luar kawalan Kerajaan kita. Walau bagaimanapun Kerajaan telah mengambil langkah untuk memberi subsidi kepada petani-petani di mana difikirkan perlu untuk membolehkan petani-petani membeli baja dengan harga yang berpatutan.

Kerajaan sudahpun mengadakan sekim subsidi baja untuk padi dan lada hitam (pepper). Kerajaan mengadakan "Urea Padi Subsidy Scheme" untuk padi di mana petani-petani hanya membayar \$10 untuk satu bag baja seberat 20 kilo. Ini bererti Kerajaan memberi subsidi baja sebanyak 50% dan subsidi ini adalah bergantung kepada harga baja di pasaran.

Lada hitam kebanyakannya ditanam di Sarawak. Kerajaan sudah mengadakan sekim subsidi untuk lada hitam yang termasuk antara lain subsidi baja, racun serangga dan lain-lain bahan kimia yang diperlukan untuk membolehkan petani-petani membeli keperluan tersebut dengan harga yang berpatutan bagi menjalankan usaha mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk menentukan supaya harga-harga baja, racun-racun serangga dan lain-lain bahan kimia tidak meningkat di luar keupayaan petani-petani untuk membelinya. Sekiranya terdapat keadaan begini langkah-langkah akan diambil untuk mengkaji kenaikan harga itu dengan tujuan mengatasi kesulitan petani-petani kita supaya mereka dapat membeli dengan harga yang berpatutan.

Sekiranya difikirkan perlu, tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pengedar-pengedar yang mencari keuntungan yang berlebihan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.41 petang.